

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH **TEMERLOH 2035** (PENGANTIAN)

LAPORAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH TEMERLOH 2035

JILID III

Ogos 2022

SENARAI KANDUNGAN

BAB 1.0 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1-1
1.2	Latar Belakang Majlis Perbandaran Temerloh	1-2

BAB 2.0 : PENGURUSAN, PELAKSANAAN DAN MEKANISME

PEMANTAUAN

2.1	Rumusan Penemuan Utama Pengurusan, Pelaksanaan dan Mekanisme Pemantauan	2-1
2.2	Struktur Pentadbiran dan Pengurusan	2-3
2.2.1	Pengukuhan Struktur Organisasi dan Perjawatan MPT	2-3
2.2.2	Pemeriksaan MPT sebagai Pusat Pembangunan Setempat Pintar	2-10
2.2.3	Memperluaskan Kawasan Pentadbiran MPT	2-11
2.2.4	Memperkukuhkan Pengurusan Kewangan MPT Bagi Meningkatkan Kebolehlaksanaan Pembangunan	2-11
2.2.5	MP Temerloh Ke Arah Majlis Bandaraya Menjelang Tahun 2035	2-13
2.3	Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan	2-16
2.3.1	Meningkatkan Koordinasi Pelbagai Agensi Teknikal dalam Pelaksanaan dan Pemantauan RT	2-16
2.3.2	Menyediakan Pelaporan Status Pelaksanaan RT Secara Berkala	2-19
2.3.3	Menggalakkan Penglibatan Pelbagai Pihak Berkepentingan Serta Pelaburan Swasta Dalam Pembangunan Daerah Temerloh	2-20
2.4	Anggaran Kos Pelaksanaan Cadangan Pembangunan	2-26
2.5	Rumusan Cadangan Pembangunan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	2-42
2.6	Pemantauan Projek dan Program Pembangunan	2-67

BAB 3.0 : PENILAIAN CADANGAN PEMBANGUNAN

3.1	Pengenalan	3-1
3.1.1	Objektif Kemampunan dan Kriteria Penilaian Kemampunan	3-1
3.2	Hasil Penilaian Keserasian Objektif Pembangunan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) Dengan Objektif Kemampunan	3-6
3.3	Penilaian Keserasian Strategi Pembangunan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) Dengan Objektif Kemampunan	3-7
3.4	Penilaian Keserasian Cadangan Projek dan Program RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) Dengan Objektif Kemampunan	3-9

3.5	Matriks Perkaitan Cadangan Pembangunan – SDGs, NUA dan <i>Smart City</i>	3-17
3.6	Matriks Perkaitan Cadangan Pembangunan – Pengenalan Penilaian Impak Sosial (SIA)	3-29
	3.6.1 Definisi Penilaian Impak Sosial (SIA)	3-30
	3.6.2 Prinsip Penilaian Impak Sosial (SIA)	3-30
	3.6.3 Matriks Penilaian SIA	3-31

BAB 4.0 : GARIS PANDUAN KAWALAN PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN

4.1	Pengenalan	4-1
4.2	Garis Panduan Pemeliharaan Alam Sekitar	4-4
	4.2.1 KSAS Sumber Semula Jadi	4-4
	4.2.2 KSAS Sumber Air Bawah Tanah dan Kawasan Tadahan Air	4-14
	4.2.3 KSAS Sumber Tenaga	4-25
	4.2.4 KSAS Sumber Warisan	4-26
	4.2.5 KSAS Sumber Makanan	4-30
4.3	Garis Panduan Pengurusan Risiko Bencana	4-37
4.4	Garis Panduan Pembangunan Perdagangan, Perkhidmatan dan Perindustrian	4-58
	4.4.1 Perdagangan dan Perkhidmatan	4-58
	4.4.2 Perindustrian	4-61
4.5	Garis Panduan Pembangunan Perikanan dan Penternakan	4-66
	4.5.1 Perikanan (Akuakultur)	4-66
	4.5.2 Penternakan Haiwan	4-70
	4.5.3 Perusahaan Sarang Burung Walit	4-73
	4.5.4 Sistem Tanaman Sawit Dua Kembar	4-76
4.6	Garis Panduan Perumahan	4-77
	4.6.1 Perumahan Mampu Milik	4-77
	4.6.2 Pembangunan Perumahan Secara Isi Penuh	4-78
4.7	Garis Panduan Pembangunan Kemudahan Masyarakat	4-79
	4.7.1 Kemudahan Pendidikan	4-79
	4.7.2 Kemudahan Kesihatan	4-80
	4.7.3 Kemudahan Keselamatan	4-80
	4.7.4 Kemudahan Awam Dan Komuniti	4-81
	4.7.5 Taman Rekreasi	4-81
4.8	Garis Panduan Pembangunan Pengangkutan dan Lalu Lintas	4-82
	4.8.1 Perkhidmatan Pengangkutan Awam	4-82
	4.8.2 Kemudahan Pejalan Kaki dan Basikal	4-83
	4.8.3 Pengangkutan Air	4-83

4.9	Garis Panduan Pembangunan Infrastruktur dan Utiliti	4-84
4.9.1	Bekalan Air	4-84
4.9.2	Bekalan Elektrik	4-85
4.9.3	Pencawang Elektrik	4-86
4.9.4	Pembetulan	4-87
4.9.5	Tapak Loji Rawatan Kumbahan Bersistem Mekanikal	4-88
4.9.6	Pengurusan Perancangan Infrastruktur Komunikasi	4-90
4.9.7	Pengurusan Sisa Pepejal dan Sisa Terjadual	4-91
4.9.8	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	4-93
4.9.9	Buangan Sisa Pepejal dan Sisa Terjadual	4-94
4.9.10	Ukuran Pemasangan Utiliti	4-96
4.10	Garis Panduan Pembangunan Reka Bentuk Bandar	4-104
4.10.1	Reka Bentuk Bandar	4-104
4.10.2	Pemeliharaan Bangunan Warisan	4-108
4.11	Komponen <i>Semi Natural Habitats</i> Ladang Hutan	4-111

BAB 5.0 : PANGKALAN DATA SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

5.1	Pengenalan	5-1
5.2	Objektif	5-1
5.3	Kepentingan Pembangunan GIS	5-2
5.4	Kaedah Pelaksanaan Kerja	5-2
5.4.1	Penetapan Kawasan Kajian	5-3
5.4.2	Pengumpulan Data	5-4
5.5	Pembentukan Pangkalan Data GIS	5-5
5.5.1	Pembangunan Pangkalan Data	5-5
5.5.2	Melaksanakan Pendigitalan dan Kemasukan Data	5-6
5.5.3	Melaksanakan Penyeragaman Data	5-8
5.6	Kaedah Analisis	5-10
5.6.1	Analisis Ketinggian	5-11
5.6.2	Analisis Kecerunan	5-12
5.6.3	Analisis Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan	5-13
5.6.4	Analisis Tampung Radius Kemudahan Masyarakat	5-16
5.6.5	Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	5-19
5.7	Metadata RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	5-22
1.	Kadaster	5-23
2.	Guna Tanah	5-27
3.	Persempadanan	5-33
4.	Infrastruktur dan Utiliti	5-47

SENARAI RAJAH

BAB 2.0 : PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PROJEK (TERAS 4)

Rajah 2.1	Cadangan Struktur Organisasi Majlis Perbandaran Temerloh (MPT)	2-6
Rajah 2.2	Cadangan Kawasan Kawalan dan Kawasan Operasi MPT	2-12
Rajah 2.3	Cadangan Struktur Organisasi Majlis Bandaraya Temerloh, 2035	2-15
Rajah 2.4	Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Pemajuan	2-16
Rajah 2.5	Keahlian Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP)	2-17
Rajah 2.6	Keahlian dan Fungsi Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Temerloh	2-18

BAB 3.0 : PENILAIAN CADANGAN PEMBANGUNAN

Rajah 3.1	Indikator Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia	3-17
Rajah 3.2	Agenda Perbandaran Baharu	3-17
Rajah 3.3	Komponen Bandar Pintar	3-18
Rajah 3.4	Definisi SIA	3-30
Rajah 3.5	Prinsip SIA	3-30

BAB 5.0 : PANGKALAN DATA SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI

(GIS)

Rajah 5.1	Carta Proses Pelaksanaan Peringkat Draf RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	5-2
Rajah 5.2	Kedudukan Blok Perancangan Bagi Daerah Temerloh	5-3
Rajah 5.3	Carta Alir Proses Kerja Peringkat Draf RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	5-5
Rajah 5.4	Model Pangkalan Data RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	5-6
Rajah 5.5	Proses Pelaksanaan Dalam Pembangunan Pangkalan Data	5-7
Rajah 5.6	Aliran Kerja-Kerja Transformasi Unjuran ke GDM2000 State Cassini Pahang	5-9
Rajah 5.7	Model Analisis Ketinggian Daerah Temerloh	5-11
Rajah 5.8	Analisis Kecerunan Daerah Temerloh	5-11
Rajah 5.9	Model Analisis Kecerunan Daerah Temerloh	5-12
Rajah 5.10	Analisis Kecerunan Daerah Temerloh	5-12
Rajah 5.11	Model Analisis Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan	5-14
Rajah 5.12	Kategori 1	5-15
Rajah 5.13	Kategori 2	5-15
Rajah 5.14	Kategori 3	5-15

Rajah 5.15	Analisis Kesediaan dan Kesesuaian Pembangunan Daerah Temerloh	5-15
Rajah 5.16	Model Analisis Radius Tampungan Kemudahan Pendidikan	5-16
Rajah 5.17	Model Analisis Radius Tampungan Kemudahan Kesihatan	5-16
Rajah 5.18	Model Analisis Radius Tampungan Kemudahan Keselamatan	5-17
Rajah 5.19	Model Analisis Radius Tampungan Kemudahan Awam	5-17
Rajah 5.20	Radius Tampungan Kemudahan Pendidikan	5-18
Rajah 5.21	Radius Tampungan Kemudahan Kesihatan	5-18
Rajah 5.22	Radius Tampungan Kemudahan Keselamatan	5-18
Rajah 5.23	Radius Tampungan Lain-Lain Kemudahan	5-18
Rajah 5.24	Model Analisis Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	5-20
Rajah 5.25	Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	5-21
Rajah 5.26	Model Pangkalan Data RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	5-22

SENARAI JADUAL

BAB 1.0: PENDAHULUAN

Jadual 1.1	Senarai Akta dan Undang-Undang Yang Diguna Pakai Oleh MPT	1-4
Jadual 1.2	Perincian Kategori Majlis Perbandaran Temerloh	1-6

BAB 2.0 : PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PROJEK (TERAS 4)

Jadual 2.1	Peranan Bahagian Korporat dan Kerjasama Strategik	2-4
Jadual 2.2	Cadangan Jabatan Tambahan dalam Struktur Organisasi Majlis Perbandaran Temerloh (MPT)	2-5
Jadual 2.3	Cadangan Penambahan Tenaga Kerja MPT Berdasarkan Pengisian Semasa (Tahun 2021)	2-7
Jadual 2.4	Cadangan Penambahan Tenaga Kerja MPT di Bahagian / Jabatan Baharu	2-9
Jadual 2.5	Cadangan Penambahan Tenaga Kerja Teknologi Maklumat dalam MPT	2-9
Jadual 2.6	Kriteria Ke Arah Status Bandaraya Berserta Sasaran MP Temerloh	2-13
Jadual 2.7	Skop Pemantuan Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome RT	2-20
Jadual 2.8	Perincian Kerjasama Awam Swasta (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia	2-22
Jadual 2.9	Cadangan Kaedah Pelaksanaan PPP dan CSR yang Sesuai Mengikut Projek dan Pembangunan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	2-24
Jadual 2.10	Anggaran Kos Pelaksanaan Cadangan Pembangunan RTD Temerloh 2035 Berdasarkan Parameter Pengiraan	2-26
Jadual 2.11	Pengelasan Jenis Projek / Program Pembangunan	2-43
Jadual 2.12	Rumusan Cadangan Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Temerloh 2035	2-49
Jadual 2.13	Sasaran Pencapaian Projek dan Program Pembangunan RTD Temerloh 2035	2-67

BAB 3.0 : PENILAIAN CADANGAN PEMBANGUNAN

Jadual 3.1	Pernyataan Isu Strategik, Objektif Pembangunan Mampan dan Indikator Pembangunan Mampan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	3-1
Jadual 3.2	Rumusan Objektif Pembangunan Mampan Bagi RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	3-6
Jadual 3.3	Penilaian Keserasian Objektif Pembangunan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) Dengan Objektif Kemampanan	3-7
Jadual 3.4	Penilaian Keserasian Strategi Pembangunan RT Daerah Temerloh 2035 Dengan Objektif Kemampanan	3-8
Jadual 3.5	Penilaian Keserasian Projek dan Program Pembangunan RT Daerah Temerloh 2035 Dengan Objektif Kemampanan	3-9
Jadual 3.6	Penilaian Perkaitan Cadangan Pembangunan dengan SDGs, NUA dan <i>Smart City</i>	3-19
Jadual 3.7	Senarai Pembolehubah Penilaian Impak Sosial (SIA)	3-31
Jadual 3.8	Matriks jangkaan pembolehubah impak sosial dan senarai projek pembangunan bagi Flagship 1.	3-33
Jadual 3.9	Matriks jangkaan pembolehubah impak sosial dan senarai projek pembangunan bagi Flagship 2.	3-39
Jadual 3.10	Matriks jangkaan pembolehubah impak sosial dan senarai projek pembangunan bagi Flagship 3.	3-42

BAB 5.0 : PANGKALAN DATA SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI

(GIS)

Jadual 5.1	Jenis dan Format Data Dalam Pengumpulan Data	5-4
Jadual 5.2	<i>Topology Rules</i> Yang Akan Digunakan Dalam Penyediaan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)	5-8



Gambar Majlis Perbandaran Temerloh

1.0


PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) merupakan satu rancangan pemajuan yang menyeluruh di peringkat tempatan dan menjadi asas rujukan kepada pelbagai pihak berkepentingan terutamanya Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) dan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dalam membangunkan daerah Temerloh. RT ini menyediakan cadangan projek atau program bagi tujuan meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat, ekonomi, sosial dan persekitaran fizikal daerah Temerloh. Cadangan projek dan program yang dibuat memerlukan pengurusan yang efisien dan efektif serta mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang strategik bagi memastikan cadangan-cadangan dalam RT ini dapat direalisasikan dalam tempoh yang ditetapkan.

Bab Pengurusan, Pelaksanaan dan Mekanisme Pemantauan ini akan memperincikan kaedah dan cara untuk melaksanakan dan mengurus pembangunan yang telah dirancang di dalam RT. Pengurusan yang teratur dan sumber kewangan yang kukuh akan memberi jaminan terhadap kejayaan pelaksanaan projek pembangunan di dalam daerah Temerloh. Peningkatan dan pengukuhan fungsi dan peranan PBT yang bertindak sebagai agensi pelaksana utama, penyelaras dan pemantau adalah perlu selaras dengan matlamat pembangunan Temerloh iaitu “*Sebagai Lokasi Strategik Pembangunan Mampan, Ekonomi Berdaya Saing dan Berdaya Tahan*”.

Topik utama yang akan diperincikan di dalam Jilid 3 ini adalah berkaitan:



Pengurusan, Pelaksanaan dan Mekanisme Pemantauan



Penilaian Cadangan Pembangunan



Garis Panduan Pembangunan



Pembangunan Pangkalan Data Geospasial RT

1.2 Latar Belakang Majlis Perbandaran Temerloh

Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) mendapat statusnya sekarang pada 15 Januari 1997. Sebelum itu, MPT adalah Majlis Daerah Temerloh (MDT) bermula 1 Julai 1981. MDT adalah hasil gabungan 4 majlis tempatan yang wujud di Temerloh ketika itu iaitu:

- i. Majlis Bandaran Temerloh dan Mentakab
- ii. Majlis Tempatan Kuala Krau
- iii. Majlis Tempatan Kerdau
- iv. Majlis Tempatan Lanchang



Majlis Perbandaran Temerloh

Sebagai PBT yang ditubuhkan di bawah Seksyen 2, Akta 171, MPT memainkan peranan sebagai agensi pentadbiran utama di peringkat daerah dalam perancangan dan pembangunan fizikal, sosioekonomi dan pembangunan serta penggunaan tanah. Dari segi kawasan pentadbiran, kawasan MPT dibahagikan kepada dua iaitu Kawasan Operasi dan Kawasan Kawalan.


Objektif MPT

Objektif yang disasarkan MPT adalah seperti berikut:



Fungsi MPT

Sebagai PBT, MPT berperanan menentukan kualiti hidup penduduk tempatan terkawal dan terjamin melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan empat Akta Induk PBT iaitu:



MPT bertanggungjawab menjalankan segala fungsi kerajaan tempatan untuk menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat dan pihak berkepentingan di dalam kawasan pentadbirannya. Antara peranan / fungsi MPT adalah:



Merancang pembangunan secara tersusun, sejahtera dan seimbang.



Menyediakan kemudahan prasarana yang lengkap dan terkini bagi menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi.



Menyediakan perkhidmatan kawal selia, kebersihan dan kesihatan serta kawalan penyakit berjangkit dengan berkesan dan menyeluruh.



Menyediakan landskap yang indah dan menarik.



Meningkatkan kualiti pengurusan kewangan yang cekap dan telus.



Mewujudkan suasana persekitaran kerja yang berteraskan kepada teknologi maklumat terkini.



Melesen dan mengawal aktiviti perniagaan, iklan dan penjaja.



Menjalin hubungan antara masyarakat setempat melalui aktiviti-aktiviti sosiobudaya dan perancangan.



Meningkatkan dan melicinkan pentadbiran melalui perkhidmatan kakitangan yang berkualiti dan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dan positif.



Menguatkuasakan undang-undang dengan adil dan saksama.

Akta dan Undang-undang yang Diguna Pakai

Akta, undang-undang kecil, perintah, kaedah dan penguatkuasaan undang-undang yang diguna pakai oleh MPT untuk melaksanakan pentadbiran dalam kawasannya adalah seperti berikut:

Jadual 1.1: Senarai Akta dan Undang-Undang Yang Diguna Pakai Oleh MPT

Bil.	Akta / Undang-undang
Akta-Akta Perancangan Bandar dan Desa	
1.	Akta 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
2.	Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976
3.	Akta 172 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
4.	Akta 333 Akta Pengangkutan Jalan 1993
Kaedah-Kaedah Perancangan / Enakmen / Perintah	
1.	Kaedah-Kaedah Hiburan 1993
2.	Enakmen Hiburan 1993
3.	Enakmen Kerbau Lembu
4.	Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000
Undang-Undang Kecil	
1.	Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000
2.	Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut (Majlis Perbandaran Temerloh) 1987
3.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Perbandaran Temerloh) 1986
4.	Undang-Undang Kecil Kawalan dan Penyeliaan Tempat-tempat Makan (Majlis Perbandaran Temerloh) 1986
5.	Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Temerloh) Tahun 2000
6.	Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (Majlis Perbandaran Temerloh) 1984
7.	Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan dan Permit (Majlis Perbandaran Temerloh) 1983
8.	Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Perbandaran Temerloh) 1983
9.	Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan di bawah Akta Kerajaan Tempatan (Majlis Perbandaran Temerloh) 1983
10.	Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000
11.	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam
12.	Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Perbandaran Temerloh) 2000
13.	Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Temerloh) 2008
14.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Temerloh) 1984
15.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Temerloh) (Pindaan) 2007
16.	Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Temerloh) 1983

sambungan

Jadual 1.1: Senarai Akta dan Undang-Undang Yang Diguna Pakai Oleh MPT

Bil.	Akta / Undang-undang
Garis Panduan	
1.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi
2.	Garis Panduan <i>Gated Community and Guarded Neighbourhood</i>
3.	Panduan Pelaksanaan: Pengecualian Kebenaran Merancang
4.	Manual Laporan Cadangan Pemajuan Edisi Kedua
5.	Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti.
6.	Reka Bentuk Bandar Selamat- Panduan Pelaksanaan <i>Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)</i>
7.	Garis Panduan <i>Green Neighbourhood</i>
8.	Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA
9.	Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design)
10.	Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat
11.	<i>Guidelines For Siting And Zoning Of Industry And Residential Areas</i>
12.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut
13.	Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownfield</i>
14.	Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan
15.	Manual Piawaian Perancangan Negeri Pahang
16.	Garis Panduan Perancangan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Kerja Kejuruteraan (Kerja Tanah Untuk Pertanian) Negeri Pahang
17.	Garis Panduan <i>Environmental Essential for Siting of Industrial in Malaysia (EESIM)</i>
18.	Garis Panduan Had Anjakan Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai
19.	Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) (Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara).

Sumber : Majlis Perbandaran Temerloh dan PLANMalaysia@Pahang, 2021.

Kategori Pihak Berkuasa Tempatan

Berdasarkan Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kategori PBT dipecahkan kepada tiga (3) jenis iaitu:



Berdasarkan **Jadual 1.2**, kriteria yang diperjelaskan bagi kategori Majlis Perbandaran adalah bersesuaian dengan keadaan semasa pihak MPT di mana ia merupakan pusat pentadbiran utama bagi kawasan di daerah Temerloh. Selain itu, bilangan penduduk yang melebihi 150,000 orang dengan penyediaan sistem perkhidmatan yang baik untuk penduduk tempatan adalah tahap pencapaian yang dicapai oleh pihak MPT.

Jadual 1.2: Perincian Kategori Majlis Perbandaran Temerloh

Kriteria	Kategori PBT
	Majlis Perbandaran
Keterangan	Bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri atau daerah
Penduduk	Melebihi 150,000 orang
Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sumber kewangan yang mampan (<i>sustainable</i>). ii. Hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta. iii. Menyediakan perkhidmatan yang selesa.
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga. ii. Menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial.
Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> i. Perancangan bandar yang mampan (<i>sustainable</i>) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. ii. Indikator bandar mampan seperti yang ditekankan dalam Sistem <i>Malaysia Urban Indicator Network</i> (MURNInet).
Kemudahan Lain	Menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program <i>Local Agenda 21</i> (LA 21).



Gambar Majlis Perbandaran Temerloh

2.0

**PENGURUSAN,
PELAKSANAAN DAN
MEKANISME PEMANTAUAN**

2.1 Rumusan Penemuan Utama Pengurusan, Pelaksanaan dan Mekanisme Pemantauan



Keperluan Peningkatan Keupayaan Organisasi MPT

Keupayaan organisasi MPT sebagai agensi pelaksana utama perlu ditingkatkan berdasarkan kepada analisis maklumat perjawatan MPT, di mana masih terdapat 54 jawatan (22%) yang perlu diisi segera terutama jawatan di bahagian teknikal dan kewangan seperti berikut:

- | | |
|---------------------------------|--------------|
| i. Kejuruteraan (J) | 5 kekosongan |
| ii. Perubatan dan Kesihatan (U) | 4 kekosongan |
| iii. Kewangan (W) | 3 kekosongan |

Selain perjawatan, aspek pengurusan di MPT juga boleh ditambah baik dengan mengaplikasikan konsep *Smart Government*.



Keperluan Pengukuhan Prestasi Kewangan MPT Pendapatan dan Perbelanjaan yang Tidak Stabil


Laporan Kewangan Tahunan MPT dari tahun 2015-2019 menunjukkan MPT mengalami defisit kewangan pada setiap tahun. Selain itu, MPT juga mencatatkan jumlah tunggakan kutipan cukai taksiran tertinggi di antara PBT di negeri Pahang pada tahun 2018 iaitu 37.8% tunggakan berbanding pendapatan. Berdasarkan maklumat ini, dapat dirumuskan kedudukan kewangan MPT yang tidak stabil merupakan antara kekangan kepada pelaksanaan projek-projek yang telah dicadangkan. Sumber pendapatan baharu perlu diperkenalkan bagi meningkatkan sumber kewangan dan tahap daya laksana MPT.

Jenis Pendapatan	Jumlah (RM)		
	2015	2019	2020
Jumlah Hasil	28,753,621.00	33,620,305.00	37,979,896.00
Jumlah Perbelanjaan	30,410,852.00	38,531,561.00	37,612,974.00
Lebih / (Kurangan)	-1,657,231.00	-4,911,256.00	366,922.00



Tahap Pelaksanaan Projek dan Program di Dalam RT Daerah Temerloh (Pengubahan) Terdahulu Adalah Rendah

Berdasarkan Laporan Penilaian Outcome RT Daerah Temerloh 2020, didapati hanya 22 peratus projek cadangan RT Daerah Temerloh Pengubahan telah dan sedang dilaksanakan. Isu ini berpunca daripada cadangan projek yang disediakan kurang berdaya laksana. Selain itu, terdapat juga cadangan yang dibuat tidak sesuai untuk dilaksanakan kerana melibatkan kos yang besar ke atas kepentingan berskala kecil.




2.2 Struktur Pentadbiran dan Pengurusan

2.2.1 Pengukuhan Struktur Organisasi dan Perjawatan MPT

Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) sebagai pihak berkuasa perancang tempatan bagi daerah Temerloh memainkan peranan penting dalam pelaksanaan serta pemantauan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) ini. MPT bertanggungjawab memastikan setiap pembangunan yang dijalankan dalam daerah ini adalah selari dengan hala tuju serta memantau tahap pelaksanaan cadangan program dan projek pembangunan agar dapat dilaksanakan dalam tempoh fasa yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kecekapan pengurusan MPT ini perlu ditingkatkan melalui penstrukturan organisasi MPT serta pembangunan kapasiti secara optimum.

- i. **Menambah satu bahagian khusus dalam Jabatan Perancang agar rancangan pemajuan serta projek-projek khas di peringkat tempatan (RT, RKK dan PTK) dapat dilaksanakan dan dipantau dengan lebih efektif**

FUNGSI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN DAN PROJEK KHAS



Penambahan bahagian khusus ini adalah penting bagi memastikan pelaksanaan projek dan program yang dicadangkan dalam setiap rancangan pemajuan serta projek-projek khas di daerah Temerloh boleh dipantau secara berkala. Pemantauan secara berkala adalah penting bagi melancarkan proses pembangunan kerana sebarang halangan atau masalah yang timbul boleh dikenal pasti di peringkat awal dan diselesaikan secara bersama. Tenaga kerja dalam bahagian baru ini haruslah mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang perancangan bandar dan wilayah serta pengurusan projek.

ii. Menambah satu bahagian khusus dalam Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam bagi menjaga serta menguruskan kerjasama strategik.

Satu bahagian khusus dicadangkan dalam Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam yang akan menumpukan secara khusus kepada aspek pelaburan dalam Daerah Temerloh melalui hubungan dan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi Kerajaan, pihak swasta, syarikat GLC, badan berkanun, NGO dan lain-lain. Peranan Bahagian Korporat dan Kerjasama Strategik diperincikan dalam **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1 : Peranan Bahagian Korporat dan Kerjasama Strategik

Peranan
<ul style="list-style-type: none">• Menjaga kepentingan, hubungan dan kerjasama strategik.• Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan projek penswastaaan, usahasama, pembangunan projek impak besar dan peluang-peluang pelaburan baru di kawasan MPT.• Bertanggungjawab dalam usaha untuk menambah sumber pendapatan MPT.• Menyediakan pelan pelaburan bagi daerah Temerloh. Menggunakan sepenuhnya RT sebagai pelan pelaburan kepada pembangunan daerah yang maju, terancang dan mampan.• Mempelbagaikan usaha promosi, pemasaran dan potensi pelaburan di daerah Temerloh.

Tenaga kerja dalam bahagian baru ini haruslah mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang berkaitan ekonomi seperti; (i) perniagaan dan korporat; (ii) perhubungan awam; (iii) pelaburan dan kewangan; serta (iv) pemasaran.

iii. Menambah 2 jabatan baharu dalam struktur organisasi MPT


Dua jabatan tambahan dicadangkan dalam struktur organisasi MPT yang akan menumpukan secara khusus kepada aspek pelancongan serta pengurusan alam sekitar. Bagi membangunkan daerah Temerloh sebagai hab pelancongan Negeri Pahang, produk-produk pelancongan serta aset warisan yang berpotensi perlu dipromosikan secara agresif dalam menjana pertumbuhan ekonomi setempat. Selain itu, terdapat keperluan untuk menubuhkan sebuah jabatan khusus bagi menyelaraskan serta menguruskan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Negeri Pahang kini menumpukan ke arah pengurusan alam sekitar dan biodiversiti selaras dengan Enakmen Alam Sekitar dan Biodiversiti yang telah diluluskan oleh DUN. **Jadual 2.2** menunjukkan jabatan-jabatan tambahan yang dicadangkan, peranan serta kepakaran yang diperlukan.

Jadual 2.2 : Cadangan Jabatan Tambahan dalam Struktur Organisasi Majlis Perbandaran Temerloh (MPT)

Cadangan Jabatan Tambahan	Peranan	Kepakaran Diperlukan
Jabatan Pelancongan dan Warisan	<ul style="list-style-type: none"> Mempelbagaikan usaha promosi, pemasaran dan potensi pelancongan di daerah Temerloh. Memastikan produk-produk pelancongan di daerah Temerloh dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sokongan, mudah diakses serta diselenggara dengan baik. 	<ul style="list-style-type: none"> Hospitaliti dan pengurusan pelancongan Rekreasi dan ekopelancongan mampan Pengurusan fasiliti Pemasaran
Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan Biodiversiti	<ul style="list-style-type: none"> Menjamin dan memantau persekitaran dan kelestarian persekitaran di MPT. Mengenal pasti dan memantau kawasan badan air / KSAS yang tidak boleh dibangunkan langsung. Menguruskan kawasan berisiko bencana Menyelaras usaha-usaha krisis bencana serta pemulihan pasca bencana di daerah Temerloh. 	<ul style="list-style-type: none"> Kawalan dan pengurusan alam sekitar Pemuliharaan dan dan pengurusan biodiversiti Pengurusan risiko bencana

Cadangan struktur organisasi Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) ditunjukkan dalam **Rajah 2.1**.

Rajah 2.1 : Cadangan Struktur Organisasi Majlis Perbandaran Temerloh (MPT)



iv. Meningkatkan kecekapan MPT melalui pembangunan kapasiti yang berterusan dan penyediaan keperluan logistik yang mencukupi

- Sumber tenaga kerja, peralatan dan peruntukan kewangan yang mencukupi adalah penting bagi meningkatkan kecekapan MPT sebagai agensi pelaksana utama RT ini.
- Perjawatan yang masih kosong iaitu sebanyak 54 jawatan (22%) perlu diisi segera iaitu melibatkan 3 perjawatan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 51 perjawatan daripada Kumpulan Pelaksana (**Jadual 2.3**).
- Dengan adanya penambahan Bahagian dan Jabatan baharu dalam MPT, jumlah tenaga kerja yang mempunyai kepakaran dalam bidang perancangan bandar dan wilayah, pelaburan dan korporat serta pengurusan alam sekitar juga perlu ditambah (**Jadual 2.4**).
- Selain itu, tenaga kerja berkaitan teknologi maklumat juga perlu ditingkatkan bagi memudahkan pelbagai usaha melebar luaskan perkhidmatan MPT termasuk pelbagai jenis urusan atas talian dan promosi potensi daerah Temerloh. Dicadangkan tenaga kerja Teknologi Maklumat ditambah daripada 3 kepada 6 perjawatan (**Jadual 2.5**).
- Melengkapkan pasukan atau unit penguatkuasaan dengan alat-alat kemudahan seiring dengan kemajuan teknologi dan pengetahuan.
- Mempergiat program latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan kakitangan.

Jadual 2.3: Cadangan Penambahan Tenaga Kerja MPT Berdasarkan Pengisian Semasa (Tahun 2021)

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah Perjawatan	Jumlah Pengisian	Cadangan Penambahan
Terbuka					
1	Setiausaha, PTD, Gred M48/Peg. Tadbir, Gred N48/Peg. Undang-Undang, Gred L48/Akauntan, Gred WA47/48/Peg. Penilaian, Gred W48 Jurutera, Gred J48/Peg. Perancang Bdr & Desa, Gred J48/Ark. Landskap, Gred J48/Arkitek, Gred J48/Per. Peg. Kesihatan Persekitaran/Peg. Kesihatan, Gred U48	M48/ N48/ L48/ WA47/ 48/ W48/ J48/ U48	1	0	1
Pentadbiran dan Sokongan (N)					
2	Pegawai Tadbir	N41/N44	2	1	1
3	Penolong Pegawai Tadbir, Gred N29 (TBK1 dan TBK2)	N29	3	1	2
4	Pembantu Tadbir (P/O)	N26	1	0	1
5	Penghantar Notis	N11/N14/ N16	2	1	1
6	Pembantu Operasi	N11/N14/ N16	6	5	1

sambungan

Jadual 2.3: Cadangan Penambahan Tenaga Kerja MPT Berdasarkan Pengisian Semasa

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah Perjawatan	Jumlah Pengisian	Cadangan Penambahan
Kejuruteraan (J)					
7	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera, Gred JA29/30 (TBK1)	JA29/30/ JA36/ JA38	9	8	1
8	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera, Gred JA29/30 (TBK1 dan TBK2) Khas Untuk Penyandang	JA29/30/ JA36/ JA38	2	0	2
9	Pen. Peg. Perancang Bandar, Gred JA29 (TBK1 dan TBK2)	JA29/JA3 6/ JA38	5	3	2
Keselamatan dan Pertahanan (KP)					
10	Pembantu Penguatkuasa, KP22 (TBK2)	KP22/ KP26	2	1	1
Perubatan dan Kesihatan (U)					
11	Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran / Peg. Kesihatan Persekitaran, Gred U41/42/U44	U41/ U42/ U44	1	0	1
12	Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran / Peg. Kesihatan Persekitaran, Gred U36	U36	2	1	1
13	Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran / Peg. Kesihatan Persekitaran, Gred U32 (TBK2)	U32/ U36	2	1	1
14	Pembantu Kesihatan Awam, Gred U19 (TBK1 dan TBK2)	U19/U24/ U26	7	5	2
Kewangan					
15	Penolong Akauntan, Gred W29 (TBK1 dan TBK2)	W29/ W32/36	3	1	2
16	Pem. Tadbir (Kewangan), Gred W19 (TBK1 dan TBK2)	W19/W2 2/ W26	3	2	1
Kemahiran					
17	Pemandu Kenderaan, Gred H141 (TBK1 dan TBK2)	H11/H14/ H16	13	7	6
18	Pembantu Awam, Gred H14 (TBK2)	H14/H16	6	4	2
19	Pembantu Awam, Gred H11 (TBK1 dan TBK2)		57	32	25
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL			14	11	3
KUMPULAN PELAKSANA			232	181	51
JUMLAH KESELURUHAN					54

Jadual 2.4 : Cadangan Penambahan Tenaga Kerja MPT di Bahagian / Jabatan Baharu

Bahagian / Jabatan	Jawatan	Jumlah Perjawatan
Jabatan Pelancongan dan Warisan	• Pegawai berkelulusan dalam bidang hospitaliti dan pengurusan pelancongan / rekreasi dan ekopelancongan mampan / pengurusan fasiliti / pemasaran	3
	• Penolong Pegawai berkelulusan dalam bidang hospitaliti dan pengurusan pelancongan / pengurusan fasiliti / pemasaran	2
	• Pembantu Tadbir	2
Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan Biodiversiti	• Pegawai berkelulusan dalam bidang kawalan dan pengurusan alam sekitar / bidang pemuliharaan dan pengurusan biodiversiti	2
	• Pegawai berkelulusan dalam bidang pengurusan risiko bencana	1
	• Penolong Pegawai dalam bidang kawalan dan pengurusan alam sekitar / pemuliharaan dan dan pengurusan biodiversiti / pengurusan risiko bencana	2
	• Pembantu Tadbir	2
	• Pegawai Teknologi Maklumat	1
Bahagian Rancangan Pemajuan dan Projek Khas	• Pegawai berkelulusan dalam bidang perancangan bandar dan desa	1
	• Pegawai berkelulusan dalam bidang pengurusan projek	1
	• Penolong pegawai berkelulusan dalam bidang perancangan bandar dan desa / pengurusan projek	2
	• Pembantu Tadbir	1
Bahagian Korporat dan Kerjasama Strategik	• Pegawai berkelulusan dalam bidang perniagaan dan korporat / perhubungan awam	1
	• Pegawai berkelulusan dalam bidang pelaburan dan kewangan / pemasaran	1
	• Penolong pegawai berkelulusan dalam bidang perniagaan dan korporat / perhubungan awam / pelaburan dan kewangan / pemasaran	2
	• Pembantu Tadbir	1
JUMLAH KESELURUHAN		25

Jadual 2.5 : Cadangan Penambahan Tenaga Kerja Teknologi Maklumat dalam MPT

Bil.	Jawatan	Jumlah Perjawatan Semasa	Jumlah Pengisian Semasa	Cadangan Penambahan Jawatan
1	Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F41/F44	1	1	0
2	Pegawai Teknologi Maklumat, Gred FA29 (TBK1 dan TBK2)	2	2	1
3	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat	0	0	2
4	Juruteknik Komputer	0	0	3
JUMLAH KESELURUHAN				6

2.2.2 Pemerkasaan Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) sebagai Pusat Pembangunan Setempat Pintar

- Mewujudkan pusat pemantauan perancangan bandar pintar yang diintegrasikan bersama jabatan - jabatan lain di dalam MPT atau dikenali sebagai *Temerloh Smart Center* bagi menguruskan dan memantau daerah Temerloh dengan lebih cekap dan efisien.
- Penggunaan sistem yang berteknologi tinggi seperti *City Planning System* membolehkan data terperinci mengikut lot diperoleh secara *real time*.
- Selain itu, pengurusan risiko bencana juga boleh ditambah baik melalui pengaplikasian peralatan berteknologi seperti *digital signboard* untuk memberi hebahan dan amaran kepada penduduk tentang banjir.
- *Local Urban Observatory* (LUO) / *Temerloh Urban Observatory* (TUO) iaitu pusat data dan rujukan utama berpotensi dibangunkan dalam *Temerloh Smart Center* sebagai platform perkongsian dan integrasi data antara pelbagai agensi yang mempunyai sistem dan aplikasi tersendiri dalam suatu sistem pangkalan data secara bersepadu.
- Pembangunan *urban observatory* ini akan meningkatkan kecekapan pengurusan MPT melalui *data driven decision making* bagi memperkukuhkan perancangan fizikal, pengurusan alam sekitar dan biodiversiti, geobencana serta pemantauan pelaksanaan projek-projek yang dicadangkan dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) ini.

FUNGSI TEMERLOH SMART CENTER



Mengumpulkan data bandar secara sistematik dan kumulatif.



Mengawal selia aktiviti guna tanah semasa dan zon guna tanah.




Menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan



Mengenal pasti potensi-potensi pembangunan



Menyelia kawasan berisiko bencana




Mengawal lalu lintas bandar

2.2.3 Memperluaskan Kawasan Operasi MPT

- Kawasan pentadbiran MPT merangkumi keseluruhan daerah kecuali Hutan Simpanan Kekal dan Hutan Tanah Kerajaan.
- Kawasan operasi MPT dicadangkan untuk diperluaskan selaras dengan cadangan zoning 2035 bagi membolehkan perancangan dan kawalan pembangunan dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan serta menawarkan perkhidmatan perbandaran dengan lebih menyeluruh.
- Kawasan operasi yang luas juga dapat memperkukuh sumber pendapatan MPT terutama dari segi pungutan cukai taksiran untuk kawasan perumahan, perdagangan dan perindustrian serta mendapat faedah-faedah lain daripada pembangunan tersebut.
- **Rajah 2.2** menunjukkan cadangan kawasan operasi MPT.

2.2.4 Memperkukuhkan Pengurusan Kewangan MPT Bagi Meningkatkan Kebolehlaksanaan Pembangunan

- Jabatan Kewangan MPT perlu mengemaskini data jumlah tunggakan dan kutipan taksiran yang terkini.
- Sumber-sumber kewangan baharu perlu dikenal pasti bagi memperkukuh kedudukan kewangan MPT terutama berasaskan pelancongan.
- Menggiatkan usaha dan mempelbagaikan kaedah kutipan cukai taksiran agar dapat mengurangkan jumlah tunggakan kutipan, seterusnya menambah pendapatan MPT.
- Menggalakkan pembangunan padat dan TOD di sekitar bandar Temerloh dan Mentakab bagi meningkatkan pendapatan MPT.
- Penambahan pendapatan selain daripada kutipan cukai seperti melalui sewaan bangunan, lesen perniagaan, bayaran tempat letak kenderaan dan lain-lain.
- Meningkatkan usahasama dan penswastan aset-aset hartanah MPT (sedia ada dan yang boleh diambil balik) serta menggalakkan lesen perniagaan.
- Mengemaskini maklumat premis-premis yang boleh menjana pendapatan MPT melalui pungutan cukai.



Petunjuk :


- Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Temerloh
- Kawasan Operasi Majlis Perbandaran Temerloh

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000



Rajah 2.2 : Kawasan Operasi MPT Sedia Ada Dan Cadangan Perluasan

2.2.5 MPT Ke Arah Majlis Bandaraya Menjelang Tahun 2035

Pelaksanaan cadangan-cadangan pembangunan yang disediakan di dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) ini dilihat mampu melonjakkan status MPT ke arah status bandaraya iaitu sebagai Majlis Bandaraya Temerloh sehingga fasa sedekad akan datang iaitu menjelang tahun 2035. Inisiatif bagi pelaksanaan status PBT ini adalah kerana dengan adanya projek-projek pembangunan yang berimpak tinggi (PiT) serta ditambah dengan lonjakan pembinaan laluan ECRL yang bakal dibina dalam daerah Temerloh seperti yang ingin direalisasikan oleh pihak kerajaan di peringkat persekutuan.

Jabatan Kerajaan Tempatan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyenaraikan beberapa kriteria yang perlu dipatuhi oleh setiap PBT di Malaysia sebagai '*standard bench mark*' untuk mencapai status kategori PBT. Kriteria ke arah status bandaraya bagi daerah Temerloh ditunjukkan seperti dalam **Jadual 2.6** berserta sasaran yang perlu diambilkira oleh MPT sehingga menjelang tahun 2035. Penstrukturan organisasi MP Temerloh sebagai majlis bandaraya turut dicadangkan seperti dalam **Rajah 2.3** dengan menaiktaraf senarai jabatan dalam MPT dan disesuaikan mengikut penstrukturan di peringkat majlis bandaraya.

Jadual 2.6: Kriteria Ke Arah Status Bandaraya Berserta Sasaran MPT

Bil	Kriteria	Sasaran Majlis Perbandaran Temerloh 2035
DEFINISI BANDARAYA		
1	Kawasan pusat pentadbiran sesebuah negeri	<ul style="list-style-type: none"> Daerah Temerloh sebagai lokasi cawangan pentadbiran Negeri Pahang.
PENDUDUK PADA TAHUN UNJURAN 2035		
2	Jumlah penduduk melebihi 500,000 orang	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan tepu bina meningkat sekurang-kurangnya 3% daripada kawasan tepu bina sedia ada, 2021. Peluang pekerjaan meningkat di daerah Temerloh dalam pelbagai bidang. Hab institusi pendidikan termasuk IPTA dan sekolah-sekolah kluster telah dibangunkan.
PENDAPATAN		
3	<ul style="list-style-type: none"> i. Sumber kewangan yang mapan (<i>fiscally sustainable</i>). ii. Hasil tahunan PBT hendaklah melebihi RM100 juta. iii. Mampu mengimbangi perbelanjaan 	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan operasi MPT diperluas selaras dengan kawasan tepu bina 2035. Penglibatan 80% pelaburan swasta dalam pembangunan daerah Temerloh.

sambungan

Jadual 2.6: Kriteria Ke Arah Status Bandaraya Berserta Sasaran MPT

Bil	Kriteria	Sasaran Majlis Perbandaran Temerloh 2035
PERKHIDMATAN		
4	Menyediakan perkhidmatan pada tahap yang tinggi.	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan tenaga kerja MPT
PEMBANGUNAN		
5	<p>i. Menekankan kepada pembangunan mampan (<i>sustainable development</i>).</p> <p>ii. Memberi tumpuan kepada usaha untuk menangani isu-isu perbandaran seperti setingan, operasi kilang haram, keselamatan, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan pemeliharaan alam sekitar.</p> <p>iii. Indikator bandar mampan seperti yang ditekankan dalam Sistem Malaysia <i>Urban Indicator Network</i> (MURNInet)</p>	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pembangunan perumahan terancang Penyediaan perumahan mampu milik Penyediaan pelaporan <i>Voluntary Local Review</i> bagi penilaian SDG Mencapai status bandar mampan melalui penilaian MURNInets.
KEMUDAHAN LAIN		
6	<p>i. Mempunyai pusat perindustrian, dan institusi kewangan</p> <p>ii. Pusat institusi pendidikan yang lengkap.</p> <p>iii. Pusat kepada aktiviti kebudayaan, acara sukan dan riadah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Bandar Temerloh sebagai pusat institusi kewangan Daerah Temerloh. Bandar Mentakab sebagai pusat perindustrian. Bandar Baru Lembah Pintar (Smart City) sebagai pusat katalis baharu pembangunan dan <i>inland port</i>. Hab institusi Pendidikan termasuk IPTA dan sekolah-sekolah kluster telah dibangunkan. Aktiviti pelancongan yang aktif. Peningkatan jumlah pelancong dan pelawat ke daerah Temerloh.

2.3 Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Tempatan

2.3.1 Meningkatkan Koordinasi Pelbagai Agensi Teknikal dalam Pelaksanaan dan Pemantauan RT

Koordinasi antara setiap jabatan dan agensi teknikal adalah penting dalam pelaksanaan RT memandangkan setiap jabatan dan agensi teknikal mempunyai bidang kuasa serta peranan tersendiri. Oleh yang demikian, mekanisme pelaksanaan dan pemantauan rancangan tempatan yang menyeluruh dan bersepadu perlu diwujudkan untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar, projek dan program pembangunan yang dicadangkan dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) ini. Koordinasi setiap jabatan dan agensi teknikal yang terlibat dalam pembangunan daerah Temerloh boleh ditingkatkan dan diselaraskan melalui 3 platform meliputi peringkat negeri, daerah dan pihak berkuasa tempatan (**Rajah 2.4**). Penyelarasan antara pelbagai jabatan dan agensi teknikal yang terlibat adalah penting agar sebarang pembangunan yang dijalankan adalah selari dengan hala tuju pembangunan yang telah ditetapkan dalam RT, tiada percanggahan serta berupaya mengelakkan isu kegagalan pelaksanaan cadangan disebabkan oleh ketidaksesuaian projek / lokasi.

Rajah 2.4 : Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Rancangan Pemajuan*



Nota :

* Berdasarkan Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan 2013 oleh PLANMalaysia


** Penubuhan jawatankuasa ini adalah penting bagi melengkapkan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan rancangan pemajuan secara menyeluruh, namun bergantung kepada pertimbangan di peringkat Negeri

1. PPORT - Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan (PPORT)
2. PPORT - Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Tempatan (PPORT)

i. Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP)

Suatu jawatankuasa bagi penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan dasar, projek dan program dan pembangunan yang dicadangkan dalam rancangan pemajuan perlu ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Perkara ini adalah berdasarkan “Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan (PPORP) 2013” di mana lantikan bagi ahli-ahli jawatankuasa adalah oleh JPN. Keahlian jawatankuasa adalah seperti **Rajah 2.5**.

Rajah 2.5 : Keahlian Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP)




Pembentukan jawatankuasa khas ini penting bagi meningkatkan koordinasi setiap jabatan dan agensi teknikal yang terlibat dalam pembangunan Daerah Temerloh serta memastikan pelaksanaan projek dan program pembangunan RT Daerah Temerloh 2035 ini dapat dipantau secara berkala. Penyelarasan antara setiap jabatan dan agensi teknikal juga penting memandangkan setiap jabatan dan agensi teknikal mempunyai bidang kuasa serta peranan masing-masing.

ii. Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Temerloh

Bagi membincangkan status pelaksanaan program dan projek pembangunan yang telah dirancang dalam RT Daerah Temerloh 2035 serta pembangunan lain di peringkat daerah, satu jawatankuasa khas dicadangkan untuk ditubuhkan. Cadangan dalam RT ini perlu dipantau secara berkala bagi memantau tahap pelaksanaannya serta mengenal pasti masalah pengurusan yang timbul di peringkat daerah. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Temerloh dicadangkan **untuk dijalankan setiap 2 bulan** bagi memantau perkara tersebut.

Rajah 2.6 : Keahlian dan Fungsi Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Temerloh



iii. Majlis Penuh (RT dan RKK)

Majlis Penuh yang merupakan mesyuarat di peringkat PBT perlu dilaksanakan **minimum 4 kali setahun / 1 kali setiap 3 bulan** atau berdasarkan keperluan sebagaimana dinyatakan dalam “Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan (PPORP) 2013”. Keahlian bagi Majlis Penuh adalah tertakluk kepada peruntukan dalam Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

CADANGAN KEAHLIAN MAJLIS PENUH (RT DAN RKK)

Pengerusi : Yang Dipertua MPT

Setiausaha :
Pengarah Jabatan Perancang MPT

Keahlian :


- Setiausaha MPT
- Ahli-ahli Majlis
- Pengarah-pengarah Jabatan MPT
- Semua ketua jabatan teknikal daerah (yang berkaitan)

iv. PLANMalaysia@Pahang Sebagai Penyelaras

PLANMalaysia@Pahang akan mengetuai kerja-kerja menyelaras rancangan spatial negeri dan memastikan Pihak Berkuasa Negeri dan Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) serta semua jabatan, agensi dan badan-badan pelaksana lainnya merancang dan melaksanakan pembangunan daerah selaras dengan Rancangan Tempatan. Antara jabatan atau agensi yang memainkan peranan yang besar dalam perancangan spatial termasuklah BPEN, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian dan Jabatan Alam Sekitar. PLANMalaysia yang juga bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan RT, akan melaporkan kepada Kerajaan Negeri sebarang percanggahan atau ketidakselarasan pembangunan di mana pelaksanaan dasar-dasar RT berkuatkuasa sebaik sahaja RT diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan diwartakan.

2.3.2 Menyediakan Pelaporan Status Pelaksanaan RT Secara Berkala

Berdasarkan “*Manual Pemantauan dan Penilaian Outcome Rancangan Pemajuan 2013*”, Laporan Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Pemajuan (PPORP) perlu disediakan dalam tempoh dua tahun sekali oleh PLANMalaysia@Negeri dengan kerjasama PLANMalaysia setelah 24 bulan dari tarikh diwartakan sesebuah rancangan pemajuan. Laporan ini perlu disediakan sebagai asas kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT dalam mengendali dan melaksana aktiviti pemantauan dan penilaian *outcome* Rancangan Pemajuan. Terdapat dua jenis LPPORP di peringkat tempatan iaitu:



Laporan Pemantauan dan Penilaian *Outcome* Rancangan Tempatan (LPPORT) perlu disediakan bagi memantau status pelaksanaan RT secara berkala berdasarkan kepada skop pemantauan serta aspek penilaian yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7 : Skop Pemantauan Laporan Pemantauan dan Penilaian Outcome RT

Skop Pemantauan	Aspek Penilaian
Penerimapaikaaian RT	Mengukur tahap penerimapaikaaian RT oleh agensi pelaksana.
Pematuhan RT Melalui KM	Menilai tahap kepatuhan kelulusan KM terhadap peta cadangan guna tanah dan kelas kegunaan tanah.
Pelaksanaan Projek-projek Cadangan RT Oleh Agensi Pelaksana	Mengkaji status pelaksanaan cadangan projek-projek pembangunan oleh agensi pelaksana.
Impak Pelaksanaan RT	Mengkaji perubahan keluasan kawasan pembangunan.
	Mengkaji perubahan nilai hartanah sebelum dan selepas RT diwartakan.
	Menganalisis pendapatan oleh PBT melalui anggaran kutipan cukai taksiran, kutipan bayaran permohonan, caj pemajuan dan lain-lain.
Penyelesaian Isu-isu Utama Perancangan	Mengkaji pencapaian penyelesaian isu-isu utama perancangan yang telah dikenal pasti di dalam RT seperti banjir, percanggahan guna tanah dan lain-lain.

2.3.3 Menggalakkan Penglibatan Pelbagai Pihak Berkepentingan Serta Pelaburan Swasta Dalam Pembangunan Daerah Temerloh

Selain bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, kaedah Kerjasama Awam-Swasta yang melibatkan pelaburan daripada pihak swasta serta kaedah *Corporate Social Responsibility (CSR)* perlu digalakkan bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dicadangkan adalah sebagaimana dirancang.

- i. Pelaksanaan projek impak tinggi kepada daerah Temerloh dan melebar luaskan potensi daerah Temerloh untuk menggalakkan kemasukan pelabur / pemaju.
- ii. Menyediakan alternatif mekanisme pelaksanaan bagi memudahkan pilihan dibuat oleh pihak pelaksana dalam membangunkan semua projek yang dicadangkan.
- iii. Mekanisme Kerjasama Awam-Swasta bagi daerah Temerloh boleh diperincikan dalam **sebuah pelan pelaburan yang komprehensif** bagi mempercepatkan proses perolehan sumber kewangan. Insentif-insentif yang menarik perlu disediakan bagi menarik minat pihak swasta untuk membuat pelaburan besar di daerah Temerloh.
- iv. Pihak swasta juga boleh menyumbang kepada pelaksanaan projek dan program pembangunan berskala kecil melalui kaedah *Corporate Social Responsibility (CSR)* terutamanya berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem semulajadi.
- v. Pelaksanaan inisiatif ini adalah penting sebagai suatu langkah yang lebih proaktif, di mana pihak berkepentingan yang berpotensi seperti syarikat korporat, pihak swasta, NGO dan CSO boleh dikenal pasti dan dipelawa untuk menjalinkan kerjasama di peringkat awal lagi.

KERJASAMA AWAM-SWASTA

Kerjasama Awam-Swasta atau *Public Private Partnership* (PPP) merupakan satu bentuk kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta iaitu satu *stand alone business* diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang merangkumi pembinaan pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan. **Jadual 2.8** memperincikan kerjasama PPP yang dipraktikkan di Malaysia. Berdasarkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), sektor utama yang diberi perhatian adalah kesihatan, pendidikan, infrastruktur dan teknologi hijau.

KAEDAH PPP

Penswastaan	Inisiatif Pembiayaan Swasta	Lain-lain
<ul style="list-style-type: none"> Penjualan Aset / Equiti Peng korporatan Pertukaran Tanah Bina - Kendali - Pindah [BOT] Bina - Kendali - Milik [BOO] Kontrak Pengurusan Outsourcing Pajakan 	<ul style="list-style-type: none"> Bina - Pajak - Pindah [BLT] Bina - Pajak - Selenggara - Pindah [BLMT] Bina - Pajak - Selenggara - Kendali - Pindah [BLMOT] 	<ul style="list-style-type: none"> Off Take Joint Venture

KRITERIA PROJEK PPP

Model PPP	Kos Projek	Tempoh Koneksi	Modal Berbayar
Penswastaan	RM 25 Juta	Sekurang-kurangnya 7 tahun	Sekurang-kurangnya RM 275,000
Inisiatif Pembiayaan Swasta	RM 100 Juta	Bergantung kepada model perniagaan (antara 15 – 25 tahun)	Sekurang-kurangnya RM 275,000

(Sumber : Portal rasmi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri, 2022)



Jadual 2.8 : Perincian Kerjasama Awam Swasta (PPP) yang Dipraktikkan di Malaysia

Jenis PPP	Contoh Projek	Kaedah PPP	
		Penswastaan	Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)
Bina - Kendali - Pindah [Build - Operate - Transfer (BOT)]			
<p>a. Pengurusan Banjir</p>	<div style="border: 1px solid #ccc; padding: 10px;"> <div style="text-align: center;"> <h2 style="color: #2e7d32; margin: 0;">PANDUAN KESELAMATAN BANJIR</h2> <p style="font-size: small; margin: 0;">Banjir Boleh Menjadi Amat Berbahaya. Pastikan Keluarga Anda Selamat Dengan Melakukan Persediaan</p> </div>  <p style="margin-top: 10px;">Panduan bagi mangsa yang telah terputus hubungan semasa banjir</p> <p><i>Panduan untuk agensi yang terlibat</i></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Anggota PDRM, JBPM, JPAM dan RELA haruslah menjalankan rondaan secara berkala semasa banjir bagi memastikan kesemua penduduk telah dibawa ke tempat yang selamat. <p><i>Panduan bagi penduduk yang terjejas</i></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Segera menghubungi penghulu mukim, ketua kampung atau pihak polis jika terputus bekalan makanan dengan membawa semua senarai yang mengandungi ahli keluarga, nombor kad pengenalan, jantina dan umur. ii. Segera melaporkan kejadian sakit seperti demam, cirit birit dan muntah-muntah. iii. Jika jalan perhubungan terputus dan memerlukan bantuan segera, kibarkan bendera putih dengan jelas di kawasan lapang yang mudah dilihat dari udara. iv. Menghalang anak-anak dari bermain air banjir. <div style="text-align: center; margin-top: 20px;"> <div style="background-color: white; padding: 5px; border: 1px solid black; width: fit-content; margin: 0 auto;">MANGSA TERPUTUS HUBUNGAN SEMASA BANJIR</div>  </div> </div>

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
----------------	----------------------

a. Pengurusan Banjir

Panduan selepas banjir

Panduan untuk agensi yang terlibat

- i. Memantau keadaan di kawasan yang dilanda banjir dari segi peningkatan penyakit berjangkit khususnya penyakit bawaan air dan makanan seperti kolera, keracunan makanan dan cirit-birit oleh KKM.
- ii. Perkhidmatan kaunseling oleh KKM dan JKM kepada penduduk yang terkesan dengan kejadian banjir.
- iii. Menyediakan laporan lengkap mengenai status banjir yang berlaku.
- iv. Mengadakan siasatan *post mortem* bagi tindakan yang telah diambil dan membuat cadangan bagi pembaikan masa hadapan.

Panduan bagi penduduk yang terjejas

- i. Memastikan keadaan telah selamat sebelum pulang ke rumah masing-masing.
- ii. Membersihkan kawasan rumah masing-masing.
- iii. Hanya minum air yang telah dimasak.
- iv. Memberi kerjasama kepada pegawai-pegawai kesihatan yang menjalankan pemeriksaan kesihatan dan kebersihan.
- v. Melaporkan harta benda dan kemudahan yang musnah akibat banjir kepada penghulu, pegawai daerah atau Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah.

**PANDUAN
 KESELAMATAN BANJIR
 (APM)**

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>b. Kawalan Pembangunan (Umum)</p>	<p>i. Mematuhi semua garis panduan berkaitan kawalan pembangunan berkaitan pengurusan risiko bencana seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ <i>Malaysia Disaster Management Reference Handbook</i> (CFE-DM, 2019) ✓ Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia (PlanMalaysia, 2019) ✓ Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA) (JPS). ✓ <i>Guidelines For Construction On Peat and Organic Soils In Malaysia</i> (CIDB) ✓ <i>ASEAN Peatland Management Strategy</i> (APMS) ✓ Panduan Pengurusan dan Bantuan Bencana Banjir (JPBD Pahang, 2020) <p>ii. Memelihara sumberjaya semula jadi yang berfungsi sebagai benteng pertahanan ancaman bencana di mana diurus mengikut prinsip pembangunan mampan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Merancang guna tanah mengikut kesesuaian jenis dan tahap KSAS. ✓ Mengamalkan kaedah kejuruteraan yang mesra alam untuk mengurangkan impak terhadap ekosistem di KSAS. ✓ Mematuhi prinsip asas garis panduan perancangan pemuliharaan dan pembangunan KSAS terutama untuk: <ul style="list-style-type: none"> - Kawasan dataran banjir, tanah lembap, tanah bekas lombong dan sungai - Kawasan simpanan mineral dan geobencana - Kawasan hutan simpanan kekal ✓ Memulihara kedapatan sumberjaya daripada diterokai oleh pembangunan yang melebihi tahap daya tampungan sumberjaya tersebut. ✓ Mengurus ekosistem sumberjaya yang bersesuaian dengan risiko bencana seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Ketinggian dan kecerunan-bencana tanah runtuh dan jatuhan batu - Hakisan tebing sungai - Sistem guna tanah dan persekitaran banjir kilat dan banjir monsun. <p>iii. Melaksanakan pemulihan ekologi dan ekosistem untuk meningkatkan kekuatan daya tahan semula jadi sumberjaya.</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Menghalang kerja-kerja pembangunan di kawasan yang terjejas akibat bencana; ✓ Persekitaran semula jadi di zon berisiko bencana perlu dibangunkan secara mampan;



Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>b. Kawalan Pembangunan (Umum)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengawal pembangunan baru dengan mengenakan syarat-syarat kawalan pembangunan yang ketat di zon berisiko bencana; ✓ Membaiki struktur fizikal yang terjejas (contoh: ketidakstabilan cerun dan tebing sungai yang terhakis) akibat bencana dengan kaedah yang bersesuaian dengan geofizikal sumberjaya tersebut; dan ✓ Mengamalkan reka bentuk struktur dan kaedah kejuruteraan yang bersesuaian dengan keupayaan tampungan sesuatu sumberjaya. <p>iv. Mengadaptasi ciri-ciri daya tahan bagi sistem pengangkutan di kawasan pembangunan yang berada atau berhampiran kawasan berisiko bencana seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Menyediakan laluan alternatif sekiranya berlakunya gangguan terhadap jaringan pengangkutan sedia ada. ✓ Memastikan jaringan pengangkutan utama terletak di luar jajaran Tahap 3 risiko bencana. ✓ Memastikan perkhidmatan jaringan pengangkutan tidak terhalang sepenuhnya oleh bencana. ✓ Memastikan jalan alternatif yang disediakan tidak menyukarkan pemindahan. ✓ Memastikan terdapat keupayaan kesediaan untuk meneruskan perkhidmatan dalam masa yang singkat selepas berlaku gangguan bencana dengan bantuan luaran yang minimum. ✓ Memastikan terdapat pelbagai mod perkhidmatan pengangkutan di sesuatu tempat. <p>v. Memastikan penyediaan infrastruktur dan utiliti lengkap disediakan di kawasan berisiko bencana:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Reka bentuk sistem saliran dan perparitan yang berasaskan bioekologika (BIOECODS) dengan menggunakan pendekatan kawalan pada punca secara menerapkan elemen kejuruteraan penyusupan, pengumpulan dan penyimpanan yang melambatkan aliran air. ✓ Komponen utama BIOECODS adalah <ul style="list-style-type: none"> - Alur berumput atau <i>swale</i> - Kolam takungan (kering dan basah) ✓ Komponen ini adalah kombinasi kepada proses penyusupan, melambatkan aliran, penyimpanan dan pembersihan sebagai perawatan awal sebelum dialirkan ke parit atau sungai berhampiran.

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>b. Kawalan Pembangunan (Umum)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Air ribut daripada kawasan yang dibangunkan perlu dihalakan ke <i>swale</i> sebagai saluran terbuka (<i>open conveyance swale</i>) yang ditanam dengan <i>native cow grass</i> dan aliran tambahan ditampung oleh saluran bawah tanah yang diperbuat daripada bahan polimer berbeza dengan sistem konvensional. <i>Swale</i> akan menyumbang kepada perawatan awalan, melambatkan aliran dan penstoran, penyusupan awalan dan pengendapan. Tanah terbuka yang dipenuhi landskap dan <i>dry pond</i> akan menyebarkan aliran dan aliran akan dibawa oleh <i>swale</i> serta mengurangkan had laju air ribut, memaksimumkan pengendapan di sesuatu pembangunan, penyusupan dan penyejatan. ✓ Memastikan lokasi dan kedudukan aset sumber bekalan tenaga elektrik seperti pencawang masuk utama (PMU), pencawang pengagih utama (PPU) dan pencawang elektrik (P.E) hendaklah berada di luar kawasan bencana. ✓ Memastikan lokasi dan kedudukan aset sumber bekalan air seperti loji rawatan air (LRA), tangki simpanan dan rumah pam hendaklah berada di luar kawasan bencana. ✓ Memastikan Loji Rawatan Kumbahan berada di luar kawasan risiko bencana Tahap 2 & 3. ✓ Mewujudkan laluan alternatif bagi pergerakan kenderaan pengangkutan sisa pepejal dan kumbahan untuk memastikan kelancaran operasi pengangkutan dan pengutipan sisa pepejal dan kumbahan. ✓ Mewujudkan <i>ring-system</i> 11 kV <i>cab</i> yang mempunyai sumber lebih dari satu P.E. ✓ Menyediakan bekalan elektrik alternatif seperti genset (set generator) bagi pusat-pusat penempatan mangsa bencana. ✓ Semua tangki simpanan mestilah diletakkan di kawasan yang tinggi bagi memastikan bekalan air bersih dapat disalurkan secara berterusan ke kawasan pusat perpindahan dan pengumpulan mangsa bencana. ✓ Mewujudkan rangkaian bekalan dan simpanan alternatif yang boleh berfungsi untuk memberi bekalan ketika berlaku bencana. ✓ Menyediakan sumber bekalan air alternatif seperti telaga tiub di pusat-pusat penempatan sementara mangsa bencana. ✓ Mewujudkan laluan alternatif bagi pergerakan kenderaan ✓ Memperkukuh dan meluaskan liputan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan bencana dan lokasi-lokasi pusat penempatan.



Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>c. Menambahbaik pembangunan berdaya tahan bencana di kawasan yang telah dibangunkan</p>	<ol style="list-style-type: none"> i. Pembangunan di kawasan sering berlaku banjir digalakkan berpindah ke tempat yang lebih tinggi dan selamat atau mengadaptasi penggunaan pengkalisan banjir (<i>floodproofing</i>) seperti penggunaan dinding tebatan banjir, bahan binaan tahan karat. ii. Menaik taraf landskap kawasan permukaan pembangunan sedia ada dengan menukar permukaan tidak telap air kepada permukaan telap air di lorong belakang, tempat letak kereta dan taman permainan kanak-kanak. iii. Mempergiatkan penanaman pokok dan rumput di kawasan lapang sedia ada. iv. Menukar sistem perparitan konkrit kepada saluran mesra alam. v. Menyediakan kolam takungan biologi (<i>bioretention pond</i>) di kawasan yang sesuai sebagai kawasan simpanan air hujan. vi. Menggalakkan pemasangan infrastruktur pengumpulan air hujan di setiap bangunan-bangunan komersial bagi mengurangkan air larian permukaan. vii. Menggalakkan penyerapan air larian melalui penggunaan kebun hujan (<i>rain gardens</i>) di halaman rumah atau saluran serap air (<i>infiltration trench</i>) di kawasan lapang berturap seperti tempat letak kereta. viii. Penambakan tanah (<i>fill pad</i>) untuk menaikkan paras bangunan (<i>fill pad</i> perlu dibuat bersama dengan kolam takungan) untuk mengurangkan kesan berlakunya banjir terhadap kawasan sekitar. ix. Pemulihan kawasan dataran banjir atau kawasan rendah (pengambilan semula tanah boleh dilaksanakan sekiranya kos pemulihan lebih tinggi berbanding pengambilan semula).
<p>d. Pembangunan berdaya tahan bencana di kawasan pembangunan baru</p>	<ol style="list-style-type: none"> i. Pembangunan tidak dibenarkan kecuali pembangunan tersebut mempunyai kepentingan tinggi atau memenuhi syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kawasan yang mudah terdedah kepada risiko bencana tahap tinggi tidak digalakkan. ✓ Pembangunan yang mempunyai nilai pulangan ekonomi ketara yang melebihi kos pemulihan banjir. ✓ Perubahan guna tanah di kawasan luar bandar yang tidak mendatangkan impak risiko bencana. ✓ Pembangunan utiliti dan kemudahan infrastruktur yang penting yang perlu dibina di kawasan tersebut. ✓ Guna tanah seperti sukan dan rekreasi, kawasan lapang serta aktiviti pemeliharaan kawasan semula jadi yang tidak akan mendatangkan impak risiko banjir. ✓ Kegunaan kawasan untuk tujuan sementara seperti tapak perkhemahan yang tidak meningkatkan risiko bencana.

Sambungan



Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus								
<p>d. Pembangunan berdaya tahan bencana di kawasan pembangunan baru</p>	<p>ii. Cadangan pemajuan boleh dipertimbangkan apabila permohonan tersebut disertai dengan cadangan pendekatan untuk mengurangkan risiko bencana seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Tidak menambah risiko bencana dan kos pemulihan. ✓ Tidak mendatangkan kesan yang kurang baik terhadap pemandangan atau pun ciri-ciri landskap tempatan. ✓ Tidak memberi kesan buruk terhadap KSAS dan alam sekitar. 								
<p>d1. Kawalan pembangunan di kawasan risiko banjir</p>	<p>i. Pembangunan yang dibenarkan adalah:</p> <table border="1" data-bbox="454 648 1293 1576"> <thead> <tr> <th data-bbox="454 648 811 700">Tahap Risiko</th> <th data-bbox="811 648 1293 700">Jenis pembangunan dibenarkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="454 700 811 907"> <p>Tahap 1 (Risiko Rendah) - kawasan yang berada di luar dataran banjir, ARI 100 tahun dan ke atas</p> </td> <td data-bbox="811 700 1293 907"> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pembangunan perumahan, komersial dan rekreasi yang perlu disesuaikan dengan keadaan fizikal dan persekitaran. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="454 907 811 1245"> <p>Tahap 2 (Risiko Sederhana) - kawasan pinggir banjir, ARI 50 hingga 100 tahun</p> </td> <td data-bbox="811 907 1293 1245"> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Rekreasi ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Zon penampungan ✓ Pelancongan berkepadatan rendah ✓ Pertanian yang sesuai ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir oleh JPS. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="454 1245 811 1576"> <p>Tahap 3 (Risiko Tinggi) - kawasan laluan banjir, ARI 50 tahun dan ke bawah</p> </td> <td data-bbox="811 1245 1293 1576"> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Rekreasi ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Kawasan terbuka ✓ Pertanian yang sesuai ✓ Kawasan pemuliharaan ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir oleh JPS. </td> </tr> </tbody> </table> <p>ii. Semua pembangunan di kawasan risiko banjir tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan semasa. KM perlu disediakan bagi pembangunan di kawasan berisiko banjir.</p> <p>iii. Pembangunan perlu merujuk garis panduan semasa yang dikeluarkan oleh pihak berwajib.</p> <p>iv. Pembangunan perlu menerapkan konsep Pembangunan Berimpak Rendah (<i>Low Impact Development, LID</i>) dengan mengetengahkan teknologi mesra alam dan ekonomik dalam aspek pembangunan.</p>	Tahap Risiko	Jenis pembangunan dibenarkan	<p>Tahap 1 (Risiko Rendah) - kawasan yang berada di luar dataran banjir, ARI 100 tahun dan ke atas</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pembangunan perumahan, komersial dan rekreasi yang perlu disesuaikan dengan keadaan fizikal dan persekitaran. 	<p>Tahap 2 (Risiko Sederhana) - kawasan pinggir banjir, ARI 50 hingga 100 tahun</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Rekreasi ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Zon penampungan ✓ Pelancongan berkepadatan rendah ✓ Pertanian yang sesuai ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir oleh JPS. 	<p>Tahap 3 (Risiko Tinggi) - kawasan laluan banjir, ARI 50 tahun dan ke bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Rekreasi ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Kawasan terbuka ✓ Pertanian yang sesuai ✓ Kawasan pemuliharaan ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir oleh JPS.
Tahap Risiko	Jenis pembangunan dibenarkan								
<p>Tahap 1 (Risiko Rendah) - kawasan yang berada di luar dataran banjir, ARI 100 tahun dan ke atas</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pembangunan perumahan, komersial dan rekreasi yang perlu disesuaikan dengan keadaan fizikal dan persekitaran. 								
<p>Tahap 2 (Risiko Sederhana) - kawasan pinggir banjir, ARI 50 hingga 100 tahun</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Rekreasi ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Zon penampungan ✓ Pelancongan berkepadatan rendah ✓ Pertanian yang sesuai ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir oleh JPS. 								
<p>Tahap 3 (Risiko Tinggi) - kawasan laluan banjir, ARI 50 tahun dan ke bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Rekreasi ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Kawasan terbuka ✓ Pertanian yang sesuai ✓ Kawasan pemuliharaan ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir oleh JPS. 								



Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d1. Kawalan pembangunan di kawasan risiko banjir</p>	<ul style="list-style-type: none"> v. Risiko bencana banjir yang baru tidak akan wujud, manakala risiko bencana banjir sedia ada tidak memberi kesan yang lebih buruk dan memerlukan kos pemulihan yang lebih tinggi. vi. Pelan atau rancangan khusus perlulah disediakan untuk mengawal dan membendung kejadian banjir. vii. Pembangunan perlu mengambil kira tapak cadangan <i>helipad</i> dan penempatan mangsa bencana. Semua maklumat perlu disediakan di peringkat penyediaan laporan Kebenaran Merancang viii. Pembangunan perlu memaksimumkan peratusan kawasan rekreasi dan kawasan hijau di sesuatu kawasan pembangunan. ix. Penggunaan kaedah kejuruteraan mesra alam digalakkan untuk mengurangkan pencemaran sumber air, ekosistem dan alam sekitar. x. Struktur bangunan haruslah mengambil kira risiko banjir. Bahan-bahan yang digunakan bagi tujuan pembangunan haruslah mempunyai daya tahan yang kuat (<i>flood proof</i>) untuk mengurangkan kemusnahan pada struktur bangunan akibat banjir. xi. Konsep <i>floodproofing</i> yang boleh digunakan adalah seperti menaikkan aras lantai melebihi aras banjir (bangunan bertiang, penambakan) atau menyediakan ruang bawah tanah sebagai takungan banjir mengikut kesesuaian tapak cadangan pembangunan.

CONTOH BANGUNAN KALIS BANJIR




CONTOH KOLAM TAKUNGAN BAWAH TANAH

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d1. Kawalan pembangunan di kawasan risiko banjir</p>	<p>xi. Menggalakkan pengekalan kawasan paya semula jadi sebagai kawasan takungan banjir. Penambahbaikan kawasan paya juga boleh dilakukan mengikut keperluan mitigasi impak pembangunan.</p> <p>xii. Pembangunan di dalam kawasan rizab sungai tidak dibenarkan.</p> <p>xiii. Pembangunan tidak menghalang atau menyekat laluan air.</p> <p>xiv. Menyediakan infrastruktur saliran yang efisien. Reka bentuk kolam takungan hendaklah mengikut piawaian JPS dari segi pengiraan kapasiti kolam takungan, reka bentuk kecerunan dan alat-alat mekanikal yang diperlukan untuk mengawal air.</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Reka bentuk kolam hendaklah mengikut kala ulangan (<i>return period</i>) 20 tahun (1:20 years storm) dan disemak untuk kala ulangan 50 tahun (1:50 years storm) dan 100 tahun (1:100 years storm). ✓ Keadaan topografi asal tanah hendaklah dikekalkan seberapa yang boleh. Sebarang pindaan terhadap topografi asal hendaklah dilaksanakan pada kadar yang minimum dan hanya boleh dibenarkan bagi tujuan penyediaan infrastruktur asas seperti jalan dan pembinaan struktur yang terbabit sahaja. ✓ Pemaju perlu memastikan kumbahan, bahan buangan daripada kediaman, industri dan pelbagai yang dicadangkan tidak akan dialirkan ke dalam kolam takungan. ✓ Mematuhi keperluan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA).



CONTOH PENGUKUHAN SALIRAN BAGI KAWASAN BERISIKO BANJIR



Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d1. Kawalan pembangunan di kawasan risiko banjir</p>	<p>xv. Menggalakkan sistem pengangkutan dan pengurusan lalu lintas mengaplikasikan konsep reka bentuk penahan biologi (<i>bioretention</i>) dan <i>permeable pavers</i>.</p> <p><u>Penahan biologi (<i>bioretention</i>)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Penahan biologi (<i>bioretention</i>): sistem <i>bioretention</i> direka bentuk berdasarkan jenis batuan, keadaan tapak dan guna tanah. ✓ Jalan (median dan sisi jalan): Menggunakan reka bentuk <i>linear rain garden</i> melalui penyediaan tanaman landskap dan <i>swale</i>. ✓ Laluan pejalan kaki: Penyediaan permukaan telap air di kawasan laluan pejalan kaki melalui penggunaan kepelbagaian landskap lembut. ✓ Kawasan tempat letak kenderaan: Penanaman tumbuh-tumbuhan dan <i>swale</i> di kawasan tempat letak kenderaan. ✓ Jalan mati: Kawasan <i>circle islands</i> pada laluan jalan mati. ✓ Lorong belakang rumah: Lorong belakang rumah direka bentuk dengan menggunakan landskap tumbuh-tumbuhan berbanding turapan bertar. <div style="text-align: center; border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> <p>CONTOH KONSEP PENAHAN BIOLOGI (<i>BIDRETENTION</i>)</p> </div>  <div style="background-color: #f4a460; padding: 10px; text-align: center; margin-top: 10px;"> <p>Kawasan <i>bioretention</i> mengandungi komponen campuran yang pelbagai fungsi untuk memindahkan bahan pencemar, mengurangkan air larian permukaan dan meningkatkan kadar penyerapan air</p> </div>

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d1. Kawalan pembangunan di kawasan risiko banjir</p>	<p><u>Penggunaan Bahan Telap Air (<i>Permeable Pavers</i>)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Turapan yang porous (<i>porous pavements</i>) sangat sesuai diadaptasi di kawasan trafik rendah seperti tempat letak kenderaan dan laluan pejalan kaki ✓ Permukaan telap air membenarkan air hujan untuk meresap masuk ke dasar tanah dan merawat pencemaran yang dibawa air; ✓ Kawasan-kawasan yang sesuai menggunakan bahan telap air ialah laluan pejalan kaki, laluan atau lorong belakang rumah, <i>shared driveways</i>, tempat letak kenderaan, kemudahan lintasan pejalan kaki, bahu jalan dan lorong kecemasan. <div style="text-align: center; margin: 10px 0;"> <p>CONTOH KONSEP <i>PERMEABLE PAVERS</i></p>  </div> <div style="background-color: #ff9800; padding: 10px; text-align: center; margin: 10px 0;"> <p><i>Permeable Pavers</i></p> <p>Sangat berkesan untuk mengurangkan peningkatan puncak <i>discharge</i> melalui pertambahan kadar dan masa penyerapan air. Keberkesanan amalan penggunaan turapan telap air sangat tinggi jika digunakan bersama <i>grass swale</i>.</p> </div> <div style="text-align: center; margin: 10px 0;"> <p>CONTOH REKA BENTUK <i>PERMEABLE PAVERS</i></p>  </div>

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d1. Kawalan pembangunan di kawasan risiko banjir</p>	<p>xvi. Memastikan pembinaan aset-aset penting negara seperti aset sumber bekalan elektrik (PMU, PPU dan P.E), sumber bekalan air (loji rawatan air, tangka simpanan air dan rumah pam), dan sumber komunikasi dan siber dibina di kawasan selamat dan tinggi bagi mengelakkan berlakunya gangguan dan terputus bekalan akibat banjir.</p> <p>xvii. Pembinaan tapak pengumpulan / pelupusan sisa pepejal dan loji rawatan kumbahan juga perlu diletakkan di kedudukan dan kawasan tinggi yang bebas dari banjir bagi mengelakkan berlakunya pencemaran.</p> <div data-bbox="442 741 1296 839" style="text-align: center;"> <p>ILLUSTRASI KEDUDUKAN ASET SUMBER TELEKOMUNIKASI DAN SIBER DI KAWASAN TINGGI DENGAN ARAS BANJIR</p> </div> <div data-bbox="442 849 1296 1440"> <p>The diagram shows a cross-section of a landscape. On the left, two red-roofed structures representing infrastructure assets are built on a raised brown platform labeled 'PLATFORM ASET INFRASTRUKTUR & UTILITI'. To the right, a dashed red line indicates the 'ARAS BANJIR (100 YEARS ARI)' (100-year flood level). The ground slopes down to the right, where a blue area represents water at flood stage.</p> </div> <div data-bbox="442 1450 1296 1968"> <p>This 3D cutaway diagram illustrates a flood-protected area. On the left, a 'FLOOD PLAIN' is shown with water. A 'MULTI-PURPOSE TRAIL' runs across a grassy slope. Below the trail, a 'STONE CORE' and 'RIP RAP' are shown as part of the flood protection structure. A dashed line indicates the 'WATER LEVEL AT FLOOD STAGE'.</p> </div>

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d2. Kawalan pembangunan di kawasan risiko geobencana (tanah runtuh)</p>	<p>i. Garis panduan ini boleh dibaca bersama dengan garis panduan-garis panduan dan dokumen-dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Garis panduan Pengurusan Cerun di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT, 2021) ✓ Manual OSC3.0 Plus (Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) (KPKT, 2019). ✓ Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malasysia (GP030) (PlanMalaysia, 2019) ✓ Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2009). ✓ Garis Panduan Rekabentuk Cerun (Jabatan Kerja Raya Malaysia, JKR, 2010). ✓ Garis Panduan Penyenggaraan Cerun di Semenanjung Malaysia (JKR, 2006). ✓ Garis Panduan Pengumpulan Data Aset Tak Alih PeDATA : Jalan - Daftar Aset Khusus (DAK) Kategori Cerun (JKR). ✓ Garis Panduan Panduan Pertanian di Tanah Bercerun (Jabatan Pertanian, 2020). ✓ Garis Panduan Penentuan Zon Bahaya Di Sekitar Bukit Batu Kapur (Jabatan Mineral dan Geosains, JMG, 2013) ✓ Garis Panduan Pemetaan Geologi Terain (JMG, 2020). ✓ <i>Guideline for Erosion and Sediment Control in Malaysia</i> (Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, JPS, 2010). ✓ <i>Erosion and Sediment Control Plan (ESCP) Guidelines for Agricultural Activities in Hilly Areas</i> (JPS, 2018). ✓ <i>Urban Stormwater Management - Part 12: Erosion and Sediment Control</i> (MS2526-12:2014) (Jabatan Standard Malaysia, JSM, 2014). <p>ii. Aktiviti pembangunan di kawasan cerun perlu mematuhi peruntukan undang-undang sepertimana yang dinyatakan di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Akta 133 (Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974), ✓ Akta 127 (Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974), dan ✓ Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.




Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus								
<p>d2. Kawalan pembangunan di kawasan risiko geobencana (tanah runtuh)</p>	<p>iii. Pembangunan yang dibenarkan adalah:</p> <table border="1" data-bbox="449 358 1289 1321"> <thead> <tr> <th data-bbox="449 358 811 414">Tahap Risiko</th> <th data-bbox="811 358 1289 414">Jenis pembangunan dibenarkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="449 414 811 621"> Tahap 1 (Risiko Rendah): <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan tanah tinggi di antara 151 – 300 m </td> <td data-bbox="811 414 1289 621"> ✓ Pembangunan perumahan, komersial dan rekreasi yang perlu disesuaikan dengan keadaan fizikal dan persekitaran. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="449 621 811 936"> Tahap 2 (Risiko Sederhana) <ul style="list-style-type: none"> • kawasan berkecerunan di antara 12 - 25° (cerun beralun dan berbukit) • Kawasan tanah tinggi di antara 301 – 1,000m </td> <td data-bbox="811 621 1289 936"> ✓ Rekreasi & ekopelancongan ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Pertanian yang sesuai ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko geobencana oleh JMG. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="449 936 811 1321"> Tahap 3 (Risiko Tinggi) <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan berkecerunan melebihi 25° (cerun curam) • Kawasan tanah tinggi melebihi 1,000 m • Kawasan jajaran batu kapur (Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh) </td> <td data-bbox="811 936 1289 1321"> ✓ Rekreasi & ekopelancongan ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Kawasan terbuka ✓ Kawasan pemuliharaan ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko geobencana oleh JMG. </td> </tr> </tbody> </table> <p>iv. Tiada pembangunan di kawasan tanah tinggi yang berisiko tanah runtuh dibenarkan di kawasan Hutan Simpanan Kekal (kategori hutan perlindungan), Rizab Hidupan Liar Krau dan jajaran batu kapur Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh. Jika keperluan tinggi pembangunan, kebenaran dan pertimbangan dari pihak berwajib diperlukan. Kajian terperinci dari aspek kesan terhadap alam sekitar, sumber biodiversiti dan warisan perlu dilaksanakan.</p> <p>v. Bagi binaan yang melibatkan cerun dengan kecerunan melebihi dua puluh lima darjah (25°) dan jumlah ketinggian menegak melebihi sepuluh (10) meter, laporan geoteknikal yang dikemukakan perlu ditentusahkan oleh Pemeriksa Bertauliah (<i>Accredited Checker</i>) berdaftar dengan Lembaga Jurutera di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138] sepertimana peruntukan Seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].</p>	Tahap Risiko	Jenis pembangunan dibenarkan	Tahap 1 (Risiko Rendah): <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan tanah tinggi di antara 151 – 300 m 	✓ Pembangunan perumahan, komersial dan rekreasi yang perlu disesuaikan dengan keadaan fizikal dan persekitaran.	Tahap 2 (Risiko Sederhana) <ul style="list-style-type: none"> • kawasan berkecerunan di antara 12 - 25° (cerun beralun dan berbukit) • Kawasan tanah tinggi di antara 301 – 1,000m 	✓ Rekreasi & ekopelancongan ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Pertanian yang sesuai ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko geobencana oleh JMG.	Tahap 3 (Risiko Tinggi) <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan berkecerunan melebihi 25° (cerun curam) • Kawasan tanah tinggi melebihi 1,000 m • Kawasan jajaran batu kapur (Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh) 	✓ Rekreasi & ekopelancongan ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Kawasan terbuka ✓ Kawasan pemuliharaan ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko geobencana oleh JMG.
Tahap Risiko	Jenis pembangunan dibenarkan								
Tahap 1 (Risiko Rendah): <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan tanah tinggi di antara 151 – 300 m 	✓ Pembangunan perumahan, komersial dan rekreasi yang perlu disesuaikan dengan keadaan fizikal dan persekitaran.								
Tahap 2 (Risiko Sederhana) <ul style="list-style-type: none"> • kawasan berkecerunan di antara 12 - 25° (cerun beralun dan berbukit) • Kawasan tanah tinggi di antara 301 – 1,000m 	✓ Rekreasi & ekopelancongan ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Pertanian yang sesuai ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko geobencana oleh JMG.								
Tahap 3 (Risiko Tinggi) <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan berkecerunan melebihi 25° (cerun curam) • Kawasan tanah tinggi melebihi 1,000 m • Kawasan jajaran batu kapur (Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh) 	✓ Rekreasi & ekopelancongan ✓ Kawasan lapang dan landskap ✓ Kawasan terbuka ✓ Kawasan pemuliharaan ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko geobencana oleh JMG.								

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d2. Kawalan pembangunan di kawasan risiko geobencana (tanah runtuh)</p>	<p>vi. Aktiviti perlombongan dan pertanian tidak dibenarkan di kawasan bukit dan tanah tinggi cerun kelas III (35°) dan IV (>35°) jika terdapat perancangan pembangunan di kawasan berkenaan.</p> <p>vii. Memastikan cadangan pembangunan tidak menambah risiko bencana dan kos kerosakan.</p> <p>viii. Pembangunan di atas puncak bukit hanya sesuai bagi aktiviti ekopelancongan dan rekreasi sahaja yang tidak melibatkan kerja-kerja tanah.</p> <p>ix. Reka bentuk cerun hendaklah berpandukan kepada kriteria reka bentuk yang dinyatakan pada Garis Panduan Reka Bentuk Cerun (2010) yang disediakan oleh JKR. Kesemua reka bentuk cerun/struktur tembok penahan hendaklah disahkan oleh Jurutera Profesional (PE) dalam bidang geoteknik.</p> <p>x. Pemilihan reka bentuk cerun / struktur tembok penahan hendaklah mengambil kira faktor-faktor seperti lokasi, geologi, geomorfologi, keadaan cerun sedia ada, sejarah kegagalan cerun, kemudahan masuk ke tapak, peruntukan kos serta pembangunan di kawasan berkenaan.</p> <p>xi. Zon penamparan yang ditetapkan haruslah berdasarkan ciri-ciri cerun dan struktur tanah. Pemilihan struktur tanah bergantung kepada penilaian geoteknikan seperti;</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Jarak zon penamparan diukur dari garis bangunan dengan kawasan bercerun bagi pembangunan di aras plato. ✓ Jarak zon penamparan diukur dari ketinggian cerun / tanah tinggi bagi pembangunan yang terletak bersempadan dengan cerun / tanah tinggi.



JARAK ZON PENAMPAN





Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d2. Kawalan pembangunan di kawasan risiko geobencana (tanah runtuh)</p>	<div data-bbox="539 271 1200 327" style="text-align: center; border: 1px solid black; padding: 5px;"> Zon penamparan dari ketinggian cerun/tanah tinggi </div> <div data-bbox="439 348 1282 762"> </div> <div data-bbox="439 772 1282 1156"> </div> <p>xii. Mewujudkan jarak zon penamparan dari kawasan aset utiliti seperti aset sumber bekalan eletrik (PMU, PPU dan P.E), sumber bekalan air (loji rawatan air, tangka simpanan air dan rumah pam), sumber komunikasi dan siber, tapak pengumpulan / pelupusan sisa pepejal dan loji rawatan kumbahan dengan kawasan bercerun.</p> <div data-bbox="515 1400 1179 1456" style="text-align: center; border: 1px solid black; padding: 5px;"> JARAK ZON PENAMPAN BAGI ASET UTILITI </div> <div data-bbox="446 1466 1289 1850"> </div> <p>Nota: Jarak zon penamparan = 1 H (36 m)</p> <p>H : Tinggi Cerun M San Telekom: Pusat pengagihan talian internet dari <i>National Fiber Optic Network</i> ke kawasan tertentu</p>

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d2. Kawalan pembangunan di kawasan risiko geobencana (tanah runtuh)</p>	<p>xiii. Menjalankan aktiviti penanaman semula pelbagai jenis pokok besar dan renik di kawasan tanah tinggi sekiranya pembangunan dijalankan.</p> <p>xiv. Pengekalan keadaan topografi asal di kawasan bukit dan hanya pembinaan infrastruktur sahaja yang dibenarkan di kawasan lereng bukit.</p> <div style="text-align: center; border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> CONTOH AMALAN BAIK PEMBANGUNAN DI KAWASAN BERGERUN </div>  <p>xv. Aktiviti pemotongan dan penimbusan perlulah dijalankan secara seimbang bagi mengelakkan berlakunya tanah mendap.</p> <p>xvi. Membina perangkap lumpur yang beroperasi sepanjang projek dijalankan. Parit sementara yang sempurna juga perlu disediakan bagi mengelakkan air larian terus melalui permukaan cerun.</p> <p>xvii. Saliran permukaan hendaklah disediakan pada bahagian atas cerun (<i>interceptor drains/cut-off drains</i>), bahagian bawah cerun (<i>toe drain</i>) serta pada berm yang dibina (<i>berm drains</i>).</p> <div style="text-align: center; border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;"> CONTOH SISTEM SALIRAN PERMUKAAN CERUN </div> 

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d2. Kawalan pembangunan di kawasan risiko geobencana (tanah runtuh)</p>	<p>xiii. <i>Subsurface drains</i> seperti <i>horizontal drains</i> dan <i>drainage blankets</i> juga hendaklah disediakan pada cerun serta pada kawasan yang mempunyai aras air bawah tanah yang tinggi.</p> <div data-bbox="596 451 1143 540" style="text-align: center;"> <p>CONTOH SALIRAN BAWAH PERMUKAAN DENGAN SALIRAN MELINTANG (<i>HORIZONTAL DRAINAGE</i>) DAN <i>TOE DRAIN</i></p> </div>  <p>xiv. Membina tembok penghadang cerun (<i>gravity retaining wall</i>) yang mampu menampung daya beban dari kejadian tanah runtuh.</p> <div data-bbox="615 980 1165 1036" style="text-align: center;"> <p>CONTOH TEMBOK PENGHADANG CERUN</p> </div>  <p>xv. Pemantauan persekitaran cerun perlu diperiksa untuk mengenalpasti kewujudan tanda-tanda kegagalan cerun seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pergerakan tanah di bahagian kaki cerun serta hakisan kecil. ✓ Aliran air keluar melalui permukaan tanah berhampiran cerun dan aliran air di bahagian bawah cerun. ✓ Keretakan pada cerun, tanah dan jalan serta bangunan berhampiran. ✓ Kebocoran paip air.

Sambungan

Risiko Bencana	Garis Panduan Khusus
<p>d2. Kawalan pembangunan di kawasan risiko geobencana (tanah runtuh)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pagar, tembok penahan, tiang elektrik atau telefon serta pokok berkeadaan condong atau bergerak daripada kedudukan asal xvi. Penyenggaraan parit berkala perlu dilaksanakan bagi mengelakkan aliran permukaan ke kawasan lebih rendah yang menyebabkan berlakunya tanah runtuh. Antara aspek teknikal yang perlu diambil perhatian untuk penyenggaraan adalah: <ul style="list-style-type: none"> ✓ Keadaan penutup permukaan tanah/ cerun ✓ Saliran permukaan pada berm cerun tanah untuk mengenal pasti kewujudan ruang kosong di antara tanah dan struktur ✓ Kewujudan resapan air bawah tanah ✓ Cerun batuan yang terdapat jatuhan / batuan longgar xvii. Kerja penyenggaraan cerun tanah merangkumi kerja pembersihan di kawasan cerun, penyediaan sistem saliran yang baik, penutupan / penanaman rumput pada permukaan cerun yang terdedah serta penebangan pokok berisiko pada permukaan cerun. xviii. Kerja penyenggaraan struktur tembok penahan pula termasuklah pemeriksaan keadaan permukaan struktur, pembersihan salur air leleh (<i>weepholes</i>) dan longkang serta kerja pembaikan pada komponen struktur yang bermasalah.

KEPENTINGAN MENYENGGARA CERUN


Kenapa Perlu Menyenggara Cerun?
Why Maintain Slopes?

Cerun yang direka berkemungkinan akan runtuh sekiranya ia tidak dienggara. Penyenggaraan adalah sesuatu yang ringkas dan mudah namun sering diabaikan. Penyenggaraan yang betul boleh membezakan antara keselamatan dan kemusnahan.

Penyenggaraan bermula dengan pemeriksaan cerun di kawasan anda. Ini boleh dilakukan oleh penduduk, pihak berkuasa tempatan dan pemilik cerun swasta. Pemeriksaan harus dilaksanakan sekurang-kurangnya **SETAHUN** sekali.

Even well designed slopes will fail if they are not maintained. Maintenance is simple to do, yet often neglected. Proper maintenance can make the difference between safety and disaster. Maintenance starts with an inspection of slopes in your area. This can be done by residents, local authorities, and private slope owners. Inspections should be done **ONCE** a year.

Pemeriksaan Cerun Secara Ringkas
Simple Slope Inspection



1. Periksa runtuhan di cerun dan longkang
Check for debris from drains and slopes




2. Periksa longkang yang pecah atau rosak
Look for damaged drains



3. Periksa cerun atau permukaan dinding yang merekah
Inspect for slope surface for any cracks




4. Periksa saluran air leleh dan longkang yang tersumbat
Inspect weep holes and drain for blockage



5. Periksa jika terdapat tumbuh-tumbuhan yang boleh menyebabkan cerun merekah
Check if there is vegetation that cause cracking of slope surface



6. Pastikan terdapat rumput di permukaan cerun
See if there is grass on slope surfaces



7. Periksa dinding batu yang tertanggal dari permukaan
Look for missing pieces in masonry walls



8. Perhatikan cebisan batu yang tertanggal dan runtuh daripada cerun
Watch for loose rock or debris from slopes



4.4

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN, PERKHIDMATAN DAN PERINDUSTRIAN

4.4.1 PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
<p>Tapak cadangan pasar awam di kawasan pekan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Luas tapak minimum untuk pasar basah dan pasar kering adalah 0.5 hektar. 2. Keperluan penduduk tadahan minimum bagi sesebuah pasar ialah 2,000 unit kediaman atau 10,000 penduduk. 3. Penyediaan tempat letak kenderaan (TLK) yang mencukupi seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. 1 petak kereta bagi setiap 46.4 meter persegi ruang lantai kasar. ii. Tambahan 1 petak motosikal bagi setiap 84 meter persegi ruang lantai kasar. iii. TLK OKU: 2% daripada jumlah TLK keseluruhan. iv. Tempat letak lori: Minimum 3 petak, ukuran saiz 2.9 meter x 2.9 meter. 1. Penyediaan surau berasingan lelaki dan perempuan lengkap dengan tempat wuduk. 2. Penyediaan kemudahan untuk golongan kelainan upaya dan mematuhi Garis Panduan Reka Bentuk Sejangat (2015) dan <i>Malaysia Standard MS1184:2014</i>. 3. Penyediaan tempat menunggu bas dan teksi dengan jalan susur khas yang bersesuaian dan ditempatkan di luar kawasan sama ada di jalan susur atau jalan utama. 4. Penyediaan ruang memunggah secara berasingan dan sesuai diletakkan di bahagian belakang bangunan. 5. Tandas awam disediakan berasingan untuk lelaki dan perempuan. 6. Tempat pembuangan sampah sementara ditempatkan di bahagian belakang bangunan atau tempat yang terlindung daripada pandangan awam. 7. Penyediaan pusat pembuangan sampah berasingan bagi bahan-bahan halal dan tidak halal. 8. Penyediaan lain-lain kemudahan seperti ruang menimbang, stor sejuk beku berasingan bagi bahan-bahan halal dan tidak halal serta papan tanda bangunan.

Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus																						
Medan selera dan lain-lain premis makanan dan minuman (F&B) di semua kawasan komersial	<p>1. Ukuran minimum sesebuah lot ialah:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #e0f2f1;"> <th>Jenis Premis</th> <th>Saiz Minimum Lot</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Medan selera dalam bangunan</td> <td>500 meter persegi - Ruang gerai: 202.5 meter persegi - Ruang makan: 202.5 meter persegi - Ruang legar: 95.0 meter persegi - Ruang setiap gerai: 4.5 x 4.5 meter persegi</td> </tr> <tr> <td>Medan selera luar bangunan</td> <td>1,305.6 meter persegi - Ruang gerai: 135 meter persegi - Ruang makan: 135 meter persegi - Ruang setiap gerai: 4.5 x 3.0 meter persegi</td> </tr> <tr> <td>Kios</td> <td>64 meter persegi - Ruang setiap gerai: 2 x 2 meter persegi</td> </tr> <tr> <td>Kafe sudut</td> <td>90 meter persegi</td> </tr> <tr> <td>Kafe koridor</td> <td>36 meter persegi</td> </tr> <tr> <td>Kafe beraras</td> <td>90 meter persegi</td> </tr> <tr> <td>Kafe nodal</td> <td>90 meter persegi</td> </tr> <tr> <td>Kafe taman</td> <td>2.8-3.8 meter persegi</td> </tr> <tr> <td>Kafe lorong</td> <td>36 meter persegi</td> </tr> <tr> <td>Kafe atas bumbung</td> <td>90 meter persegi</td> </tr> </tbody> </table> <p>2. Lokasi yang dibenarkan ialah kawasan komersial termasuk kompleks membeli-belah, <i>shopping street</i>, kawasan perbankan, kompleks pejabat, hotel, terminal pengangkutan awam, pusat kejiranan, kawasan pelancongan, pesisir sungai dan rizab jalan yang diselenggara oleh MPT.</p> <p>3. Lokasi yang tidak dibenarkan termasuk di bawah rentis elektrik atau berdekatan kawasan pelupusan bahan buangan yang terdedah dengan bau busuk, asap, habuk, sisa toksik dan bahan pencemaran lain.</p> <p>4. Premis haruslah ditempatkan di kawasan yang tidak berhadapan dengan deretan kawasan perumahan dan jalan utama yang sibuk dengan aliran lalu lintas serta tidak mengganggu laluan pejalan kaki, aktiviti sekitarnya dan kedudukan pili bomba.</p> <p>5. Jalan masuk hendaklah melalui laluan pejalan kaki dan tidak boleh dihubungkan terus ke laluan utama kenderaan.</p> <p>6. Reka bentuk, saiz dan warna perlu menarik dan sesuai mengikut konsep jenis premis F&B, menggunakan reka bentuk yang unik, mesra pengguna dan mesra alam. Sebaiknya harus melambangkan imej bandar atau kawasan setempat.</p> <p>7. Penyediaan tempat letak kenderaan yang mencukupi.</p>	Jenis Premis	Saiz Minimum Lot	Medan selera dalam bangunan	500 meter persegi - Ruang gerai: 202.5 meter persegi - Ruang makan: 202.5 meter persegi - Ruang legar: 95.0 meter persegi - Ruang setiap gerai: 4.5 x 4.5 meter persegi	Medan selera luar bangunan	1,305.6 meter persegi - Ruang gerai: 135 meter persegi - Ruang makan: 135 meter persegi - Ruang setiap gerai: 4.5 x 3.0 meter persegi	Kios	64 meter persegi - Ruang setiap gerai: 2 x 2 meter persegi	Kafe sudut	90 meter persegi	Kafe koridor	36 meter persegi	Kafe beraras	90 meter persegi	Kafe nodal	90 meter persegi	Kafe taman	2.8-3.8 meter persegi	Kafe lorong	36 meter persegi	Kafe atas bumbung	90 meter persegi
Jenis Premis	Saiz Minimum Lot																						
Medan selera dalam bangunan	500 meter persegi - Ruang gerai: 202.5 meter persegi - Ruang makan: 202.5 meter persegi - Ruang legar: 95.0 meter persegi - Ruang setiap gerai: 4.5 x 4.5 meter persegi																						
Medan selera luar bangunan	1,305.6 meter persegi - Ruang gerai: 135 meter persegi - Ruang makan: 135 meter persegi - Ruang setiap gerai: 4.5 x 3.0 meter persegi																						
Kios	64 meter persegi - Ruang setiap gerai: 2 x 2 meter persegi																						
Kafe sudut	90 meter persegi																						
Kafe koridor	36 meter persegi																						
Kafe beraras	90 meter persegi																						
Kafe nodal	90 meter persegi																						
Kafe taman	2.8-3.8 meter persegi																						
Kafe lorong	36 meter persegi																						
Kafe atas bumbung	90 meter persegi																						

Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus												
Medan selera dan lain-lain premis makanan dan minuman (F&B) di semua kawasan komersial	<ol style="list-style-type: none"> 8. Penyediaan kemudahan untuk golongan kelainan upaya dan mematuhi Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat (2015) dan <i>Malaysia Standard MS1184:2014</i>. 9. Penyediaan ruang memungkah yang diletakkan berasingan terutama di bahagian belakang bangunan. 10. Tandas awam dan surau disediakan berasingan untuk lelaki dan perempuan. 11. Tempat pembuangan sampah sementara ditempatkan di bahagian belakang bangunan atau tempat yang terlindung daripada pandangan awam. 												
Kawasan komersial mampu milik, bazar / arked dan pusat penjaja di semua kawasan komersial	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan 50 unit rumah kedai atau lebih dan 20% daripadanya adalah kedai mampu milik (kos rendah). 2. Bagi kompleks perniagaan, 10% daripada keseluruhan ruang lantai kasar perlu dijadikan sebagai kedai mampu milik. 3. Bazar atau arked disediakan pada nisbah 1:1,000 unit kediaman dengan luas minimum 0.4 hektar (1 ekar). 4. Pusat penjaja atau gerai ditempatkan di kawasan yang tidak berhadapan dengan deretan kawasan perumahan dan bukan jalan-jalan utama yang sibuk dengan aliran lalu lintas. 5. Pilihan bangunan: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #00bcd4; color: white;">Jenis</th> <th style="background-color: #00bcd4; color: white;">Luas Lot Minimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pembangunan kedai mampu milik satu tingkat dalam bentuk satu deretan blok kedai.</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • 5.5 meter x 19.8 meter (18 kaki x 65 kaki) </td> </tr> <tr> <td>Pengintegrasian pembangunan kedai mampu milik dalam deretan kedai satu tingkat.</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Kedai : 6.1 meter x 19.8 meter (20 kaki x 65 kaki) • Kedai mampu milik : 3.1 meter x 19.8 meter (10 kaki x 65 kaki) </td> </tr> <tr> <td>Pengintegrasian pembangunan kedai mampu milik dalam deretan kedai dua tingkat atau lebih</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Kedai / kedai pejabat : 6.1 meter x 19.8 meter (20 kaki x 65 kaki) • Kedai mampu milik (2 unit) : 6.1 meter x 10.0 meter (20 kaki x 35 kaki) </td> </tr> <tr> <td>Pengintegrasian pembangunan kedai mampu milik dalam pembangunan kompleks perniagaan dan pasar raya besar (<i>hypermarket</i>)</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Saiz lot minimum: 9.3 meter persegi (100 kaki persegi). </td> </tr> <tr> <td>Bazar atau arked dan pusat penjaja</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Unit terbuka: 9.5 - 12.6 meter persegi (103 – 136 kaki persegi) • Unit tertutup \geq 12.6 meter persegi (136 kaki persegi). </td> </tr> </tbody> </table> 	Jenis	Luas Lot Minimum	Pembangunan kedai mampu milik satu tingkat dalam bentuk satu deretan blok kedai.	<ul style="list-style-type: none"> • 5.5 meter x 19.8 meter (18 kaki x 65 kaki) 	Pengintegrasian pembangunan kedai mampu milik dalam deretan kedai satu tingkat.	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai : 6.1 meter x 19.8 meter (20 kaki x 65 kaki) • Kedai mampu milik : 3.1 meter x 19.8 meter (10 kaki x 65 kaki) 	Pengintegrasian pembangunan kedai mampu milik dalam deretan kedai dua tingkat atau lebih	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai / kedai pejabat : 6.1 meter x 19.8 meter (20 kaki x 65 kaki) • Kedai mampu milik (2 unit) : 6.1 meter x 10.0 meter (20 kaki x 35 kaki) 	Pengintegrasian pembangunan kedai mampu milik dalam pembangunan kompleks perniagaan dan pasar raya besar (<i>hypermarket</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz lot minimum: 9.3 meter persegi (100 kaki persegi). 	Bazar atau arked dan pusat penjaja	<ul style="list-style-type: none"> • Unit terbuka: 9.5 - 12.6 meter persegi (103 – 136 kaki persegi) • Unit tertutup \geq 12.6 meter persegi (136 kaki persegi).
Jenis	Luas Lot Minimum												
Pembangunan kedai mampu milik satu tingkat dalam bentuk satu deretan blok kedai.	<ul style="list-style-type: none"> • 5.5 meter x 19.8 meter (18 kaki x 65 kaki) 												
Pengintegrasian pembangunan kedai mampu milik dalam deretan kedai satu tingkat.	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai : 6.1 meter x 19.8 meter (20 kaki x 65 kaki) • Kedai mampu milik : 3.1 meter x 19.8 meter (10 kaki x 65 kaki) 												
Pengintegrasian pembangunan kedai mampu milik dalam deretan kedai dua tingkat atau lebih	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai / kedai pejabat : 6.1 meter x 19.8 meter (20 kaki x 65 kaki) • Kedai mampu milik (2 unit) : 6.1 meter x 10.0 meter (20 kaki x 35 kaki) 												
Pengintegrasian pembangunan kedai mampu milik dalam pembangunan kompleks perniagaan dan pasar raya besar (<i>hypermarket</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Saiz lot minimum: 9.3 meter persegi (100 kaki persegi). 												
Bazar atau arked dan pusat penjaja	<ul style="list-style-type: none"> • Unit terbuka: 9.5 - 12.6 meter persegi (103 – 136 kaki persegi) • Unit tertutup \geq 12.6 meter persegi (136 kaki persegi). 												

4.4.2 PERINDUSTRIAN

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
Semua kawasan perindustrian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembinaan - keluasan tapak minimum: 4 hektar (9.88 ekar) <ol style="list-style-type: none"> i. Mengutamakan reka bentuk bangunan bersifat mesra alam. ii. Reka bentuk bangunan yang kemas dan melambangkan ciri-ciri teknologi tinggi. iii. Menggunakan bahan binaan yang berkualiti dan bersesuaian dengan topografi. 3. Tapak pelupusan sisa pepejal <ol style="list-style-type: none"> i. Luas tapak bersih dalam lingkungan 0.3 hektar (0.7 ekar). ii. Tapak hendaklah tidak mengandungi laluan air, tidak mudah menakung air dan tidak terdedah kepada risiko banjir. iii. Elakkan tapak di kawasan lembah / laluan angin menghala ke kediaman atau peredaran udara yang kurang baik. iv. Lokasi tapak hendaklah berdekatan dengan laluan pengangkutan utama. v. Lot berbentuk segi empat digalakkan, manakala lot yang sempit dan berbentuk ganjil perlu dielakkan. 4. Tanah lapang / landskap minimum 5% daripada keluasan tapak industri. 5. <i>Perimeter planting</i> <ol style="list-style-type: none"> i. Minimum 3 meter (10 kaki) disediakan di sekitar kawasan pembangunan (tidak termasuk jarak anjakan) bagi tujuan landskap. ii. Hanya bagi bangunan <i>free standing</i> dan tertakluk kepada keperluan PBT.

Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus			
Semua kawasan perindustrian	6. Jenis pemajuan perindustrian			
	Piawaian	Kilang Sesebuah		Kilang Berkembar
		Saiz Kecil	Saiz Sederhana - Besar	
	Luas tapak minimum	0.20 hektar (0.5 ekar)	0.4 hektar (1 ekar)	18.2 meter x 40.2 meter (60 kaki x 132 kaki)
	Kawasan plinth • Ruang pejabat	<ul style="list-style-type: none"> • 60% • ≤ 30% daripada ruang lantai kasar iaitu ruang pejabat. 		
	Ketinggian bangunan	12 meter (40 kaki)	25.5 meter (80 kaki)	24 meter (78 kaki)
	Jalan perkhidmatan	20.1 meter (66 kaki)		
	Anjakan bangunan • Hadapan jalan • Sisi / belakang • Anjakan • Tepi	<ul style="list-style-type: none"> • 12.2 meter (40 kaki) • 7.6 meter (25 kaki) • 12.2 meter (40 kaki) 		<ul style="list-style-type: none"> • 12.2 meter (40 kaki) • 7.6 meter (25 kaki) • 12.2 meter (40 kaki)
	Anjung kanopi	Anjung hadapan bangunan maksimum 1.8 meter (6 kaki) dibenarkan memasuki anjakan bangunan.		
	Piawaian	Kilang Teres	Kilang Teres Kos Rendah	
	Luas tapak minimum	6.1 meter x 24.4 meter (20 kaki x 80 kaki)	6.1 meter x 18.3 meter (20 kaki x 60 kaki)	
	Ketinggian bangunan	12.2 meter (40 kaki)		
	Tingkat maksimum	3 tingkat	2 tingkat	
	Jalan perkhidmatan	20.1 meter (66 kaki)		
Anjakan bangunan • Hadapan jalan	Tiada			
Lorong tepi / belakang / langkau api	12.2 meter (40 kaki)	12.2 meter (40 kaki)		

Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus												
Semua kawasan perindustrian	<p>Kilang Bertingkat</p> <table border="1" data-bbox="361 430 1265 1052"> <thead> <tr> <th colspan="2" data-bbox="361 430 1265 472">Piawaian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="361 472 629 544">Luas tapak minimum</td> <td data-bbox="629 472 1265 544">0.405 hektar (1 ekar)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="361 544 629 727">Anjakan bangunan • Hadapan jalan • Sempadan bersama</td> <td data-bbox="629 544 1265 727"> <ul style="list-style-type: none"> • 12.2 meter (40 kaki) • 7.6 meter (25 kaki) </td> </tr> <tr> <td data-bbox="361 727 629 876">Ketinggian bangunan</td> <td data-bbox="629 727 1265 876"> <ul style="list-style-type: none"> • 6 tingkat (24 meter / 81 kaki) • Tinggi bangunan tingkat bawah hendaklah 5.5 meter (18 kaki) dan tingkat seterusnya 3.7 meter (12 kaki). </td> </tr> <tr> <td data-bbox="361 876 629 982">Kawasan <i>plinth</i></td> <td data-bbox="629 876 1265 982"> <ul style="list-style-type: none"> • 60% • ≤ 30% daripada ruang lantai kasar iaitu ruang pejabat. </td> </tr> <tr> <td data-bbox="361 982 629 1052">Jalan perkhidmatan</td> <td data-bbox="629 982 1265 1052">20.1 meter (66 kaki)</td> </tr> </tbody> </table> <p>7. Lain-lain</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Industri perkhidmatan perlu menyediakan kemudahan rawatan minyak dan gris. ii. Tandas (lelaki dan wanita). iii. Kebuk sampah. iv. <i>Fire hydrant</i>. v. Kotak pos. vi. Pondok pengawal. 	Piawaian		Luas tapak minimum	0.405 hektar (1 ekar)	Anjakan bangunan • Hadapan jalan • Sempadan bersama	<ul style="list-style-type: none"> • 12.2 meter (40 kaki) • 7.6 meter (25 kaki) 	Ketinggian bangunan	<ul style="list-style-type: none"> • 6 tingkat (24 meter / 81 kaki) • Tinggi bangunan tingkat bawah hendaklah 5.5 meter (18 kaki) dan tingkat seterusnya 3.7 meter (12 kaki). 	Kawasan <i>plinth</i>	<ul style="list-style-type: none"> • 60% • ≤ 30% daripada ruang lantai kasar iaitu ruang pejabat. 	Jalan perkhidmatan	20.1 meter (66 kaki)
Piawaian													
Luas tapak minimum	0.405 hektar (1 ekar)												
Anjakan bangunan • Hadapan jalan • Sempadan bersama	<ul style="list-style-type: none"> • 12.2 meter (40 kaki) • 7.6 meter (25 kaki) 												
Ketinggian bangunan	<ul style="list-style-type: none"> • 6 tingkat (24 meter / 81 kaki) • Tinggi bangunan tingkat bawah hendaklah 5.5 meter (18 kaki) dan tingkat seterusnya 3.7 meter (12 kaki). 												
Kawasan <i>plinth</i>	<ul style="list-style-type: none"> • 60% • ≤ 30% daripada ruang lantai kasar iaitu ruang pejabat. 												
Jalan perkhidmatan	20.1 meter (66 kaki)												
Penyediaan perumahan pekerja di semua kawasan perindustrian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jenis bangunan yang dibenarkan termasuk apartment / flat / dormitori, rumah teres / berkembar / banglo, rumah bandar, rumah kedai, rumah kampung dan lain-lain bangunan bukan kediaman yang diubahsuai bagi kegunaan penginapan hendaklah mendapat kelulusan PBT dan mematuhi Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (<i>Centralised Labour Quarters – CLQ</i>) yang disediakan oleh KPKT pada tahun 2021. 												



Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
<p>Penyediaan perumahan pekerja di semua kawasan perindustrian</p>	<ol style="list-style-type: none"> 2. Kediaman pekerja tersebut mestilah: <ol style="list-style-type: none"> i. Mempunyai Pahanguan Siap dan Pematuhan (<i>Certificate of Completion and Compliance - CCC</i>) atau Pahanguan Kelayakan Menduduki (<i>Certificate of Fitness for Occupation - CFO</i>). ii. Memperoleh kelulusan Permit Bangunan bagi suatu tempoh terhad yang dikeluarkan oleh MPT (bagi bangunan sementara). iii. Memperoleh kelulusan MPT untuk menukar guna kegunaan bangunan daripada bangunan bukan kediaman kepada bangunan untuk tujuan kediaman. 3. Sesebuah cadangan pembinaan khusus kediaman pekerja asing memerlukan kebenaran merancang yang hendaklah disertakan dengan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), Seksyen 21A. 4. Standard ruang minimum sekiranya bangunan tersebut sedia didiami ialah 1 pekerja: 3.0 meter persegi (dormitori) dan 3.6 meter persegi (selain dormitori / <i>bedsitter</i>). 5. Sebaiknya penempatan pekerja asing dalam satu-satu kawasan ataupun bangunan hendaklah mengikut pengasingan seperti jantina, negara asal, agama yang dianuti, tempat kerja dan jenis pekerjaan. 6. Menyediakan kemudahan asas minimum untuk setiap pekerja dan tidak boleh dikongsi iaitu katil bujang, tilam dan bantal serta almari pakaian berkunci. 7. Majikan hendaklah memastikan keselamatan dan kebersihan sesebuah penginapan pekerja termasuk dari aspek pengudaraan dan cahaya semula jadi, tandas, bilik mandi, dapur, persekitaran halaman dan bangunan sentiasa dalam keadaan selamat dan bersih, penyediaan kemudahan tempat membuang sampah, pendawaian elektrik yang diluluskan dan penyediaan peti kecemasan (<i>first aid kit</i>) serta alat pemadam api yang mencukupi.



Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus															
<p>Penyediaan zon penampian di semua kawasan perindustrian</p>	<ol style="list-style-type: none"> Zon penampian hijau perlu disediakan sekurang-kurangnya 70% dari keseluruhan zon penampian. Elemen yang dibenarkan hanya tiang dan lampu jalan. Zon penampian fizikal hanya dibenarkan tidak melebihi 30% dari zon penampian keseluruhan dan terdiri daripada tempat letak kereta <i>driveway</i>, laluan pejalan kaki, jalan raya, longkang dan parit, sungai, tasik, dan kawasan lapang. Bagi bangunan industri yang menghadap jalan utama, rizab landskap 1.5 meter perlu disediakan. Keperluan zon penampian dan jaluran tanaman adalah seperti berikut: <table border="1" style="margin-left: 40px; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #00c090; color: white;">Jenis Industri</th> <th style="background-color: #00c090; color: white;">Keperluan Zon Penampian</th> <th style="background-color: #00c090; color: white;">Jaluran Tanaman</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Industri Berat</td> <td>500 meter (1,640 kaki)</td> <td>30 meter (98 kaki)</td> </tr> <tr> <td>Industri Sederhana</td> <td>250 meter (820 kaki)</td> <td>20 meter (66 kaki)</td> </tr> <tr> <td>Industri Khas</td> <td>200 meter (660 kaki)</td> <td>20 meter (66 kaki)</td> </tr> <tr> <td>Industri Ringan</td> <td>50 meter (164 kaki)</td> <td>10 meter (33 kaki)</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Industri	Keperluan Zon Penampian	Jaluran Tanaman	Industri Berat	500 meter (1,640 kaki)	30 meter (98 kaki)	Industri Sederhana	250 meter (820 kaki)	20 meter (66 kaki)	Industri Khas	200 meter (660 kaki)	20 meter (66 kaki)	Industri Ringan	50 meter (164 kaki)	10 meter (33 kaki)
Jenis Industri	Keperluan Zon Penampian	Jaluran Tanaman														
Industri Berat	500 meter (1,640 kaki)	30 meter (98 kaki)														
Industri Sederhana	250 meter (820 kaki)	20 meter (66 kaki)														
Industri Khas	200 meter (660 kaki)	20 meter (66 kaki)														
Industri Ringan	50 meter (164 kaki)	10 meter (33 kaki)														
<p>Penyediaan jalan dan tempat letak kereta di semua kawasan perindustrian</p>	<ol style="list-style-type: none"> Pembinaan jalan mati (<i>cul-de-sac</i>) di dalam kawasan industri hendaklah dielakkan. Jika tidak dapat dielakkan, maka panjang mesti tidak melebihi 189.9 meter (623 kaki) dengan ruang bulatan memusing berukuran garis pusat lebih daripada 30.5 meter (100 kaki). Jalan masuk utama ke kawasan industri hendaklah tidak melalui kawasan kediaman. Saiz laluan / kelebaran jalan: <ol style="list-style-type: none"> Jalan perkhidmatan: 20.1 meter (66 kaki) Lorong tepi / langkau api : 12.2 meter (40 kaki) Lorong belakang : 12.2 meter (40 kaki) Penyediaan tempat letak kenderaan di: <ol style="list-style-type: none"> Ruang Pengeluaran: 1 TLK / 139.3 meter persegi (1,500 kaki persegi) / ruang lantai kasar Stor : 1 TLK : 232.2 meter persegi (2,500 kaki persegi) ruang lantai kasar Pejabat : 1 TLK : 46.4 meter persegi (500 kaki persegi) ruang lantai kasar + 10% TLK pelawat Penyediaan tempat letak motosikal ialah 1 TLM : 185.8 meter persegi (2,000 kaki persegi) atau 1 TLM : 1 pekerja. Penyediaan tempat letak lori di kilang sesebuah / berkembar ialah 1 TLL : 929.9 meter persegi (10,000 kaki persegi) atau 2 TLL (berdasarkan jumlah yang lebih tinggi). 															



4.5

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PERIKANAN DAN PENTERNAKAN



4.5.1 PERIKANAN (AKUAKULTUR)

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
<p>Semua kawasan untuk aktiviti akuakultur</p>	<p>Aktiviti akuakultur mestilah dijalankan secara mampan dan tidak mencemarkan alam sekitar, serta mengamalkan Amalan Akuakultur Baik (GAP).</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Aktiviti penternakan kerang-kerangan <ol style="list-style-type: none"> a. Semua pengusaha harus memohon tapak perusahaan (TOL) daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG), dan memohon lesen Sistem Kultur Laut (SKL) daripada Jabatan Perikanan Daerah, iaitu lesen yang membenarkan ternakan kerang di kawasan tertentu. b. Tapak perusahaan yang dipohon bukanlah tapak semula jadi kerang (sekurang-kurangnya 500 meter - 1 km daripada tapak pembenihan kerang semula jadi). c. Tapak perusahaan yang dipohon tidak bertindih dengan tapak TOL orang lain atau tapak yang telah diusahakan secara sah. d. Tapak yang dipohon tidak mengganggu laluan bot atau vesel nelayan. e. Tapak yang dipohon tidak boleh melebihi 100 ekar (ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Daerah bersama-sama dengan pengusaha kerang bagi mengelakkan dimonopoli oleh seorang pengusaha di satu kawasan). f. Tapak yang dipohon untuk ternakan kerang mestilah memiliki ciri-ciri kesesuaian fizikal dan parameter untuk ternakan kerang iaitu: <ul style="list-style-type: none"> • Tanah adalah berlumpur/ berselut. • Kemasinan air adalah bersesuaian (pH >7). • Kedalaman yang bersesuaian (2 – 3 meter semasa air surut). ii. Tapak pembenihan kerang semula jadi (KSAS Tahap 1) <ol style="list-style-type: none"> a. Kawasan ini mesti dikawal, termasuklah kawasan dalam lingkungan 1 kilometer di sekitar tapak pembenihan utama. Aktiviti-aktiviti perusahaan dan pengeluaran kerang-kerangan atau lain-lain hidupan adalah tidak dibenarkan dalam kawasan ini.

Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
Semua kawasan untuk aktiviti akuakultur	<p>b. Kawasan ini tidak boleh dicerobohi. Pengusaha-pengusaha perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak jabatan perikanan.</p> <p>c. Kawasan ini tidak boleh dicemari, terutamanya oleh bahan-bahan yang boleh menjejaskan pembiakan kerang seperti minyak dan gris.</p> <p>iii. Aktiviti ikan air tawar – kolam</p> <p>a. Pemilihan Tapak - Kawasan yang digalakkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan yang telah dizonkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai kawasan pembangunan akuakultur air tawar. • Kawasan tanah terbiar dan tidak produktif tetapi bersesuaian untuk pembangunan akuakultur. • Kawasan yang tidak menjejaskan aktiviti lain-lain sektor ekonomi yang berdekatan. • Kawasan yang mempunyai prasarana asas. <p>b. Pembinaan Kolam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penebangan pokok di kawasan ladang - kolam hendaklah diminimakan. • Zon penampian perlu disediakan bagi kawasan yang berhampiran dengan sungai atau lain-lain badan perairan umum. • Mengelakkan hakisan dan pencemaran sumber air semasa pembinaan kolam. • Mengelakkan cara pembinaan yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar. • Mempunyai kolam atau kawasan untuk rawatan kumbahan yang bersesuaian dengan saiz ladang. • Bentuk dan saiz kolam hendaklah memudahkan pengurusan air dan ternakan.

Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
<p>Semua kawasan untuk aktiviti akuakultur</p>	<p>iv. Ikan Sangkar Sungai</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Ternakan ikan dengan kaedah perbesaran di dalam sangkar diusahakan oleh penduduk setempat yang tinggal berhampiran dengan sungai. Di dalam sistem ini benih-benih ikan akan dipelihara hingga besar di dalam sangkar-sangkar yang disediakan di dalam sungai. b. Kerangka sangkar berukuran 4m x 3m x 1.5m . c. Pemecah arus (2 unit). d. Stor terapung (4m x 4m) e. Jumlah benih ikan antara 1,500 hingga 2,000 ekor sesangkar. f. Ternakan ikan sangkar Sungai Pahang dan Sungai Semantan kebanyakan jenis tilapia dan patin. <p style="text-align: center;">Pelan Konsep Rekabentuk Sangkar Ikan Sungai</p> <div style="text-align: center;">   </div>


Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
Semua kawasan untuk aktiviti akuakultur	<ul style="list-style-type: none"> v. Pengurusan ternakan <ul style="list-style-type: none"> a. Menggunakan racun yang dibenarkan dengan kadar yang bersesuaian. b. Sistem ternakan dan pengurusan yang diamalkan hendaklah disesuaikan dengan saiz benih yang digunakan. c. Air yang berkeladak hendaklah diendapkan terlebih dahulu dalam kolam takungan dalam tempoh yang sesuai. d. Kadar pertukaran air hendaklah disesuaikan dengan peringkat umur ternakan. e. Air kumbahan dari sistem ternakan hendaklah dirawat sebelum dialirkan ke perairan umum. f. Bahan kumbahan hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai. g. Kolam ternakan yang menghadapi masalah bau lumpur, rawatan yang sesuai hendaklah dilaksanakan. h. Penggunaan bahan kimia tidak digalakkan semasa pengendalian hasil lepas tuai. i. Tempat pengendalian dan peralatan yang digunakan untuk pengendalian hasil hendaklah sentiasa bersih.

4.5.2 PENTERNAKAN HAIWAN

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
<p>Semua kawasan rizab haiwan</p>	<p>Aktiviti Penternakan Ayam</p> <p>Aktiviti penternakan ayam secara komersial hanya dibenarkan dengan menggunakan sistem reban tertutup yang mesra alam.</p> <p>Ladang-ladang penternakan ayam ini digalakkan untuk menyertai Program Pemeriksaan dan Akreditasi Veterinar bagi dianugerahkan logo <i>Veterinary Health Mark (VHM)</i> yang merupakan lambang kualiti kepada hasil ternakannya. Untuk aktiviti penternakan ayam secara terbuka, terdapat beberapa garis panduan khusus yang mesti dipatuhi sepenuhnya untuk mencapai konsep mesra alam dan mesra penduduk. Antaranya adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lokasi Tapak Ladang <ol style="list-style-type: none"> i. Ternakan ayam mestilah dijalankan di kawasan yang sekurang-kurangnya 200 meter radius daripada kawasan penempatan utama seperti perumahan, rumah ibadat, sekolah, klinik dan rekreasi. ii. Sekurang-kurangnya 500 meter daripada ladang unggas terdekat. iii. Mempunyai kemudahan dan prasarana asas (jalan raya, jalan ladang, talian telefon, elektrik, bekalan air bersih) yang baik, mencukupi dan sempurna. iv. Tidak berhampiran dengan tasik, parit utama, pengairan dan sungai, khususnya yang digunakan sebagai punca bekalan air awam serta mengelakkan limpahan apabila berlaku banjir atau hujan lebat. v. Mengelakkan kawasan yang rendah dan mudah ditenggelami air apabila banjir berlaku. <div data-bbox="1011 513 1285 899" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="596 1628 1116 1935" data-label="Diagram"> <p style="text-align: center;"><i>Contoh susunatur reban ayam yang boleh digunakan</i></p> </div>

Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
 <p style="font-size: small; margin-top: 5px;">Contoh sistem reban ayam tertutup</p>	<ol style="list-style-type: none"> 2. Lokasi Reban <ol style="list-style-type: none"> i. Sekeliling kawasan reban perlu dipagar dan disulami dengan pokok-pokok tanaman / buah-buahan. ii. Reban tidak harus dibina terlalu dekat dengan jalan yang sering digunakan oleh kenderaan mengangkut ayam. 3. Binaan Reban <ol style="list-style-type: none"> i. Hanya reban ayam jenis tertutup sahaja dibenarkan dijalankan di kawasan pentadbiran MPT. ii. Jarak antara bangunan ke sempadan tapak: anjakan antara bangunan ke sempadan tapak adalah 20 kaki. iii. Jarak antara reban sekurang-kurangnya 10 kaki. iv. Paksi memanjang reban mengarah timur-barat. v. Reka bentuk, ukuran dan bahan binaan harus membolehkan pengudaraan reban yang sempurna serta memudahkan kerja suci hama. vi. Mempunyai sistem perparitan yang baik dan berfungsi. 4. Sanitasi Ladang <ol style="list-style-type: none"> i. Sentiasa menjaga kebersihan di persekitaran ladang, premis, peralatan dan kemudahan. ii. Sentiasa menyelenggara dengan baik akan rumput dan tumbuhan yang terdapat dalam kawasan ladang. iii. Sentiasa menyelenggara saluran ladang dengan memastikannya dalam keadaan baik dan bersih. 5. Sisa Ladang <ol style="list-style-type: none"> i. Melupus segera ayam mati, sarap reban dan sisa dengan kaedah pelupusan yang sempurna. 6. Kawalan Makhluk Perosak <ol style="list-style-type: none"> i. Memastikan tidak ada tempat, premis dan pokok di dalam kawasan ladang yang menarik kedatangan tikus dan burung untuk membuat sarang ii. Penyelenggara dengan baik dahan-dahan pokok yang ditanam di sekeliling reban. iii. Penyelenggara dengan baik supaya ketinggian rumput dalam kawasan ladang supaya tidak melebihi 15 cm. iv. Memastikan tidak ada pertumbuhan rumput dalam jarak sekurang-kurangnya 1 meter dari tepi reban. v. Reban dan stor harus kalis burung liar dan tikus dengan memasang jaring. Jaring harus diperiksa untuk menentukan ia sentiasa dalam keadaan baik. vi. Menjalankan program mengawal tikus seperti memasang perangkap tikus di tempat-tempat strategik. vii. Memantau tahap infestasi tikus secara berkala dan indeks tikus harus dikawal di bawah paras 10.

Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
	<p>7. Kawalan Pencemaran</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan kolam rawatan supaya sisa buangan ladang tidak dialir terus ke dalam sistem perparitan di luar ladang yang boleh menyebabkan pencemaran air dan persekitaran. ii. Mengambil langkah supaya tahap infestasi lalat di ladang berada bawah paras indeks 10 (menggunakan <i>scudderfly grill</i>). iii. Program kawalan lalat dibuat dua kali seminggu. iv. Mengambil langkah supaya tahi ayam sentiasa kering bagi mengelakkan bau busuk yang mengganggu kesejahteraan awam di kawasan sekitar. v. Memastikan udara yang disedut keluar dari reban tidak mencemarkan udara, bangunan dan tumbuhan di kawasan berhampiran.

4.5.3 PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALIT

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
Kawasan yang dibenarkan oleh PBT	<p>a. Lokasi Premis Perladangan Burung Walit Sedia Ada</p> <ul style="list-style-type: none"> • Premis sedia ada yang terletak di kawasan pembangunan bandar tetapi bukan di dalam bandar adalah dibenarkan terus beroperasi mengikut garis panduan di bawah Amalan Baik Penternakan Haiwan (GAHP). • Premis sedia ada di pusat tumpuan utama bandar adalah dibenarkan terus beroperasi sekiranya mengamalkan GAHP dan mendapat kelulusan daripada MPT • Ubah suai fasad, tambahan dan pembesaran bangunan adalah tidak dibenarkan. <p>b. Lokasi Premis Perladangan Burung Walit baru</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti perladangan burung walit di pusat bandar adalah tidak dibenarkan. • Premis baru di kawasan pembangunan bandar perlu mematuhi GAHP. • Premis baru yang menggunakan bangunan sedia ada perlu mengekalkan pintu dan tingkap sedia ada. • Zon penampakan minimum 50 meter daripada kawasan perumahan adalah diperlukan. • Lokasi yang dibenarkan untuk aktiviti perladangan burung walit adalah: <ul style="list-style-type: none"> ▪ kawasan pertanian, kawasan agro pelancongan dan tanah pertanian kosong. ▪ kawasan industri ringan dan kluster. • Lokasi yang tidak dibenarkan untuk aktiviti perladangan burung walit ialah berhampiran sekolah, klinik kesihatan, tempat ibadat, kawasan rekreasi, rizab utiliti, penginapan pelancong, kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan tadahan air. • Had ketinggian bangunan adalah tidak melebihi atau sama dengan 12 meter. • Bagi bandar mati (<i>Ghost Town</i>), kawasan yang aktiviti manusianya rendah dan bangunan kosong boleh diusahakan untuk ternakan burung walit dengan mendapatkan kelulusan daripada MPT. <p>c. Lesen Premis Perladangan Burung Walit</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan pendaftaran aktiviti / premis perladangan harus dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. • Permohonan lesen premis perladangan burung walit



Sambungan






Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
<p>Kawasan yang dibenarkan oleh PBT</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Salinan lesen hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan. <p>d. Kebersihan dan Alam Sekitar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Percampuran antara manusia dan burung walit dalam satu bangunan adalah tidak dibenarkan. • Premis perladangan burung walit, persekitaran premis dan peralatan yang digunakan harus dijaga kebersihannya supaya dapat menghindari burung daripada sebarang penyakit. • Premis perladangan burung walit mesti dibersihkan dan dihapuskan kuman dengan menggunakan ubat pembasmi kuman yang disyorkan, sekurang-kurangnya sekali seminggu. • Takungan air yang disediakan dalam premis untuk mengekalkan kelembapan premis (80 hingga 90 peratus) perlu ditukar dengan kerap atau meletakkan “Abate” dalam takungan air bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes atau serangga lain yang membahayakan. • Alat pembersih yang dipilih harus berdasarkan kesesuaiannya dan aspek keselamatan. • Najis burung walid tidak boleh dibuang dalam parit atau sungai. • Penangkapan burung hantu yang tertarik kepada rumah burung walid tidak dibenarkan. <p>e. Kawalan Operasi (Akta Kerajaan Tempatan 1976 – Seksyen 80, 81, 82, 84, 107 dan 110)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ajuk bunyi tidak boleh sama atau melebihi 40dB; diukur 6 meter daripada dinding luar bangunan premis perladangan. • Corong suara ajuk bunyi dicondongkan pada 60 darjah dengan menghala ke atas premis perladangan. Tempoh ajuk bunyi yang dibenarkan adalah antara 7:00 pagi hingga 10:00 pagi dan 5:00 petang hingga 8:00 malam. • Pengawasan dan penguatkuasaan perlu dibuat oleh MPT dengan kerjasama oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian Malaysia. • Bagi penternakan sedia ada yang telah dijalankan di premis-premis perniagaan di pusat tumpuan utama bandar, notis pemindahan dan penutupan perlu diberikan mengikut budi bicara dari pihak MPT.

Sambungan

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
<p>Kawasan yang dibenarkan oleh PBT</p>  <p><i>Bangunan khusus untuk ternakan burung walit atas tanah pertanian adalah digalakkan</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Semua premis perladangan burung walit menggunakan ubat pembasmi kuman yang disyorkan, sekurang-kurangnya sekali seminggu. • Guano (najis burung) mesti sentiasa dipungut agar tidak menjadi tempat membiaknya parasit yang boleh membawa penyakit. • Semua premis mesti mempunyai hanya satu pintu untuk masuk dan keluar. Disyorkan membina <i>double door</i> (pintu dua lapis) untuk keselamatan. • Pengusaha mesti menyediakan alat pemadam api di setiap tingkat rumah / premis burung. • Pemangsa seperti tikus, burung hantu, burung helang, semut, cicak dan tokek harus dijauhkan daripada persekitaran premis burung. • Sarang burung walit yang dihasilkan harus dipetik setelah telurnya menetas dan ditinggalkan oleh anak burung walit bagi menjamin populasi burung walit.



4.5.4 SISTEM TANAMAN SAWIT DUA KEMBAR

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Khusus
Ladang dan kebun kelapa sawit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kawasan galakan integrasi agrokomoditi dan agromakanan <ol style="list-style-type: none"> i. Kawasan kebun kelapa sawit milik pekebun kecil. ii. Peringkat tanaman semula dan tanaman baru kelapa sawit. 2. Jenis aktiviti agromakanan digalakkan <ol style="list-style-type: none"> i. Tanaman sayur-sayuran. ii. Tanaman buah-buahan. iii. Tanaman herba dan rempas ratus. iv. Tanaman ladang / kontan. v. Tanaman industri. vi. Aktiviti akuakultur kolam dan tangki. vii. Aktiviti ternakan sistem fidlot. 3. Persijilan mampan <ol style="list-style-type: none"> i. Setiap aktiviti agromakanan digalakkan memiliki persijilan MyGAP. <div style="text-align: center; margin-top: 20px;">  <div style="display: flex; justify-content: space-between; align-items: flex-start; margin-top: 10px;"> <div style="width: 60%;"> <p>Jarak tanaman dalam baris ialah 28 kaki dan 20 kaki antara baris</p> <p>Jarak antara dua baris kembar ialah 50 kaki</p> <p>Kepadatan tanaman sawit ialah 136 pokok/hektar</p> <p>Lebihkurang 47.2 % kawasan berpotensi untuk integrasi aktiviti agromakanan</p> </div> <div style="width: 35%; font-size: small;"> <p>Sumber : MPOB</p> </div> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div style="text-align: center;">  <p>Integrasi Tanaman Kelapa Sawit dan Tanaman Kontan</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Integrasi Tanaman Kelapa Sawit dan Akuakultur</p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div style="text-align: center;">  </div> <div style="text-align: center;">  </div> </div>



4.6

GARIS PANDUAN PERUMAHAN

4.6.1 PERUMAHAN MAMPU MILIK

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus															
Semua kawasan pembangunan perumahan baru	Pembangunan perumahan berkeluasan 10 - 20 ekar	<ul style="list-style-type: none"> Minimum 3 bilik tidur dan 2 bilik air <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr style="background-color: #e0f2f1;"> <th style="width: 20%;">Jenis Rumah</th> <th style="width: 50%;">Harga dan Keluasan Minimum</th> <th style="width: 30%;">% Jumlah Unit Yang Dibina</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Rumah Kos Rendah</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> RM70,000 keluasan minimum 850 kaki persegi </td> <td rowspan="3" style="text-align: center; vertical-align: middle;">Mengikut kesesuaian projek pembangunan</td> </tr> <tr> <td>Rumah Kos Sederhana</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> RM70,001 hingga RM140,000 950 kaki persegi </td> </tr> <tr> <td>Rumah Mampu Milik (RMM)</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> RM140,001 hingga RM240,000 Keluasan minimum 1000 kaki persegi </td> </tr> <tr> <td>Rumah Harga Terbuka</td> <td>Tiada had</td> <td style="text-align: center;">50%</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Rumah	Harga dan Keluasan Minimum	% Jumlah Unit Yang Dibina	Rumah Kos Rendah	<ul style="list-style-type: none"> RM70,000 keluasan minimum 850 kaki persegi 	Mengikut kesesuaian projek pembangunan	Rumah Kos Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> RM70,001 hingga RM140,000 950 kaki persegi 	Rumah Mampu Milik (RMM)	<ul style="list-style-type: none"> RM140,001 hingga RM240,000 Keluasan minimum 1000 kaki persegi 	Rumah Harga Terbuka	Tiada had	50%		
	Jenis Rumah	Harga dan Keluasan Minimum	% Jumlah Unit Yang Dibina														
Rumah Kos Rendah	<ul style="list-style-type: none"> RM70,000 keluasan minimum 850 kaki persegi 	Mengikut kesesuaian projek pembangunan															
Rumah Kos Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> RM70,001 hingga RM140,000 950 kaki persegi 																
Rumah Mampu Milik (RMM)	<ul style="list-style-type: none"> RM140,001 hingga RM240,000 Keluasan minimum 1000 kaki persegi 																
Rumah Harga Terbuka	Tiada had	50%															
	Pembangunan perumahan berkeluasan 20 ekar	<ul style="list-style-type: none"> Minimum 3 bilik tidur dan 2 bilik air <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr style="background-color: #e0f2f1;"> <th style="width: 20%;">Jenis Rumah</th> <th style="width: 50%;">Harga dan Keluasan Minimum</th> <th style="width: 30%;">% Jumlah Unit Yang Dibina</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Rumah Kos Rendah</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> RM70,000 keluasan minimum 850 kaki persegi </td> <td style="text-align: center;">10%</td> </tr> <tr> <td>Rumah Kos Sederhana</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> RM70,001 hingga RM140,000 950 kaki persegi </td> <td style="text-align: center;">20%</td> </tr> <tr> <td>Rumah Mampu Milik (RMM)</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> RM140,001 hingga RM240,000 Keluasan minimum 1000 kaki persegi </td> <td style="text-align: center;">20%</td> </tr> <tr> <td>Rumah Harga Terbuka</td> <td>Tiada had</td> <td style="text-align: center;">50%</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Rumah	Harga dan Keluasan Minimum	% Jumlah Unit Yang Dibina	Rumah Kos Rendah	<ul style="list-style-type: none"> RM70,000 keluasan minimum 850 kaki persegi 	10%	Rumah Kos Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> RM70,001 hingga RM140,000 950 kaki persegi 	20%	Rumah Mampu Milik (RMM)	<ul style="list-style-type: none"> RM140,001 hingga RM240,000 Keluasan minimum 1000 kaki persegi 	20%	Rumah Harga Terbuka	Tiada had	50%
Jenis Rumah	Harga dan Keluasan Minimum	% Jumlah Unit Yang Dibina															
Rumah Kos Rendah	<ul style="list-style-type: none"> RM70,000 keluasan minimum 850 kaki persegi 	10%															
Rumah Kos Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> RM70,001 hingga RM140,000 950 kaki persegi 	20%															
Rumah Mampu Milik (RMM)	<ul style="list-style-type: none"> RM140,001 hingga RM240,000 Keluasan minimum 1000 kaki persegi 	20%															
Rumah Harga Terbuka	Tiada had	50%															

Cadangan Tindakan

Penetapan pembinaan rumah mampu milik ke atas pemaju perlu dikuatkuasakan untuk memberi peluang kepada penduduk berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah

4.6.2 PEMBANGUNAN PERUMAHAN SECARA ISI PENUH

Lokasi Terlibat	Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus
Bandar Temerloh dan Mentakab	Keutamaan adalah untuk pembangunan perumahan di kawasan bandar	<ul style="list-style-type: none">• Ketinggian dan reka bentuk bangunan isi penuh hendaklah berdasarkan kepada bangunan bersebelahan.• Menggunakan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bangunan bersebelahan.• Skim warna hendaklah bersesuaian dengan bangunan sekitar.



4.7

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

4.7.1 KEMUDAHAN PENDIDIKAN

Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemudahan sekolah perlu terletak dalam jarak berjalan kaki dengan kawasan perumahan dan berada di lokasi kondusif. 2. Tidak dibenar diletakkan di sepanjang atau berhadapan jalan utama. 3. Tapak kemudahan pendidikan hendaklah mempunyai ciri fizikal yang baik di samping penyediaan padang permainan yang mempunyai sistem saliran sempurna dan berfungsi. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keluasan tapak minimum bagi sekolah rendah di kawasan Kategori B adalah 2 - 4 hektar (35 pelajar / kelas). 2. Keluasan tapak minimum bagi sekolah menengah di kawasan Kategori B adalah 4 - 6 hektar (35 pelajar / kelas). 3. Komponen kemudahan sokongan: 4. Pejabat pentadbiran dan pengetua / guru besar. 5. Bilik guru 6. Perpustakaan 7. Bengkel dan bilik makmal 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyediaan kemudahan sekolah menengah perlulah dapat menampung keperluan penduduk di kawasan sekitar. 2. Lokasi yang bersesuaian dan berdekatan dengan kawasan perumahan.



4.7.2 KEMUDAHAN KESIHATAN

Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
<ol style="list-style-type: none"> Lokasi klinik kesihatan perlu bersesuaian dan mudah diakses oleh masyarakat setempat. Keluasan tapak perlu mencukupi bagi penyediaan bangunan utama, tempat letak kenderaan, landskap, kemudahan sokongan dan kuarters kakitangan (sekiranya perlu). 	<ol style="list-style-type: none"> Keluasan tapak minimum adalah 1.2 hektar. Komponen utama <ol style="list-style-type: none"> Klinik ibu dan anak. Klinik pesakit luar. Klinik kesihatan pergigian. 	Pemilihan lokasi perlulah jauh dari Hospital Temerloh dan klinik kesihatan sedia ada di BP1 bagi meningkatkan liputan perkhidmatan.
Lokasi klinik desa perlu bersesuaian dan mudah diakses oleh masyarakat setempat.	<ol style="list-style-type: none"> Keluasan tapak minimum adalah 0.4 hektar. Komponen utama <ol style="list-style-type: none"> Klinik ibu dan anak Klinik pesakit luar Klinik pesakit luar 	Pemilihan lokasi perlulah jauh dari klinik desa sedia ada bagi meningkatkan liputan perkhidmatan.

4.7.3 KEMUDAHAN KESELAMATAN

Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
<ol style="list-style-type: none"> Tapak balai bomba perlu ditempatkan di lokasi strategik. Perancangan tapak balai bomba perlu mengutamakan faktor keselamatan dan laluan khas keluar masuk kenderaan bomba yang tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya terutama kanak-kanak dan murid sekolah. 	<ol style="list-style-type: none"> Keluasan minimum tapak bagi Balai Bomba Kategori C adalah 3 hingga 5 ekar Keperluan satu balai dengan penyediaan minimum 3 <i>engine bay</i>. Tempoh masa sampai ke kawasan kejadian kebakaran 5 hingga 8 minit. Komponen kemudahan: <ol style="list-style-type: none"> Bangunan balai Padang kawad Menara kawad Bangunan logistik 	Tempoh masa sampai ke kawasan kejadian kebakaran 5 hingga 8 minit serta mempunyai anggota yang mencukupi.

4.7.4 KEMUDAHAN AWAM DAN KOMUNITI

Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
<ol style="list-style-type: none"> Dewan serba guna dan balai raya sesuai ditempatkan berhampiran kemudahan masyarakat lain seperti surau, padang, pusat kesihatan dan sebagainya. Reka bentuk kemudahan perlu disesuaikan dengan fungsi dan aktiviti yang akan dijalankan atau reka bentuk yang mudah supaya boleh digunakan untuk pelbagai akitiviti. 	<ol style="list-style-type: none"> Kawasan tadahan 1 dewan serba guna untuk penduduk 10,000 orang / 1 balai raya untuk penduduk 5,000 orang. Keluasan minimum tapak untuk dewan serba guna 0.1 hingga 0.8 hektar dan balai raya 0.1 hingga 0.4 hektar. Perletakan di kawasan kediaman dalam jarak maksimum berjalan kaki (dewan serba guna : 800 meter / 1 / 2 batu / 15 minit, balai raya : 400 meter / 10 minit). 	<ol style="list-style-type: none"> Penambahbaikan dewan serba guna dan balai raya perlu mengambil keperluan penduduk di masa hadapan serta dilengkapi dengan komponen pembangunan seperti dewan, pentas, gelanggang permainan, tandas dan tempat letak kereta.

4.7.5 TAMAN REKREASI

Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
<ol style="list-style-type: none"> Perancangan yang sistematik dan menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti menjamin keselamatan, memberi keselesaan dan kemudahsampaian yang berkesan. Memastikan kebersihan dan pengawalan pencemaran alam sekitar. 	<ol style="list-style-type: none"> Keluasan minimum taman kejiranan seluas 2 hektar dengan saiz tadahan penduduk (3,000 hingga 12,000 orang). Dilengkapi dengan komponen pembangunan seperti gelanggang permainan futsal dan badminton, padang bola, kemudahan trek jogging dan laluan pejalan kaki, taman dan padang permainan kanak-kanak, wakaf, tandas awam, kawasan perniagaan (makanan, kafe), elemen-elemen landskap yang bersesuaian, surau, dan tempat letak kereta. 	<ol style="list-style-type: none"> Menyediakan sebuah taman kejiranan yang menggalakkan aktiviti rekreasi penduduk setempat.



4.8

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN PENGANGKUTAN DAN LALU LINTAS

4.8.1 PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM

Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemudahan bas henti-henti dalam kawasan RT perlu ditingkatkan. 2. Di samping itu, perkhidmatan teksi luar bandar juga perlu diwujudkan dengan menyesuaikan keadaan permintaan yang mungkin tidak begitu tinggi tetapi masih ada terutama bagi mereka yang tiada kenderaan sendiri yang sesuai. 3. Terminal pengangkutan awam perlu dinaik taraf bagi menambah baik keselesaan dan tahap keselamatan yang tinggi kepada pengguna. 4. Menyediakan perkhidmatan basikal elektrik (<i>e-bike</i>) dan <i>scooter bike</i> sebagai alternatif mod pengangkutan di kawasan utama tarikan pelancongan (bandar Temerloh). 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perkhidmatan bas luar bandar yang sesuai dengan tahap permintaan pengguna harus disediakan, seperti saiz bas yang lebih kecil seperti bas mini atau van besar (kapasiti 10-15 orang), yang lebih mudah bergerak di kawasan kampung, dan boleh beroperasi dengan kekerapan yang lebih tinggi (contohnya setiap 30 minit) daripada bas bersaiz besar. 2. Perkhidmatan teksi luar bandar dengan konsep <i>e-hailing</i> melalui telefon pintar perlu berdaftar dengan JPJ Temerloh bagi memastikan keselamatan pengguna perjalanan jarak jauh dari pusat bandar. 	<p>Perbincangan dengan pelbagai pihak yang berminat untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan teksi luar bandar ini harus dilakukan untuk mendapatkan cara pelaksanaan yang boleh memberi pulangan kepada semua pihak dan juga pengguna.</p>

4.8.2 KEMUDAHAN PEJALAN KAKI DAN BASIKAL

Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
Setiap kawasan bandar seperti Temerloh dan Mentakab perlu mempunyai jaringan pejalan kaki dan berbasikal yang mencukupi dan mengikut piawaian yang sesuai.	<ol style="list-style-type: none"> Piawaian reka bentuk untuk kemudahan pejalan kaki dan berbasikal perlu merangkumi aspek geometri dan fizikal. Laluan pejalan kaki perlu mencukupi untuk keselesaan orang berjalan dan berselisih antara satu sama lain. Ukuran lebar ruang pejalan kaki adalah 1.5 meter. Laluan basikal seharusnya memberi keselamatan kepada penunggang basikal untuk bergerak. Lebar lorong basikal yang baik adalah antara 1.5 - 2 meter. 	Reka bentuk rangkaian pejalan kaki dan berbasikal perlu dilaksanakan untuk bandar Temerloh dan Mentakab. Seterusnya pelan pelaksanaan rangkaian pejalan kaki dan berbasikal harus dibentuk dan pembinaan dilakukan.

4.8.3 PENGANGKUTAN AIR

Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
Meningkatkan kecekapan operasi (di samping aspek infrastruktur) bagi memastikan peningkatan bilangan pengunjung / pengguna akan dapat dikendalikan dengan baik terutama pada waktu puncak (musim cuti sekolah dan musim perayaan).	<ol style="list-style-type: none"> Sebarang penambahbaikan infrastruktur jeti perlu mengikut piawaian yang ditetapkan oleh jabatan teknikal terlibat. Hanya dibenarkan dibina bagi tujuan industri perikanan dan pengangkutan kepada penduduk / pelancong. 	<ol style="list-style-type: none"> Perlu memilih piawaian yang paling sesuai untuk mereka bentuk jeti baru atau menambah baik yang sedia ada. Perbincangan bersama pihak berkepentingan bagi menaik taraf dan menambah baik jeti sedia ada.



4.9

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

4.9.1 BEKALAN AIR

Garis Panduan Pengurusan Bekalan Air ini bertujuan membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju dalam perancangan pembinaan infrastruktur dalam sesebuah cadangan pembangunan.

Pengiraan Keperluan Air	
Perumahan	Permintaan Air Harian (LSH)
Rumah kos rendah dan rumah pangsa kos rendah	1000
Rumah pangsa kos sederhana dan sederhana rendah	1500
Rumah berderet satu dan dua tingkat	1500
Pangsapuri dan kondominium	1500
Rumah berkembar satu dan dua tingkat	2000
Rumah sesebuah satu dan dua tingkat	2000
Perniagaan	Permintaan Air Harian (LSH)
Rumah kedai satu tingkat	2000
Rumah kedai bertingkat-setiap tingkat	1500
Pejabat setiap 100m persegi	1000
Stesen minyak	50000
Pasar	25000
Pusat penjaja	25000
Hotel setiap bilik	1500
Kompleks membeli-belah setiap 100m persegi	1000
Lot-lot perindustrian	Berdasarkan permintaan bekalan air
Bengkel industri ringan	1500
Kilang berderet	5000
Sosial Dan Kemasyarakatan	Permintaan Air Harian (LSH)
Hospital-setiap 100m persegi	1000
Masjid/surau- setiap orang	50
Dewan orang ramai	25000
Rumah kelab	50000
Balairaya	2000
Sekolah harian-setiap murid	50
Sekolah berasrama- setiap murid	250
Institusi-setiap hektar	25000
Tadika- setiap kanak-kanak	30

4.9.2 BEKALAN ELEKTRIK

Garis Panduan Bagi Bekalan Elektrik ini bertujuan membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju dalam perancangan pembinaan infrastruktur dalam sesebuah cadangan pembangunan. Jumlah keperluan bekalan elektrik adalah berdasarkan kepada pengiraan beban aktiviti seperti berikut:

A. Perumahan	KW/ unit
Banglo (1 – 2 tingkat)	12.0 –15.0
Banglo berkembar (1 – 2 tingkat)	8-10
Teres kos rendah (1 – 2 tingkat)	3-5
Apartment/Flat	2.5 –4.0
Komdominum	5.0
Homestead	20.0
B. Perniagaan	KW / unit
Rumah kedai (1 –5 tingkat)	
kawasan kepadatan rendah	10.0-30.0
kawasan kepadatan sederhana	15.0-45.0
kawasan kepadatan tinggi	20.0-60.0
Gerai	10.0
Stesen minyak	80.0
Kompleks membeli-belah	0.09
Perumahan	0.04
Blok pejabat	0.09
Hotel (kW/bilik)	10.0
C. Infrastruktur	KW/unit
Tangki/pam air	50.0
Loji rawatan kumbahan	50.0-180.0
Lampu jalan	0.15
Tangki sedut	30.0
Telekom	100.0
D. Sosial Dan Kemasyarakatan	KW/unit
Surau	30.0
Masjid	100.0
Balairaya/dewan	50.0
Sekolah harian –setiap pelajar	50.0
Terminal pengangkutan	200.0
Klinik/hospital	50.0
Balai bomba/polis	100.0

E. INDUSTRI	KW/unit
Teres (1-2tingkat)	30.0
Teres kos rendah	20.0
Industri ringan	50.0
Lot berkembar	80.0
Lot sesebuah(up to 1 ekar)	100.0
Lot sesebuah (1-3 ekar)	200.0
Lot sesebuah (> 3 ekar)	300.0

4.9.3 PENCAWANG ELEKTRIK

Keperluan Pencawang Elektrik (PE)	
PENCAWANG ELEKTRIK	ANGGARAN BEBAN ELEKTRIK
Pencawang 11kV	> 100 kVA Jika tiada sumber elektrik berdekatan, pencawang 11kV diperlukan untuk beban < 100 kVA.
Pencawang 33kV	> 5000 kVA Sumber bekalan elektrik kepada pencawang 11 kV
Pencawang 132kV	> 25,000 kVA Sumber bekalan elektrik kepada pencawang 33 kV
Pencawang 275kV	> 120,000 kVA Sumber bekalan elektrik kepada pencawang 132 kV

Saiz Tapak Pencawang Elektrik (PE)	
PENCAWANG	SAIZ TAPAK
Pencawang Masuk Utama (275 kV)	305 m x 305 m Bangunan 9 m tinggi
Pencawang Masuk Utama (132 kV)	122m x 122m Bangunan 9m tinggi
Pencawang Pembahagian Utama (132kV)	46m x 46m Bangunan 9m tinggi
Pencawang elektrik 11kV ('Single chamber')	<ul style="list-style-type: none"> Setback bangunan PE 10' tepi & belakang 20' depan (berubah berdasar kepada keperluan PBT) Bangunan tinggi 3.6m Saiz bangunan 20' x 30'
Pencawang elektrik 11kV (Double chamber)	<ul style="list-style-type: none"> Setback bangunan PE 10' tepi & belakang 20' depan (berubah berdasar kepada keperluan PBT) Bangunan tinggi 3,6m tinggi Saiz Bangunan 20' x 40'

- i. Keluasan tapak bangunan PE adalah garis panduan daripada TNB. Sebarang perubahan saiz dan bilangan yang perlu disediakan dan peletakan bergantung kepada persetujuan TNB.
- ii. Tidak dibenarkan PE di atas kawasan lapang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

4.9.4 PEMBETUNGAN

Penyediaan sistem pembentungan hendaklah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan di dalam ‘*Guidelines For Developer*’ yang mensyaratkan semua permohonan pelan-pelan perancangan sistem pembentungan atau tangki septik hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Pembentungan.

CARA PENGGUNAAN :

Garis Panduan Industri Pembentungan ini disediakan setelah menimbang kehendak – kehendak agensi – agensi teknikal lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium (IWK) dan agensi – agensi teknikal lain.

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama :

- i. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
- ii. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan) 2011
- iii. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) 2007
- iv. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perancangan, Reka Bentuk dan Pembinaan Sistem Pembentungan dan Tangki Septik) 2013
- v. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007
- vi. Garis Panduan Industri Pembentungan Malaysia Jilid II (Edisi 2 Pindaan v1: Julai 2013)

Prosedur kelulusan model baru di bawah kategori Risiko Rendah adalah khusus untuk:

- i. Pembangunan yang diberikan untuk menggunakan tangki septik.
- ii. Membuat penyambungan dari kebuk pemeriksaan / lurang sesuatu premis ke sistem pembentungan sedia ada dan tidak melibatkan keperluan untuk membina rangkaian / jajaran paip pembentung (*sewer*).
- iii. Pembangunan bagi satu premis tunggal berkapasiti penduduk setara di antara 31PE hingga 150PE yang menggunakan Sistem Rawatan Kumbahan Kecil (*Small Sewage Treatment System – SSTS*).

Pembangunan Individu Yang Mengandungi Bilangan Unit Rumah Kurang Daripada 30 Unit atau Bilangan Penduduk Setara Kurang Dari 150 Orang	Pembangunan Individu Yang Melebihi 150 Penduduk Setara dan Purata Kepadatan Perumahan Melebihi 5 Unit Sehektar	Pembangunan Individu Yang Melebihi 150 Penduduk Setara Tetapi Kepadatan Perumahan Kurang Daripada 5 Unit Sehektar
<ol style="list-style-type: none"> i. Tangki septik individu boleh digunakan. ii. Pemaju hendaklah menyediakan tangki septik sebagai sebahagian daripada kerja-kerja infrastruktur. iii. Pembinaan tangki septik hendaklah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh JPP. 	<ol style="list-style-type: none"> i. Paip retikulasi dan sistem rawatan kumbahan berpusat hendaklah disediakan. ii. Rekabentuk paip retikulasi hendaklah memenuhi ‘<i>Hydraulic Conditions Within Topographic and Routing Parameters</i>’. 	<ol style="list-style-type: none"> i. Keutamaan hendaklah diberi kepada pembinaan paip retikulasi dan sistem rawatan kumbahan berpusat. ii. Penggunaan tangki septik mungkin boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kebenaran JPP.



Pengiraan penduduk setara sesuatu pembangunan hendaklah dibuat berdasarkan kepada anggaran penduduk setara oleh JPP seperti berikut:

Jenis Premis	Penduduk Setara
Perumahan	5 / rumah
Perniagaan termasuk pejabat, kompleks perniagaan, pusat hiburan dan rekreasi, restoran dan kafeteria	3 / 100 m ² keluasan lantai kasar
Sekolah / Institusi Pengajian <ul style="list-style-type: none"> • Harian • Berasrama • Separa Berasrama 	0.2 / pelajar <ul style="list-style-type: none"> • 1 / pelajar • 0.2 / pelajar (non-residential) • 1 / pelajar (residential)
Hospital	4 / katil
Hotel dengan kemudahan makanan dan cucian	4 / bilik
Kilang (tidak termasuk air sisa kilang)	0.3 / pekerja
Pasar (Jenis Basah)	3 / gerai
Pasar (Jenis Kering)	1 / gerai
Pam Minyak	15 / tandas
Terminal Bas	4 / petak bas
Terminal Teksi	4 / petak teksi
Masjid / Gereja / Kuil	0.2 / orang
Stadium	0.2 / orang
Kolam Renang / Kompleks Sukan	0.3 / orang
Tandas Awam	15 / tandas
Lapangan Terbang	0.2 / penumpang 0.3 / pekerja
Kedai Dobi	10 / mesin cuci
Penjara	1 / orang
Kelab Golf	20 / lubang golf

4.9.5 TAPAK LOJI RAWATAN KUMBAHAN BERSISTEM MEKANIKAL

- i. Keluasan tapak loji ini tidak merangkumi zon penampakan.
- ii. Pemasangan perangkap minyak perlulah diadakan di setiap premis seperti restoran dan bengkel sebelum saluran sanitaranya memasuki paip pembentung awam.

Penduduk Setara	Standard A		Standard B	
	(Hektar)	(Ekar)	(Hektar)	(Ekar)
2000	0.17	0.42	0.17	0.42
3000	0.22	0.55	0.22	0.55
4000	0.27	0.66	0.27	0.66
5000	0.33	0.76	0.31	0.76
10,000	0.78	1.93	0.66	1.63
25,000	1.00	2.47	0.84	2.09
30,000	1.33	2.95	0.99	2.44
35,000	1.37	3.38	1.13	2.79
40,000	1.53	3.79	1.26	3.11
45,000	1.81	4.48	1.65	4.08
50,000	1.97	4.88	1.79	4.43
55,000	2.12	5.25	1.95	4.77
60,000	2.23	5.52	2.03	5.02
65,000	2.37	5.84	2.15	5.31
70,000	2.52	6.22	2.29	5.66
75,000	2.67	6.61	2.43	6.00
80,000	2.93	7.23	2.66	6.57
85,000	3.27	8.07	2.82	6.96
90,000	3.49	8.61	3.03	7.49
95,000	4.07	9.12	3.23	7.99
100,000	4.25	9.61	3.42	8.46
110,000	4.57	10.06	3.60	8.90
120,000	4.87	10.49	3.77	9.32
130,000	5.14	11.29	4.09	10.10
140,000	5.39	12.02	4.38	10.81
150,000	5.63	12.70	4.64	11.47
160,000	5.84	13.32	4.89	12.08
170,000	6.05	13.30	5.12	12.64
180,000	6.25	14.44	5.33	13.17
190,000	6.43	14.95	5.53	13.67
200,000	6.60	15.41	5.72	14.14
250,000	7.36	15.89	5.90	14.58
300,00	7.98	16.32	6.07	15.00
450,000	9.36	18.20	6.81	16.83

4.9.6 PENGURUSAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi ini bertujuan membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju dalam perancangan pembinaan infrastruktur telekomunikasi dalam sesebuah cadangan pembangunan. Garis Panduan bagi penyediaan system telekomunikasi adalah berikut:

- i. Pembangunan infrastruktur telekomunikasi perlu menerapkan konsep perkongsian rangka utama talian telekomunikasi bagi mengurangkan keperluan struktur tanpa mengabaikan mutu perkhidmatan.
- ii. Pemasangan kabel telekomunikasi hendaklah melalui saluran kabel yang dibuat daripada bahan yang sesuai dan diluluskan.
- iii. Setiap pemasangan baru yang memerlukan bilangan talian telekomunikasi yang banyak hendaklah menyediakan kawasan atau ruang yang sesuai untuk menempatkan peralatan telekomunikasi.
- iv. Semua pembangunan perlu menyediakan lurang di bawah tanah yang menyeberangi jalan baru untuk lintasan kabel telekomunikasi pada tempat-tempat yang sesuai.
- v. Sebarang pembinaan baru menara telekomunikasi dan struktur sistem pemancar hendaklah mendapatkan kelulusan daripada MPP-MDKT.
- vi. Struktur telekomunikasi mesti mempunyai nilai estetik dan diadunkan dengan keadaan persekitaran.

Keperluan dan Syarat Penyediaan Rizab Menara Pemancar Komunikasi	
Penyediaan Rizab Menara Pemancar Komunikasi	Keperluan dan Syarat
Saiz pembangunan	Berkeluasan melebihi 100 ekar; atau
Jangkaan penduduk	Melebihi 1,000 orang; atau
Bilangan unit rumah	250 unit rumah (dengan nisbah 4 orang bagi satu unit rumah)
Keluasan tapak	15m x 15m
Tinggi struktur	Mengikut kesesuaian (30m – 45m)

Kriteria penentuan tapak rizab bagi tujuan peletakan struktur pemancar komunikasi haruslah mengambilkira keperluan seperti yang berikut:

- i. Keadaan Topografi
 Lokasi pada altitude yang tinggi dan tiada bangunan tinggi bersebelahan haruslah diutamakan bagi membolehkan kebolehsampaian isyarat dan juga keperluan line of sight. Kawasan beraltitud rendah haruslah dielakkan bagi menghindar risiko banjir (*flood retention area*) atau menghalang liputan yang disasarkan.
- ii. Liputan Jalur Lebar Semasa
 Kawasan yang disediakan perlu ditempatkan di lokasi yang tidak mempunyai liputan atau isyarat yang lemah. Keutamaan lokasi juga disarankan di kawasan yang mempunyai akses kepada rangkaian gentian optik.

Ruang Kawasan dan Jarak Minimum		
Ruang Kawasan Minimum	Jarak Minimum Cadangan Lokasi Struktur Pemancar Komunikasi Dari Bangunan Terdekat Bagi Tinggi Struktur Kurang 45 meter	
15m x 15m atau lebih kecil mengikut kesesuaian jenis struktur	Kediaman / rumah ibadat / hospital / sekolah / dewan orang ramai / institusi	20m
	Komersial	10m
	Industri	5m

4.9.7 PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN SISA TERJADUAL

Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Sisa Terjadual ini bertujuan membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju dalam perancangan pembinaan tapak pelupusan dan infrastruktur dalam sesebuah cadangan pembangunan.

CARA PENGGUNAAN :

Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Sisa Terjadual ini disediakan setelah menimbang kehendak – kehendak agensi – agensi teknikal lain seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan agensi – agensi teknikal lain.

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama :

- i. Akta Kerajaan Tempatan (Akta 177), 1976
- ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172), 1976
- iii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133), 1974
- iv. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Akta 172), 1974
- v. Garis Panduan Perancangan Tapak Pelupusan Sisa Toksik dan Sisa Pepejal

Penetapan laluan pengutipan hendaklah berdasarkan kepada kriteria berikut:

- i. Laluan permulaan dan terakhir di jalan raya utama.
- ii. Laluan akhir adalah kawasan yang paling hampir dengan kawasan tapak pelupusan sisa pepejal.
- iii. Kawasan yang mengalami kesesakan lalu lintas hendaklah dikutip di awal waktu pengutipan.

Dalam perancangan penyediaan tapak pelupusan sisa pepejal, beberapa kriteria dari segi fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar perlu diambilkira antaranya:




Pemilihan Tapak

Sekurang-kurangnya satu tapak pelupusan perlu disediakan bagi setiap 30,000 penduduk ataupun dalam lingkungan 10km bagi sesebuah kawasan petempatan atau perumahan. Tapak pelupusan adalah dihadkan kepada pelupusan sisa pepejal sahaja. Pemilihan tapak adalah berdasarkan kepada beberapa aspek berikut:


Fizikal	Ekonomi	Sosial	Alam Sekitar	Kawalan Keselamatan
<ul style="list-style-type: none"> Tidak termasuk kawasan bekalan air, tadahan air, banjir, aliran air (sungai dan paya), paras air bawah tanah yang rendah, bertanah pamah, muara / pesisiran pantai. Tapak yang sesuai adalah zon industri dan terdiri dari gaung / lurah yang tidak ada kepentingan, bekas tapak lombong, bekas kolam yang digali dan bekas kawasan tali air dengan syarat mematuhi EIA. 	<ul style="list-style-type: none"> Jarak masa dari tempat sumber utama bahan hendaklah tidak melebihi ½ hari perjalanan kerana sisa-sisa ini cepat busuk. Keluasan minima tapak 50 – 60 hektar. Jangka hayat tapak pelupusan adalah 20 tahun. Mudah mendapatkan tanah untuk penimbusan. Mempunyai laluan dan jalan keluar masuk yang sempurna. Anggaran kos pembayaran balik pampasan yang rendah. Mudah dihubungi dan kos pengangkutan minima. Tidak mempunyai halangan untuk tujuan pembesaran tapak projek. Mengambil kira faedah tapak pelupusan selepas tamat jangka hayatnya. 	<p>Hakmilik tanah – utamakan tanah kerajaan untuk memudahkan urusan pengambilan balik:</p> <ul style="list-style-type: none"> Tanah yang terhad dari segi guna tanah juga boleh dipertimbangkan. Jauh dari kawasan berkepadatan tinggi dan keutamaan pembangunan hendaklah sekurang-kurangnya 5 – 10 km sebagai langkah untuk menyekat dari bau busuk, habuk dan bising. Jauh dari kawasan-kawasan yang mempunyai nilai estatik, sejarah dan tempat-tempat pengekalan. Tempat yang tidak mempunyai kehidupan liar dan binatang terpelihara. Tidak memberi kesan ke atas kehidupan laut. Jauh dari kawasan kegunaan awam. 	<ul style="list-style-type: none"> Pertimbangan dari aspek geoteknikal iaitu guna tanah sedia ada, jenis permukaan tanah, paras air bawah tanah dan kestabilan kecerunan termasuk laporan EIA. Pertimbangan dari kesan pencemaran air bawah tanah dan permukaan air terutamanya kesan pencemaran kepada air minuman. Kawasan dilanda Banjir. Kesesuaian tapak dengan kawasan persekitaran. 	<ul style="list-style-type: none"> Kawalan ke atas air kurasan. Kawalan ke atas pelepasan gas.

4.9.8 TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL

Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam merekabentuk tapak pelupusan sisa pepejal adalah:	
Laluan masuk	Semua jalan penghubung ke tapak pelupusan hendaklah berturap termasuk jalan-jalan sementara bagi kerja punggah memunggah
Keluasan tapak pelupusan	Tapak yang dipilih mestilah mampu menampung sisa pepejal bagi jangka masa 10 – 25 tahun merangumi kawasan zon penampian.
Kaedah penimbunan	Bergantung kepada rupa bumi dan lapisan tanah penutup; kaedah biasa digunakan pembentukan sel / parit, kawasan ataupun canyon.
Kriteria tapak pelupusan matang	Kecerunan tapak pelupusan 3:1, ketinggian tanggaaan 50-75 kaki, kecerunan lapisan penutup akhir 3 – 6%.
Saliran permukaan	Penyediaan parit penyaliran air larian permukaan; pada kecerunan 3 – 6% bagi mengelak air bertakung di lapisan penutup akhir tapak pelupusan.
Bahan penutup pengantara	Memaksimumkan penggunaan tanah di lapangan.
Bahan penutup akhir	Disyorkan reka bentuk pelbagai lapisan dengan kecerunan 3 – 6%.
Rekabentuk dan pembinaan sel	<p>Setiap hari sisa pepejal akan membentuk satu sel. Penutup akhir setiap hari 6 inci, kelebaran tipikal 10 – 30 kaki, ketinggian tipikal termasuk penutup perantara 10 – 14 kaki, kecerunan kerja 2:1 – 3:1.</p> <div style="text-align: center; margin-top: 10px;">  </div>
Pencegahan air bawah tanah	Alihkan sebarang aliran air bawah tanah atau jika perlu sediakan parit perimeter, telaga dan lain-lain peralatan kawalan.
Pengurusan gas tapak pelupusan	Pengurusan gas ini merangkumi pemasangan telaga gas dan kemudahan pengumpulan gas terkondenser.

sambungan

Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam merekabentuk tapak pelupusan sisa pepejal adalah:

<p>Pengumpulan air kurasan</p>	<p>Mengenalpasti kadar alir maksimum air kurasan dan saiz paip pengumpulan, kemudahan stesen pam dan jenis paip pengumpulan.</p> 
<p>Rawatan air kurasan</p>	<p>Pemilihan proses rawatan air kurasan yang bersesuaian bergantung kepada kuantiti air kurasan dan keadaan persekitaran setempat.</p>
<p>Keperluan alam sekitar</p>	<p>Penyediaan kemudahan pengawasan gas dan cecair, kemudahan pengawasan air bawah tanah dan kemudahan stesen pengawasan kualiti udara.</p>
<p>Keperluan peralatan</p>	<p>Jumlah dan jenis peralatan adalah bergantung kepada jenis tapak pelupusan dan kapasiti reka bentuk sisa pepejal.</p>
<p>Mencegah kebakaran</p>	<p>Keperluan air di tapak pelupusan. Penyediaan sel yang berasingan akan dapat mencegah kebakaran merebak sekiranya terjadi kebakaran.</p>

4.9.9 BUANGAN SISA PEPEJAL DAN SISA TERJADUAL

Sisa Pepejal

- Mengawasi sistem pembuangan dari semua punca buangan di dalam blok perancangan dengan pembentuk Alam Sekitar dan Kesihatan. Misalnya, pengawasan supaya tiada buangan terus ke dalam sungai-sungai.
- Stesen peralihan sampah jika perlu disediakan hendaklah ditempatkan di lokasi sesuai dan zon penampakan minimum 500 m dari kawasan perumahan diperuntukkan.
- Pengelasan sampah mengikut kelas tertentu umpamanya barangan kaca, logam, plastic dan kertas digalakkan untuk dikitar semula (*recycle*) dengan sewajarnya.
- Kempen kebersihan hendaklah dijalankan bagi menyedarkan masyarakat awam, perdagangan dan industri tentang keperluan mengurus sampah sarap dan guna semula.

sambungan

Sisa Terjadual

- Menguatkuasakan undang-undang kecil di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang memberi kuasa untuk kawalan buangan sisa.
- Pendidikan di sekolah hendaklah menekankan kebersihan dan kawalan ke atas buangan sisa ke parit dan sungai.
- Menguatkuasakan garis panduan yang dikeluarkan oleh JAS untuk mengedalikan sisa terjadual. Garis panduan termasuklah:
 - i. Mengurangkan penghasilan sisa toksik semimum mungkin.
 - ii. Memberitahu JAS tentang pengeluaran sisa terjadual termasuk membuat inventori semasa bagi sisa yang terhasil, dirawat dan dihapuskan.
 - iii. Tong simpanan sisa toksik dan terjadual mestilah ditandakan dengan jelas dan menggunakan tong atau bekas yang sesuai serta tapak simpanan yang baik.
 - iv. Simpanan pelbagai bahan sisa yang boleh mendatangkan kesan buruk tidak dibenarkan.
 - v. Pengeluar sisa terjadual mestilah memberitahu pihak yang mengangkut sisa tersebut mengenai sisa yang diangkut serta mencadangkan aspek-aspek keselamatan sekiranya berlaku kemalangan.
 - vi. Buangan terjadual hendaklah, sekuat yang boleh dilaksanakan, dijadikan tidak berbahaya sebelum dilupuskan.
 - vii. Sisa-sisa daripada pengolahan buangan terjadual hendaklah diolah atau dilupuskan di premis yang ditetapkan.

4.9.10 UKURAN PEPASANGAN UTILITI

Garis Panduan Ukuran Pemasangan Utiliti ini disediakan untuk kegunaan jurukur tanah dalam menjalankan kerja ukur bagi tujuan pemetaan utiliti dan perlu dibaca bersekali dengan *Standard Guideline For Underground Utility Mapping*.

Selaras dengan peruntukan tentang aspek kualiti data pemetaan utiliti yang terdapat di dalam *Standard Guideline*, pengesanan dan ukuran pemasangan utiliti dapat dibahagikan kepada dua (2) jenis, iaitu:

- a) Pengesanan dan ukuran bersempena pengesanan geofizikal secara *non-invasive* bagi menghasilkan data pemetaan utiliti pada tahap kualiti B.
- b) Ukuran ke atas pemasangan utiliti bawah tanah yang terdedah seperti ukuran *as-built* serta yang seumpamanya bagi menghasilkan data pemetaan utiliti pada tahap kualiti A.

Walaupun begitu, mungkin timbul keperluan untuk menjalankan ukuran bagi memenuhi tahap kualiti C. Dalam hal ini, bahagian pemasangan utiliti yang berada di permukaan bumi (dan terdedah) turut perlu diukur sekiranya belum diuruskan sebelumnya.

Nota: Sifat Tahap Kualiti A, B dan B boleh rujuk kepada *Standard Guideline For Underground Utility Mapping*.

- a) Pengesanan dan ukuran geofizikal *non-invasive*

Teknik-Teknik pengesanan yang boleh digunakan boleh dikelaskan seperti berikut:

- i. Elektromagnetik
 - *Pipe and Cable Locator (PCL)*
 - *Terrain Conductivity*
 - *Resistivity Measurements*
 - *Metal Detectors*
 - *Ground Penetrating Radar (GPR)*
 - *Optical Methods*
 - *Infrared (Thermal) Methods*
 - *X-Ray Methods (Penetrating Radiation)*
- ii. Magnetik
 - Magnetometer
 - *Total Field Measurements*
 - *Gradiometric Measurements*
- iii. Gelombang Anjal (*Elastic Wave*)
 - *Seismic Reflection*
 - *Seismic Refraction*
 - *Acoustic Emission*

- b) Ukuran pemasangan utiliti bawah tanah yang terdedah

Penggalian lubang ujian boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah-kaedah berikut:

b) Ukuran pemasangan utiliti bawah tanah yang terdedah

Penggalian lubang ujian boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah-kaedah berikut:

- *Backhoe*

Penggalian lubang ujian dengan menggunakan *backhoe* merupakan teknik yang berisiko tinggi berbanding dengan kaedah-kaedah lain. Ia sukar untuk dikendalikan serta tidak bergitu tepat dan dengan itu kaedah ini tidak digalakkan.

- Penggalian menggunakan alat asas

Penggalian lubang ujian menggunakan peralatan paling asas seperti penggali boleh juga dilakukan. Walaupun ia tidak memerlukan perbelanjaan peralatan yang tinggi dan agak selamat tetapi kaedah ini memakan masa dan memerlukan tenaga kerja yang lebih.

- Ekskavasi hampagas

Ekskavasi hampagas menggunakan sama ada tekanan udara atau air untuk memecahkan tanah dan alat hampagas untuk menyedut pecahan tanah tersebut. Saiz dan bentuk lubang ujian akan bergantung kepada keadaan di lapangan dan boleh dalam bentuk bulat atau empat segi, mengikut keperluan dan kesesuaian. Sebagai contoh, ia boleh berdiameter 15sm hingga 30sm atau bersaiz sekitar 900sm persegi. Kedalaman lubang juga boleh berubah dari 0.5 meter ke 1.0 meter atau boleh sehingga melebihi 3.0 meter, jika perlu sampai ke saluran pembentungan yang dalam. Ini merupakan kaedah ekskavasi lubang ujian yang disyorkan.

KONSEP SMART CITY (COMMON TRENCHING)

- “Penyediaan perkhidmatan utility akan menggunakan konsep Smart City melalui rangkaian dan jaluran bawah tanah (*common trenching*)”
- Rangkaian utility seperti kabel elektrik, telekomunikasi, air, pembetungan dan perparitan di tanam melalui salur bawah tanah secara sistematik untuk menggalakkan ciri-ciri estetika dan keselesaann persekitaran (**rujuk Foto A**)
- Konsep ini akan menggerakkan selanjutnya langkah-langkah berikut:
 - i. Rangkaian utiliti dan kapasitinya akan mengambilkira konsep dan aktiviti berasaskan teknologi maklumat multimedia yang dijalankan khususnya bagi Daerah Temerloh untuk menjamin kelancaran pembangunan.
 - ii. Sistem pelupusan dan pembetungan yang ekonomik, praktikal dan mesra alam akan digunakan; dan
 - iii. Penggunaan sistem automasi elektronik dalam pengurusan rangkaian utiliti seperti “*Integrated Water Management System (IWMS)*” bagi bekalan air, “*Smart Card Metering System*” untuk elektrik dan “*Oxidation Ditch System*” untuk air kumbahan akan digunakan bagi menjamin kualiti kehidupan yang tinggi,



Butiran Pemasangan Utiliti

Tema Butiran	Jenis Butiran	Butiran yang Dikesan dan Diukur Mengikut Industri			
		Elektrik	Petroleum dan Gas	Bekalan Air	Telekomunikasi
Persekitaran terbina	Pagar				
	Tembok				
Hidrografi	Bangunan serta Namanya				
	Penutup lurang saliran, dimensi dalaman serta aras dasarnya (invert level)				
Elektrik	Saliran (drain) serta aras dasarnya				
	Pembentung serta aras dasarnya				
	Tiang lampu				
	Tiang dawai dan nilai voltannya				
	Tiang transformer				
	Pilon				
	Peti pembekal				
	Kabel elektrik di permukaan dan bawah tanah serta nilai voltannya				
	Stesen pencawang elektrik dan namanya				
	Substesen serta namanya				
	Penanda saluran petroleum dan gas				
	Injap petroleum dan gas				
Petroleum dan Gas	Stesen pemetaan dan gas				
	Saluran paip petroleum dan gas serta bahan buatan paip				
Bekalan Air	Injap air				
	Penutup injap air				
	Kebuk air				
	Pili bomba				
Pangangkutan	Paip air serta garis pusat dan bahan buatan paip				
	Lampu lalu lintas				
	Isyarat lalu lintas				
	Tanda kilometer				
	Hentian bas				
Telekomunikasi	Tiang telefon				
	Pondok telefon				
	Penanda kabel telekomunikasi				
	Penutup kebuk telekomunikasi				
	Kabel telekom				
	Kabel optic gentian				
	Kabel kawalan				
Pembentung	Saluran kabel				
	Paip pelindung				
	Penutup lurang pembentungan				
	Terowong bata serta aras dasarnya				
	Saluran pembentungan serta aras dasarnya				
	Stesen pengepam rangkaian				
	Loji rawatan pembentungan dan namanya				




Foto A: Common Trenching

Nota*: Cadangan Konsep "Common Trenching" bagi pembangunan Smart City di Daerah Temerloh

“COMMON SERVICE TUNNEL” dan MULTI-CELL TUNNEL”

- i. Pelaksanaan sistem **“Common Service Tunnel”** yang melibatkan pembinaan terowong konkrit yang akan menempatkan semua jenis talian utility. Terowong bawah tanah yang berukuran 1.5 meter tinggi dan 1 meter lebar (**rujuk Foto A**) juga boleh bertindak menerima limpahan banjir kilat. Sama ada terowong ini akan mempunyai rizab laluan khas atau masih dalam rizab jalan perlu dipastikan terlebih dahulu.
- ii. Pembangunan Bandar *Smart City* juga seharusnya mempunyai program pembinaan sistem bersepadu terowong konkrit bawah tanah. Namun setiap utiliti akan mempunyai conduit masing-masing yang berasingan di kenali sebagai *“multi-cell tunnel”*. Walaupun setiap utiliti mempunyai conduit berasingan tetapi laluan yang diperlukan masih dalam satu laluan atau koridor yang sebahagian besar akan berkongsi dengan jaringan hijauan/ zon penamparan (*green belt/ buffer zone*) yang berasingan dari rizab-rizab jalan raya. *“Multi-cell tunnel”* ini hanya menempatkan kemudahan bagi paip air, kabel telekomunikasi, kabel elektrik, dan paip gas serta kemudahan pembedahan, tetapi tidak untuk kemudahan perparitan yang mana akan diasingkan (**rujuk Foto B**)






Foto B: Keratan Rentas Envisioned Common Service Tunnel

Nota*: Cadangan Konsep “Common Trenching” bagi pembangunan Smart City di Daerah Temerloh


KERATAN RENTAS “TUNNEL” UTILITI (JENIS 1)



KERATAN RENTAS “TUNNEL” UTILITI (JENIS 2)



KERATAN RENTAS “TUNNEL” UTILITI (JENIS 3)



Jaringan dan Penempatan

- i. Penempatan kemudahan utiliti hendaklah dalam dan menjadi sebahagian dari laluan awam (urban path) tetapi mempunyai hak laluan yang khusus berasingan dari lain-lain laluan bagi pergerakan kenderaan dan laluan siarkaki
- ii. Jaringan dan penempatan perlu mematuhi dasar dan garis panduan yang ditetapkan mengikut dasar-dasar serta keperluan pelan-pelan pembangunan yang disediakan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 Akta A 933. Peta-peta subjek sepertimana yang perlu dalam Rancangan –Rancangan Tempatan hendaklah disediakan dan ruang-ruang lanskap diselaraskan dengan Arahan Teknik (Jalan) 8/86 dari segi keluasan rizab dan kedudukan kemudahan utiliti.
- iii. Setiap cadangan pewujudan rizab-rizab jalan, siarkaki, koridor lanskap, zon penampakan atau mana-mana rizab khas perlu mengeneppikan ruang bagi laluan kemudahan awam.
- iv. Penempatan sama ada di kiri dan kanan ‘*carriageway*’ atau parit adalah bergantung kepada kelebaran rizab jalan serta keperluan-keperluan teknikal Kawasan berkaitan
- v. Penentuan jaringan atau “*alignment*” hendaklah ekonomik, praktikal dan memenuhi kehendak-kehendak pengekalan alam semulajadi samada dari segi pengurangan pemotongan tanah, pengekalan topografi, mengelakkan pemotongan pokok-pokok dan sebagainya.
- vi. Laluan bagi paip air dan pembedungan bolehlah diletakkan dalam laluan atau di bawah laluan yang disediakan untuk siarkaki, laluan motosikal dan letak kereta.
- vii. Penempatan hendaklah bersesuaian dan mengabilkira aspek-aspek geologi dan geoteknikal kawasan
- viii. Lokasi setiap laluan utiliti perlu sesuai dari segi perletakan agar mudah diselenggara tanpa menimbulkan apa jua gangguan kepada laluan perkhidmatan yang lain
- ix. Rizab lanskap dan jenis-jenis pokok bagi jalan-jalan perlulah mematuhi syarat-syarat seperti yang diterangkan dalam Garis Panduan Lanskap Negara 1995

Rekabentuk

- i. Lebar minima laluan kemudahan utiliti perlu cukup dengan kelebaran tidak kurang dari 3 meter dan selaras dengan lebar minimum rizab jalan. Anjakan daripada jalan dan laluan parit dan Kawasan landskap mengikut piawaian yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
- ii. Laluan kemudahan utiliti hendaklah mengikut spesifikasi dan koridor yang dikhaskan. “*alignment*” hendaklah mengikut jajaran dan kontur topografi
- iii. Rangkaian utiliti mengikut konsep *Smart City* seperti kabel elektrik, telekomunikasi, air perparitan dan paip pembedungan di mana melalui salur di bawah tanah secara sistematik untuk mencapai strategi estetika dan keselesaan persekitaran
- iv. Menempatkan kemudahan-kemudahan sama ada di kiri atau di kanan “*carriageway*” atau parit adalah bergantung kepada kelebaran rizab jalan dari 20 meter (66 kaki) hingga 60 meter (200 kaki). Kelebaran ini boleh menampung keperluan laluan kemudahan utility yang diperlukan


- v. Rizab jalan bagi kawasan perumahan dalam pembangunan bersepadu dan “*self-contained town*” adalah digalakkan supaya kelebaran minimum jalan ialah 20 meter (66 kaki). Kelebaran ini bagi menampung tambahan untuk laluan kemudahan utility. Jenis-jenis jalan yang dimaksudkan ialah jalan U1, U1a bagi kawasan bandar.
- vi. Penyediaan laluan kemudahan utility dengan menggunakan konsep *Smart City* melalui rangkaian dan jaluran bawah tanah (*common trenching*)
- vii. Rangkaian utiliti dan kapasiti hendaklah mengambil kira konsep dan aktiviti berasaskan teknologi baharu.
- viii. Dalam keadaan ruang yang terhad, utiliti seperti paip air atau pembedungan hendaklah diletakkan berasingan sama ada di bawah laluan pejalan kaki, laluan motosikal atau mana-mana “*path pavement*”, manakala parit/ longkang di tepi bahagian siarkaki atau ruang lanskap. Saluran elektrik perlulah diletakkan berjauhan dengan paip gas, saluran paip air memerlukan laluan kiri dan kanan jalan.
- ix. Perkakas-perkakas jalan seperti tempat berteduh, gazebo, kiosk, pondok telefon, lampu-lampu awam, tanda / petunjuk arah, papan iklan hendaklah khusus ditempatkan di ruang-ruang lanskap atau ruang untuk pejalan kaki
- x. Kemudahan yang dibenarkan dalam koridor atau Laluan Kemudahan Utiliti hendaklah dihadkan untuk keperluan-keperluan berikut;
 - i. Parit / longkang untuk menampung atau saliran bagi air hujan (*storm / water drain*)
 - ii. Siarkaki (*foot/path pavement*)
 - iii. Ruang untuk keindahan/ lanskap tetapi hanya dihadkan kepada tanaman pokok-pokok renek (*shrub*) dan penutup bumi (*ground cover*) sahaja,
 - iv. Perkakasan bandar (*street furniture*) seperti bangku-bangku, pondok rehat, tiang lampu, tanda tunjuk jalan, kiosk jualan, tong sampah dan sebagainya boleh dibenarkan.



4.10 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN REKA BENTUK BANDAR

4.10.1 REKA BENTUK BANDAR

Perkara	Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
Pengubahsuaian bangunan semasa di Bandar Temerloh dan Mentakab	Fizikal bangunan harus dikekalkan seperti asal dan sebarang perubahan haruslah dengan rujukan bersesuaian dan harmoni.	<p>Bahan binaan Seperti asal atau spesifikasi yang sama dari corak semasa.</p> <p>Bentuk Bangunan dan Fasad Terjemahan dari corak asal bangunan berdekatan.</p> <p>Pintu, Tingkap dan Kerja-Kerja Kayu Kaitkan dengan corak asal yang bersesuaian.</p> <p>Perhiasan Corak yang ringkas atau terjemahan corak semasa dari ciri setempat atau seperti reka bentuk asal.</p>	<ol style="list-style-type: none"> Memastikan latar langit bandar yang seimbang dengan mengawal ketinggian bangunan yang harmoni. Penambahan ketinggian bangunan (jenis teres) yang melebihi bangunan bersebelahan hanya dibenarkan dengan mengguna pakai pembangunan secara 'step back'.



Sambungan

Perkara	Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
Pengubahsuaian bangunan semasa di Bandar Temerloh dan Mentakab		<p>Kaki Lima dan Verandah Corak ringkas atau terjemahan corak semasa dan ciri setempat atau seperti reka bentuk asal.</p> <p>Hadapan Kedai Keseimbangan dari skala dan bahan bersesuaian dengan corak asal yang munasabah.</p> <p>Ketinggian Bangunan Menggunakan ketinggian asal atau selaras dengan bangunan bersebelahan.</p> <p>Bumbung Jenis <i>terracotta</i> atau genting seramik yang sesuai.</p>	
Warna di kawasan pusat bandar	Warna ditentukan mengikut konteks keseluruhan koridor bandar.	<ol style="list-style-type: none"> Warna luar bangunan perlu sesuai dengan bangunan di sekeliling. Warna bangunan tidak perlu dihias Warna yang terang hanya digunakan untuk kesesuaian. 	Warna bangunan di zon warisan haruslah mengikut garis panduan warisan sedia ada berdasarkan kategori bangunan tersebut.

Sambungan

Perkara	Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
Lorong belakang	<ol style="list-style-type: none"> Lorong belakang yang ditambah baik untuk laluan pejalan kaki di bandar hanya boleh diakses oleh pejalan kaki atau kenderaan tidak bermotor. Jalan ini juga masih boleh diakses oleh kenderaan tertentu yang bertujuan untuk perkhidmatan, penyelenggaraan, kecemasan dan pemunggaran pada waktu tertentu. 	<ol style="list-style-type: none"> Penyediaan laluan pejalan kaki yang selesa dan selamat. Mewujudkan landskap penghubung di sepanjang laluan tersebut seperti redupan. Mewujudkan karya seni pada dinding yang kosong atau landskap mudah alih sementara yang dapat mewujudkan aktiviti interaksi sosial. 	<ol style="list-style-type: none"> Mengenal pasti jajaran lorong belakang yang menghubungkan tempat-tempat menarik utama bandar. Menyediakan aktiviti sementara di kawasan lorong belakang bagi mewujudkan rasa selamat kepada pejalan kaki dan merencanakan aktiviti sekitar. Meletakkan <i>bollard automatic</i> atau mudah alih bagi menghalang kenderaan bermotor masuk pada waktu umum pejalan kaki aktif.
Penunjuk arah di kawasan pusat bandar	<ol style="list-style-type: none"> Menyediakan maklumat yang bersesuaian. Mudah dilihat dan informasi yang dipaparkan perlulah boleh dibaca dengan baik. Tidak menghalang pandangan atau laluan pejalan kaki. Penggunaan bahasa dan ejaan yang tepat. 	<ol style="list-style-type: none"> Penggunaan warna berdasarkan tema semasa bandar. Perletakan logo bandar di setiap penunjuk arah sebagai identiti bandar. Ketinggian yang bersesuaian (2 meter) agar tidak menjadi halangan laluan kepada OKU cacat penglihatan. 	<ol style="list-style-type: none"> Penunjuk arah perlu diletakkan di persimpangan jalan utama. Mengenal pasti <i>point of interest</i> di kawasan pusat bandar yang menjadi galakan untuk pejalan kaki.

Sambungan

Perkara	Garis Panduan Umum	Garis Panduan Khusus	Cadangan Tindakan
Landskap di kawasan bandar	Tiang lampu	<ol style="list-style-type: none"> 8 meter dari tiang lampu. Sekiranya silara matang pokok kecil, jarak boleh dikurangkan sehingga 5 meter dari tiang lampu. 	<ol style="list-style-type: none"> Menggalakkan penanaman pokok renek berpasu, pokok sederhana tinggi dan bertingkat (terutama <i>Bucida sp.</i>), pokok bonsai dan bunga-bunga berwarna biru dan kuning. Menekankan kepada tema Bandar Pentadbiran dengan penataan imej berbentuk formal dan elemen warisan di zon warisan di bandar Temerloh dan tema Bandar Pertanian di bandar Mentakab.
	Simpang jalan	8 meter dari <i>kerb</i> di simpang jalan.	
	Pili bomba dan penunjuk arah trafik	3 meter	
	Jalan masuk, margin lorong, utiliti bawah tanah, tiang utiliti	1.5 meter	
	Antara pokok bersebelahan berlainan spesies	<ol style="list-style-type: none"> 6 meter jarak piawaian. Jarak antara pokok juga perlu ditentukan oleh silara matang spesies yang dipilih dan yang bersebelahan. 	
	Jarak antara pokok	<ol style="list-style-type: none"> 6 meter jarak piawaian. Jarak antara pokok perlu ditentukan oleh silara matang spesies yang dipilih. Elemen landskap perlu mengambil kira keperluan OKU. 	



4.10.2 PEMELIHARAAN BANGUNAN WARISAN

Kawasan	Tindakan	Perkara yang Perlu Dielakkan
Sistem struktur keseluruhan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengekalkan sebanyak mungkin bentuk dan corak struktur / karakter asal. 2. Merawat dan mengukuhkan kerosakan yang nyata seperti menampal retak, membaiki alang-alang / penyokong. 3. Memperbaiki bahagian sistem struktur apabila hanya diperlukan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memusnahkan dan mengacau ganggu struktur penyokong terutama asas bangunan. 2. Kegagalan merawat struktur penyokong dengan baik akan mengakibatkan kemerosotan di kemudian kelak.
Fasad luaran (Hiasan batu atau hiasan plaster)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja hiasan batu / plaster perlu dibersihkan dengan berhati-hati dengan menggunakan tekanan air yang rendah dan berus yang lembut. 2. Mengekalkan hiasan batu plaster yang asli. 3. Penggantian elemen-elemen yang musnah seperti 'cornices', pendakap dan lain-lain mengikut ciri-ciri asli sebaik mungkin. 4. Mengekalkan dengan sebaik mungkin tekstur dan waktu hiasan batu / plaster yang asli. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menggunakan cara pencucian yang agresif seperti 'sandblasting' perlu dielakkan begitu juga dengan produk pencucian kimia. 2. Elakkan dari menggunakan jenis-jenis alat kalis air (<i>water proofing</i>) kecuali pada masalah yang spesifik. 3. Tidak digalakkan penggunaan cat yang keterlaluan di atas hiasan batu / plaster.
Kerja kayu (ukiran dan sebagainya)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membaiki dan mengganti corak kerja kayu sebaik mungkin dengan corak asli dan segi saiz, bentuk dan tekstur. 2. Bagi penggantian kepada bahan struktur kayu yang dibuat, penyambungannya mestilah mengikut corak yang asli. 	Tidak dibenarkan penggantian kayu penyokong struktur dengan bahan yang tidak sesuai seperti besi dan aluminium.
Bahan bumbung	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekalkan curaman dan bahan bumbung yang asal. 2. Pastikan tiada ketelusan air. 3. Apabila menggantikan bumbung, gunakan bahan bumbung yang selaras dengan corak asli dan segi saiz, bentuk dan tekstur asli. 	Tidak digalakkan menggunakan bahan pengalis air di bumbung yang tidak selaras dengan warna dan tekstur asli seperti bahan tar.

Kawasan	Tindakan	Perkara yang Perlu Dielakkan
Pintu dan tingkap	<ol style="list-style-type: none"> Baiki kerosakan yang ada pada tingkap, pintu, ambang antara, bingkai tingkap dan sebagainya. Gantikan di mana yang tidak dapat dibaiki seperti pintu dan tingkap dengan menitikberatkan dari segi saiz dan butiran yang terdapat pada yang asli. 	<ol style="list-style-type: none"> Menyediakan dan mengubah perletakan ruang pembukaan (pintu dan tingkap). Memasang tingkap dan pintu baru dengan penggunaan bahan yang tidak sesuai dan selaras. Memasang alat penghawa dingin di bahagian rangka / bingkai tingkap. Menutup pintu dan tingkap dengan bidai dan <i>grill</i> keselamatan yang tidak sesuai.
Pintu masuk, anjung, balkoni dan tangga	<ol style="list-style-type: none"> Kekalkan dan baiki pintu masuk, anjung, balkoni dan tangga sedia ada. Sekiranya perlu ditukar, pastikan karekter dan skalanya dikekalkan. 	<ol style="list-style-type: none"> Menutup balkoni dengan tingkap berbingkai aluminium dan kaca. Penambahan anjung yang tidak sesuai dan janggal.
Struktur dalaman	<ol style="list-style-type: none"> Mengekalkan dengan sebaik mungkin pelan dan susun atur yang asli. Tingkat-tingkat tambahan adalah tidak digalakkan sekiranya diperlukan juga, tingkat tambahan ini perlu dianjakkan ke belakang supaya tidak merosakkan skala struktur sedia ada. Kekalkan ketinggian asal setiap bilik, elakkan seberapa yang boleh membentuk <i>false ceilings</i> di dalam ruang dalaman. Kekalkan tangga-tangga asal kecuali kepada yang mempunyai struktur yang tidak kukuh. Kekalkan ciri-ciri keaslian kepada hiasan-hiasan plaster, <i>cornices</i> jejaring, <i>balustrades</i> dan sebagainya. 	<ol style="list-style-type: none"> Penambahan tingkat di dalam bangunan yang terlindung di sebalik fasad asal. Penambahan ruang dan bahan-bahan yang mengagihkan ruang dalaman sering memberi tekanan (<i>stress</i>) yang berlebihan kepada struktur bangunan.
Sistem kejuruteraan	Unit-unit penyamanan udara dan antena televisyen mestilah diletakkan secara terselindung.	Kabel dan <i>ductings</i> yang terdedah.



Kriteria Penambahan	Syarat Kebenaran
Mana-mana bahagian bangunan yang telah diubahsuai atau telah ditambah sehingga mencatatkan keaslian seni bina asal bangunan tersebut.	Hendaklah ditukar dan diganti dengan corak reka bentuk asal (maklumat diperolehi melalui kajian).
Mana-mana bahagian yang melibatkan tambahan ataupun pengubahsuaian reka bentuk asal.	Mestilah tidak menjejaskan karekter asal bangunan dan kawasan sekitarnya. Semua pengubahsuaian mesti direkodkan melalui gambar foto.
Bahan-bahan yang akan digunakan untuk elemen-elemen tambahan dan pengubahsuaian.	Hendaklah sama atau hampir sama dengan bahan binaan asal. Sebagai contohnya genting 'V' tradisional (<i>indian tile</i>) boleh diganti dengan genting baru yang mempunyai bentuk (<i>profile</i>) yang sama.
Kerja-kerja pengubahsuaian dan tambahan ruangnya dalam bangunan.	Dibenarkan selagi struktur dan elemen-elemen utama seperti perigi udara (<i>air well</i>), tangga, dinding pemisah dan lain-lain dikekalkan.
Kerja-kerja penambahan dan pengubahsuaian di bahagian belakang bangunan atau dapur.	Dibenarkan hanya untuk bangunan-bangunan Kategori 3 dan lain-lain.
Cadangan penambahan yang lebih tinggi daripada ketinggian bangunan sedia ada.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Boleh dipertimbangkan sekiranya ia dibuat di blok belakang bangunan sedia ada atau pada bahagian dapur dan tidak menjejaskan pandangan hadapan fasad. 2. Penambahan yang dicadangkan hendaklah bersesuaian dengan gaya, <i>spint</i> dan skala seni bina sedia ada. 3. Penambahan ketinggian bangunan yang melebihi bangunan bersebelahan hanya dibenarkan dengan menggunakan pakai pembangunan secara <i>step back</i>.
Cadangan untuk penukaran kegunaan kepada kegunaan baru (<i>adaptive reuse</i>).	Dibenarkan selagi ianya tidak menjejaskan reka bentuk asal dan struktur bangunan tersebut.
Tempat meletak kereta, seni taman dan perabot jalan yang dicadangkan	Hendaklah bersesuaian dengan karakter bangunan dan kawasan sekitar.



4.11 KOMPONEN SEMI NATURAL HABITATS LADANG HUTAN

Garis Panduan Komponen *Semi Natural Habitats* Ladang Hutan bertujuan memberi panduan di dalam menyediakan komponen di kawasan ladang hutan sedia ada, peringkat tanaman semula dan baru di dalam kawasan Hutan Pengeluaran. Penyediaan setiap komponen perlu mengikut kajian terperinci dan kesesuaian tapak. Komponen perincian garis panduan ini adalah seperti berikut:

1

Pemeliharaan cerun dan puncak bukit



2

Pemeliharaan tempok hutan



3

Pembentukan zon riparian



4

Amalan tanaman penutup bumi



5

Amalan agroperhutanan ke atas kawasan tanaman monokultur



6

Pembentukan koridor ekologi mini untuk laluan hidupan liar



Pemeliharaan Cerun dan Puncak Bukit



Keperluan Garis Panduan


- i. Pemeliharaan salah satu kawasan sensitif alam sekitar.
- ii. Pengawasan kesan hakisan cerun dan puncak bukit.
- iii. Pemeliharaan geologi, habitat hidupan flora dan fauna puncak bukit dan cerun.
- iv. Memelihara keindahan dan mercu tanda semula jadi kawasan.

Definisi Bukit dan Kategori Cerun

- i. Kawasan berketinggian 150-300 meter (merupakan kawasan tadahan air dan KSAS)
- ii. Kelas I (Kurang 15 darjah)
- iii. Kelas II (15-25 darjah)
- iv. Kelas III (25-35 darjah)
- v. Kelas IV (Melebihi 35 darjah)

Jenis Hutan Bukit

- i. Hutan Dipterokarpa Pamah meliputi semua hutan



Kategori	Perincian Garis Panduan
Kaedah Penyediaan Komponen	<ol style="list-style-type: none"> i. Memelihara kawasan puncak bukit dan cerun curam di peringkat pembersihan tapak untuk penanaman baru. ii. Memelihara puncak bukit dan cerun curam dengan tanaman sedia ada di peringkat penanaman semula. iii. Mempelbagai spesies tanaman puncak bukit dan cerun curam kawasan tanaman sedia ada melalui langkah perhutanan semula atau penanaman pokok yang sesuai yang dapat mewujudkan ciri kawasan hutan. iv. Merujuk kepada garis panduan berkaitan.
Rujukan Garis Panduan Perancangan Berkaitan	<ol style="list-style-type: none"> i. GPP Pemeliharaan Bukit dan Cerun (JMG) ii. Garis Panduan Pemetaan Geologi Terrain (JMG) iii. Garis Panduan Penentuan Zon Bahaya Di sekitar Batu Kapur iv. Garis Panduan Pembangunan Pertanian di Tanah Bercerun Edisi 2020 oleh Jabatan Pertanian Malaysia v. GPP Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi (PLANMalaysia)

Pemeliharaan Tempok Hutan



Keperluan Garis Panduan

- i. Pemeliharaan salah satu kawasan bercirikan hutan di dalam ladang.
- ii. Pengawasan kesan hakisan permukaan bumi.
- iii. Pemeliharaan geologi, habitat hidupan flora dan fauna kawasan terpilih di dalam ladang hutan.
- iv. Memelihara keindahan dan suasana semula jadi kawasan ladang hutan.
- v. Mengurangkan paras suhu kawasan ladang hutan.
- vi. Meningkatkan pendapatan syarikat perladangan daripada kepelbagaian hasil tanaman di dalam tempok hutan.

Definisi Tempok Hutan

Kawasan semula jadi atau bertanam termasuk kawasan berhutan, paya, belukar, kawasan kurang sesuai untuk tanaman yang terdapat di tapak atau kawasan ladang.



Kategori	Perincian Garis Panduan
Kaedah Penyediaan Komponen	<ol style="list-style-type: none"> i. Memelihara kawasan semula jadi dan tidak sesuai untuk tanaman (<i>unplantable area</i>) di peringkat pembersihan tapak untuk penanaman baru. ii. Memelihara dan mengekalkan beberapa kawasan tanaman sedia ada di peringkat penanaman semula. iii. Mempelbagaikan spesies tanaman beberapa tapak di kawasan tanaman sedia ada melalui langkah perhutanan semula atau penanaman pokok yang sesuai yang dapat mewujudkan kawasan bercirikan tempok hutan. iv. Saiz minimum setiap tempok hutan tertakluk kepada ciri-ciri fizikal tapak sesebuah kawasan.
Rujukan Berkaitan	<ol style="list-style-type: none"> i. <i>Terrestrial mammal species richness and composition in three small forest patches within an oil palm landscape in Sabah, Malaysian Borneo</i> oleh Henry Bernard¹, Esther L. Baking, Anthony J. Giordano, Oliver R. Wearn and Abdul Hamid Ahmad¹ ii. <i>Small habitat matrix: How does it work?</i> oleh Casey Keat-Chuan Ng, John Payne & Felicity Oram, <i>Ambio A Journal of the Human Environment</i>

Amalan Tanaman Penutup Bumi



Keperluan Garis Panduan

- i. Mengurangkan hakisan permukaan tanah.
- ii. Menambah unsur nutrien dalam tanah terutama nitrogen.
- iii. Pemeliharaan kelembapan tanah.
- iv. Memelihara dan meningkatkan biodiversiti ladang.
- v. Mengurang risiko jangkitan penyakit kepada tanaman.
- vi. Menggalakkan pertumbuhan akar rerambut dalam tanaman.
- vii. Menambah pendapatan petani hasil daripada tanaman penutup bumi.

Definisi Tanaman Penutup Bumi

Merupakan tumbuh-tumbuhan yang boleh tumbuh sangat cepat dan digunakan sebagai tanaman di antara tanaman utama.



Kategori	Perincian Garis Panduan
Kaedah Penyediaan	<ol style="list-style-type: none"> i. Menanam tanaman yang sesuai di ruang antara deretan / barisan pokok utama. ii. Menanam tanaman kekacang yang sesuai, cepat tumbuh dan tahan kepada naungan seperti <i>Calopogonium Caerulium</i> (CC), <i>Pueraria Javanica</i> (PJ), <i>Calopogonium Mucunoides</i> (CM), <i>Centrosema Pubescens</i> (CP), <i>Mucuna Cochinchinensis</i> (MC) dan <i>Mucuna Bracteata</i> (MB). iii. Menggalakkan peladang menanam tanaman penutup bumi sebagai sumber pendapatan sampingan atau tambahan.
Rujukan Berkaitan	<ol style="list-style-type: none"> i. Penanaman dan Pengurusan Kekacang Penutup Bumi ii. Jenis Tanaman Penutup Bumi – www.animhosnan.blogspot.com iii. <i>Understory – An Overview</i> – www.sciencedirect.com



**Keperluan
Garis
Panduan**

- i. Mempelbagaikan jenis tanaman di dalam kawasan ladang.
- ii. Meminimumkan kesan negatif alam sekitar daripada sistem tanaman monokultur.
- iii. Mempelbagai dan meningkatkan pendapatan peladang.
- iv. Meningkatkan biodiversiti ladang.
- v. Meminimumkan kesan hakisan tanah.
- vi. Meningkatkan kesuburan dan kelembapan tanah.
- vii. Mewujudkan ciri-ciri kawasan hutan di dalam ladang.
- viii. Mengurangkan tahap suhu dan mewujudkan suasana nyaman ladang.

Definisi Agroperhutanan

Satu sistem pengurusan penggunaan tanah di mana pokok-pokok atau pokok renek tumbuh di sekitar atau antara tanaman atau padang rumput. Gabungan pertanian dan perhutanan yang disengajakan ini mempunyai pelbagai faedah, termasuk peningkatan biodiversiti dan penurunan hakisan.



Kategori	Perincian Garis Panduan		
Kaedah Penyediaan	i. Mempelbagai atau mengintegrasikan tanaman lain dengan tanaman utama.		
	ii. Menanam tanaman mengikut tiga model tanaman iaitu:		
	Bil	Model Tanaman	Kombinasi
	1.	<i>Interrow Planting</i>	Campuran barisan tanaman pokok hutan, herba dan pokok utama.
2.	<i>Perimeter Planting</i>	Tanaman pokok hutan di sekeliling kawasan ladang.	
3.	<i>Hedge Planting</i>	Barisan tanaman pokok hutan, herba dan pokok utama secara berpagar.	

Kategori	Perincian Garis Panduan
Rujukan Berkaitan	<ul style="list-style-type: none">i. Sistem Tanaman Sawit Dua Baris Kembar – MPOBii. <i>Rubber Agroforestry in Thailand provide some biodiversity benefits without reducing yields – Journal of Applied Ecology, British Ecology Society</i>iii. Agropertanian peringkat mutu tanah, tumbuhan hutan – FRIM

Koridor Ekologi Mini



Keperluan Garis Panduan

- i. Mewujudkan laluan ekologi untuk hidupan liar di dalam ladang mengikut panjang dan kelebaran yang sesuai (maksimum 200 meter).
- ii. Menyambung blok atau kawasan hutan yang terputus akibat pembangunan kawasan ladang hutan.
- iii. Meminimum konflik antara peladang dan hidupan liar, sekaligus membolehkan manusia dan hidupan liar hidup bersama (*co-existence*) secara harmoni.
- iv. Meminimum tahap kerugian usaha ladang kesan dari pencerobohan hidupan liar.
- v. Mewujudkan suasana peladangan yang selamat.
- vi. Menubuhkan semula koridor mini sebagai arboretum yang berfungsi untuk tanaman dan biodiversiti hutan asli.
- vii. Meniru hutan semula jadi dengan pelbagai lapisan dan spesies hutan asli yang akan memenuhi diet gajah dan hidupan liar yang lain.
- viii. Mempromosikan perkhidmatan ekosistem seperti penyebaran benih melalui najis gajah atau pendebungaan oleh burung dan lebah.

Definisi Koridor Ekologi Mini

Rizab atau jajaran khas disediakan di dalam kawasan ladang atau kebun untuk menyambung kawasan hutan yang terputus akibat pembangunan ladang hutan bagi tujuan laluan hidupan liar.







Contoh koridor mini di Wilayah Antarctic Brazil






Contoh pemeliharaan tompok hutan di dalam ladang di Kuala Pilah



Kategori	Perincian Garis Panduan
